



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 18 OGOS 2015 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis (Ketua)

Encik Mohd. Redzuan bin Adam

Encik Farizal bin Baharin

Pelapor Perbincangan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga pada 18 Ogos 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat.

i) Kertas Mesyuarat Bilangan 63 Tahun 2015

- Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan. *Special Select Community And Competence Acountability And Transferencies* SELCAT bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011.

Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

III. PERTANYAAN-PERTANYAAN

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semua. Memandangkan Yang Berhormat Seri Setia telah balik ke Dewan Negeri pada hari ini, saya menjemput Yang Berhormat Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan No. 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : UNISEL

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Yang Berhormat Kajang. *Turn Around Plan* merupakan salah satu prosedur yang perlu dilalui secara berkala bagi memastikan setiap program yang ditawarkan oleh universiti sesuai dan memenuhi keperluan industri. Semua aspek akademik yang terlibat akan dikaji bagi memastikan mutu akademik di UNISEL mendapat pengiktirafan MQA atau pun *Malaysian Qualification Agency* dengan izin. UNISEL mempunyai lebih kurang 70

program yang telah mendapat akreditasi penuh oleh MQA selebihnya sekitar 20 program masih dalam proses untuk memperoleh akreditasi atau menunggu tarikh matang untuk permohonan akreditasi. UNISEL juga telah dinaik taraf ke setara *tier* 5 atau pun cemerlang. Untuk makluman, *tier* paling tinggi ialah *tier* 6 dan tidak ada mana-mana IPT di Malaysia yang mendapat *tier* 6. Jadi kita telah mendapat *tier* 5 daripada pihak MQA. Sebelum ini UNISEL mendapat tahap *tier* 4. Kenaikan penarafan ini memperlihatkan bahawa mutu akademik UNISEL dikaji secara berkala untuk memenuhi keperluan industri dan mengemas kini mutu akademik.

Kerajaan negeri juga telah menubuhkan satu jawatankuasa penambahbaikan yang dianggotai oleh dipengerusikan oleh Dr. Shaharir Mohd Zin dan dianggotai oleh Prof. Dato' Ir. Dr. Hassan Basri daripada UKM, Prof. Dato' Dr. Jamil Osman mantan Timbalan Rektor UIA, Prof. Dato' Dr. Anuar Zaini Mohamad Zin mantan Naib Canselor Universiti Malaya dan juga Dato' Dr. Toh Kim Hoon mantan EXCO Pendidikan Pulau Pinang. Dan bagi soalan B, tempoh yang untuk Turn Around UNISEL, kita juga telah sesuai dengan cadangan jawatankuasa penambahbaikan tersebut, kita telah menubuhkan Jawatankuasa Gelintar atau pun *Search Community* bagi melantik pegawai-pegawai kanan di UNISEL. Dengan ini mereka akan menjalankan pihak pimpinan terbaru, pihak UNISEL akan menjalankan *Turn Around Plan* untuk meningkatkan kedudukan universiti tersebut dan kita jangkakan Jawatankuasa Gelintar ini akan mengemukakan calon-calon untuk disahkan dalam hujung tahun ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan, saya hendak tanya apakah ranking UNISEL mengikut piawai antarabangsa walaupun dikatakan TIER 5 dah naik daripada TIER 4 hendak tahu berbanding antarabangsa. Dan juga kita perlukan infrastruktur yang baik untuk anak-anak kita belajar ini, apakah status terkini keadaan infrastruktur di Kampus Bestari Jaya, terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Bagi ranking antarabangsa buat masa ini kita belum lagi termasuk dalam ranking antarabangsa bagi saya kita fokus untuk memantapkan kedudukan kita, kedudukan dalam negeri dahulu ya, kita kena maklum UNISEL masih lagi sebuah universiti yang sangat baru berbanding dengan misalnya Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan sebagainya. Seterusnya bagi infra pula dalam mesyuarat Lembaga UNISEL yang terbaru telah dipersetujui agar Perbelanjaan Pembangunan akan ditanggung oleh kerajaan negeri sementara perbelanjaan operasi akan ditanggung oleh UNISEL. Jadi dengan ini kita berharap kemudahan infrastruktur UNISEL yang kita sedia maklum memerlukan banyak penambahbaikan akan dapat melihat peningkatan dalam masa yang terdekat.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan No. 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : AGENDA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah agenda pembangunan luar bandar dan kampung, demi meningkatkan kualiti kehidupan di kawasan luar bandar?
- b) Apakah tindakan-tindakan spesifik untuk meningkatkan ekonomi luar bandar, untuk mengurangkan migrasi kepada kawasan bandar?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker, Bukit Gasing bertanyakan agenda pembangunan luar bandar. Demi meningkatkan kualiti kawasan di luar bandar kerajaan negeri sentiasa berusaha keras untuk memastikan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat pinggir bandar adalah setanding dengan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat di bandar mengikut kemampuan dan keupayaan kewangan Kerajaan Negeri. Bagi memastikan kelengkapan dan kesempurnaan infrastruktur ini, kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah kewangan yang besar khas untuk menampung pembaikan dan perwujudan infrastruktur baru di kawasan kampung. Pada tahun 2015, jumlah peruntukan yang diberi untuk penyelenggaraan jalan kampung adalah sebanyak RM12 juta berbanding dengan RM4 juta pada tahun 2014. Ini kita lihat kerana masih banyak lagi respons atau pun komen-komen daripada masyarakat kampung berkaitan jalan-jalan terutamanya di luar kawasan luar bandar. Manakala bagi menaik taraf kemudahan asas desa, peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM4 juta. Dan peningkatan peruntukan ini menunjukkan bahawa negeri dengan penuh komitmen dalam menaikkan taraf kemudahan awam dan infrastruktur di Negeri Selangor khasnya di kawasan-kawasan kampung.

Seperti mana saya maklumkan semalam selain daripada itu, kerajaan negeri juga memperuntukkan daripada jumlah peruntukan wang MARRIS sebanyak RM10 juta untuk naik taraf jalan-jalan terutamanya di kawasan luar bandar. Dan dengan saya maklumkan bahawa daripada peruntukan itu sejumlah RM8,957,577.78 telah diluluskan untuk pembangunan naik taraf jalan-jalan di kawasan desa. Dan RM2,242,859.82 telah kita luluskan untuk pembaik pulih dewan-dewan, balai raya atau pun kemudahan-kemudahan awam di kawasan-kawasan luar bandar yang mana ia telah melibatkan sebanyak sejumlah 150 batang jalan yang kita akan

selenggarakan dan juga baik pulih kemudahan awam sejumlah 71 buah yang membawa jumlah keseluruhannya pada masa ini adalah RM11,200,438.60 berbanding dengan RM11 juta secara keseluruhannya yang kita peruntukan daripada kerajaan negeri. Dan program-program ini atau pun projek-projek ini terus berjalan seperti mana yang kita harapkan dan saya jangkakan dengan permohonan-permohonan yang masih banyak lagi kita akan selesaikan peruntukan itu. Malah saya melihat bahawa keperluannya untuk masa hadapan terutamanya untuk tahun hadapan kita menambahkan bajet untuk penyelenggaraan jalan-jalan negeri yang saya kira masih banyak lagi yang perlu kita uruskan.

Dan pada tahun ini kita menjuruskan kepada pembangunan atau pun pengurusan jalan-jalan yang berada di *reserve* kerajaan. Kita masih lagi mempunyai masalah dengan pembangunan jalan-jalan yang disifatkan sebagai jalan awam yang mana terletak atau pun jalan-jalan ini di atas tanah-tanah persendirian yang pada masa ini pada peringkat kerajaan negeri kita melihat walaupun ada kebenaran secara *consent* untuk kita menyelenggarakan jalan-jalan ini, tetapi kita mahu melihat satu prosedur yang baik yang mungkin mengikut secara undang-undang yang tidak akan menjadikan permasalahan pada masa akan datang. Selain daripada itu, kerajaan negeri cukup komited dengan melaksanakan program-program sosial ekonomi bagi memastikan kualiti hidup masyarakat di kampung adalah setanding dengan masyarakat di bandar seperti mewujudkan dataran peniaga untuk peniaga-peniaga kampung yang mana kita telah mendapat kelulusan pada tahun ini. Kita akan mengadakan secara *private* projek yakni pembinaan dataran niaga kepada 9 tempat atau pun 1 daerah satu dataran niaga yang akan kita bangunkan dengan sejumlah peruntukan RM150,000.00 yang mana tujuannya adalah untuk memberi peluang kepada peniaga-peniaga pasar malam terutamanya yang berniaga di bahu-bahu jalan yang akan kita sesuaikan dengan keadaan atau tempat yang lebih baik sama ada tanah kerajaan atau pun *reserved-reserved* yang kita boleh bangunkan. Jadi kita bangunkan ini sebagai dataran niaga untuk memberikan peluang kepada masyarakat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan yang secara tidak langsungnya akan membantu mereka dari sudut ekonomi.

Selain daripada itu juga, kita telah meluluskan projek inkubator untuk belia-belie di kawasan desa atau pun mereka-mereka yang mempunyai atau pun selepas mereka menghadiri kursus-kursus kemahiran di INPENS dan sebagainya kerana kita lihat satu pilot projek yang kita buat dahulunya inkubator Kuala Selangor memberikan hasil yang baik untuk anak-anak kita yang mempunyai kemahiran ini. Dan kerajaan negeri telah meluluskan 4 inkubator sebagai pilot projeknya pada tahun ini dengan jumlah RM150,000.00 peruntukan setiap inkubator dan buat masa ini kita telah luluskan dua tempat di Klang dan juga di Kuala Langat untuk kita bangunkan mengikut kursus-kursus yang tertentu yang kita kira ia cukup bermanfaat kepada anak-anak kita terutamanya mereka-mereka atau pun belia-belie yang keciciran daripada bidang akademik. Selain daripada itu juga kita merancang supaya kedai-kedai luar bandar, bengkel-bengkel yang mana mungkin pada tahun ini tidak ada

peruntukan, kita mengharapkan pada tahun hadapan kita juga akan bangunkan peruntukan yang kita akan jangkakan nanti. Kerajaan negeri telah melaksanakan

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sijangkang, boleh simpulkan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih. Kerajaan negeri telah melaksanakan beberapa program untuk meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar terutamanya adalah program kursus pembangunan usahawan desa, kursus kemahiran jangka pendek dan juga jangka panjang di INPENS dan juga Institut Kulineri Anjung Utara yang mana peruntukan yang kita peruntukan sejumlah lebih daripada RM200 ribu untuk jangka pendek dan melebihi hampir kepada RM800 ribu untuk jangka sederhana yang mana ini akan memberikan peluang kepada anak-anak desa atau pun anak-anak kampung luar bandar untuk diberikan mereka daripada segi perniagaan atau pun perniagaan yang berkaitan dengan makanan dan juga usahawan-usahawan kemahiran yang saya fikir ia cukup memberikan manfaat kepada anak-anak desa atau pun anak-anak luar bandar yang akhirnya kita mengharapkan mereka mempunyai peluang pekerjaan di kawasan luar bandar dan mereka tidak akan mengkorelasikan kepada kawasan luar bandar dan mencukupi ekonomi untuk membantu kehidupan mereka seharian.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras, soalan seterusnya, soalan seterusnya.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Soalan No. 11

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kerajaan bersedia untuk mewujudkan pusat dialisis di setiap DUN atau bekerjasama dengan pusat sedia ada?
- b) Berapa banyakkah peruntukan yang telah digunakan untuk perbelanjaan pusat dialisis sedia ada?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI: Terima kasih Paya Jaras, Paya Jaras bertanya tentang Pusat Dialisis Rakyat jadi saya mohon untuk menjawab soalan 195 daripada Jeram dan 306 daripada Kuala Kubu Bharu.

Tuan Speaker kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke-9/2015 bersidang pada 4 Mac 2015 telah bersetuju menjalankan kerjasama

strategik dengan Pusat Dialisis swasta yang sedang beroperasi di negeri Selangor untuk dijadikan Panel Dialisis Sihat Selangor. Objektif utama pelaksanaan Pusat Dialisis Sihat Selangor adalah bagi membantu pesakit buah pinggang yang kurang kemampuan mendapatkan rawatan dialisis secara berkala di pusat-pusat dialisis yang dilantik dan hampir dengan kediaman mereka. Strategik pelaksanaan Pusat Dialisis Sihat Selangor ini dilihat lebih berkesan mudah mewujudkan dan menguruskan pusat dialisis sendiri. Bagi tujuan tersebut kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah memilih melawat dan mengaudit pusat dialisis swasta yang mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan akan melantik mereka sebagai Panel Pusat Dialisis Sihat Selangor mereka telah mengadakan sesi lawatan dan audit bersama-sama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bagi melantik Panel Pusat Dialisis Sihat Selangor .

Bagi tahun 2015 Kerajaan Negeri bercadang untuk melantik sebanyak 20 panel Pusat Dialisis Sihat Selangor. Sejumlah 22 buah pusat dialisis swasta telah dilawat mengikut daerah seperti berikut:-

- i. Petaling Jaya – 11
- ii. Hulu Langat – 3
- iii. Klang – 5
- iv. Kuala Selangor – 2

Antara syarat-syarat lantikan Panel Dialisis Sihat Selangor adalah seperti berikut:

- i. Pusat dialisis mestilah berada di Selangor
- ii. Lesen operasi yang masih sah tidak tamat tempoh
- iii. Dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
- iv. Mempunyai tempat kosong sekurang-kurangnya 3
- v. Mempunyai kawasan yang bersih, kondusif, dan selesa kepada pesakit yang menerima rawatan
- vi. Mematuhi semua syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
- vii. Pusat dialisis mestilah berdaftar dengan sistem pembayaran elektronik Kerajaan Negeri Selangor, SPEK

Pada masa hadapan kerajaan Negeri bercadang melantik lebih banyak lagi pusat dialisis swasta dilantik untuk Pusat Dialisis Sihat Selangor. Untuk soalan (b) tiada sebarang peruntukan Kerajaan Negeri diperuntukkan perbelanjaan pusat dialisis sedia da semua perbelanjaan rawatan pesakit adalah di bawah tanggungan pusat dialisis itu sendiri. Walau bagaimanapun melalui Bantuan Sihat Selangor sehingga 31 Julai 2015 seramai 852 pesakit dengan jumlah peruntukan sejumlah RM1.644 juta telah menerima manfaat daripada bantuan kesihatan sihat Selangor mulai 2010

sehingga 2015 setiap penerima menerima sebanyak RM2000 sehingga RM5000 bergantung pada kos rawatan yang dipohon.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Puan Speaker, saya ingin bertanya daripada jawapan yang diberi oleh EXCO, 20 buah panel yang akan diwujudkan itu lokasi yang dinyatakan didapati tidak meliputi semua DUN, jadi soalan saya adakah kerajaan Negeri berhasrat untuk memastikan setiap DUN akan menjadi panel pelaksanaan pusat dialisis ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI: Terima kasih Batu Tiga, di seluruh Selangor terdapat 115 buah pusat dialisis swasta jadi untuk 2015 kita baru kita akan melaksanakan dan kita akan melantik sejumlah 20 panel dialisis dan selebihnya untuk 2016 kita akan mengenal pasti pusat-pusat dialisis sedia ada dan akan melibatkan DUN-DUN yang berkenaan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, Soalan No.12

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: BANJIR KILAT

12. Bertanyakan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi mengatasi masalah banjir kilat di negeri Selangor yang dilihat masih belum berjaya diatasi (terbaru berlaku di Puchong – 10 Jun 2015)
- b) Apakah jaminan kerajaan negeri bagi memastikan masalah yang sama daripada berulang?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Sungai Burong yang bertanya mengikut pelan induk kawasan banjir *hotspot* negeri Selangor 2015 yang berakhir pada 16 Ogos 2015 terdapat 77 kawasan banjir dalam negeri Selangor yang melibatkan 95 kes dan daripada 77 kawasan banjir itu, 20 kawasan daripadanya adalah kawasan baru yang melibatkan 22 kes dan sepanjang tahun 2015 juga tidak ada satu pun sungai utama yang melepasi *danger level* atau pun melimpah ini menunjukkan bagaimana banjir-banjir yang dikesan yang menjumlahkan hingga 95 kes adalah melibatkan banjir kilat yang disebabkan oleh perparitan dalaman ataupun

dengan izin *internal drainage* ke kolam-kolam takungan. Dari sudut perparitan dalaman kebanyakan kes ini disebabkan oleh perparitan tersebut tidak diselenggara dengan baik oleh demikian melalui *task force* tambatan banjir yang melibatkan semua agensi-agensinya yang berwajib termasuk PBT dan sebagainya telah kita membuat teguran-teguran terhadap permasalahan ini. Perparitan dalaman juga mempunyai masalah dari *design capacity* yang lama yang hasil daripada perubahan cuaca yang tidak menentu sekarang ini yang kebanyakannya banjir kilat yang berlaku disebabkan oleh turunnya hujan dengan kadar yang luar biasa melebihi 60 mililiter satu jam hingga tiga jam menyebabkan *design* kapasiti *drainage* kita pada hari ini tidak mampu untuk menampung dan menyebabkan berlaku banjir kilat. Untuk itu kerajaan Negeri Selangor telah pun menyampaikan cadangan atau pun *proposal* supaya kaedah penggunaan bajet MARRIS itu boleh diguna pakai untuk menaik taraf atau pun mengubah *design capacity* bagi *internal drainage* supaya mampu untuk menampung kapasiti hujan atau pun takungan air yang lebih.

Dari sudut-sudut takungan terdapat 314 kolam takungan di negeri Selangor yang sebelum daripada ini di bawah seliaan JPS, PBT, pemaju dan sebagainya dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Bil20/2015 bertarikh 24 Jun 2015 membuat keputusan supaya semua kolam-kolam takungan ini diselenggarakan oleh pihak JPS. Maka dengan itu pada tahun ini sebanyak 84 kolam takungan akan diselenggarakan oleh JPS yang diperuntukkan RM6.7 juta dan semua kolam takungan ini akan diselenggarakan akan digali akan diperdalamkan untuk satu kali dalam tempoh 4 tahun. Selain daripada itu juga, dalam RM Ke-11 sudah pasti melihat kepada dapatan-dapatan dan analisa kita dan projek-projek tambatan banjir akan dipohon supaya kita mampu untuk mengelakkan banjir-banjir ini daripada berterusan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih, soalan tambahan. Pembinaan kolam-kolam takungan ini ialah satu kaedah untuk mengatasi banjir kilat dan oleh kerana banjir kilat ini berlaku walaupun ada perancangan yang ada tapi ada penemuan-penemuan penambahan apa ini banjir kilat ini . jadi adakah kerajaan ada bercadang untuk menambah kolam-kolam takungan sebagai satu solusi jangka panjang bagi mengatasi masalah ini dan kalau ada boleh nyatakan kedudukan perancangan tersebut.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Sungai Burong, di atas cadangan-cadangan tersebut memang kolam takungan adalah didirikan berdasarkan *design* semasa dan kita tidak nafikan juga 20 kawasan baru banjir ini di sana kedapatan pembangunan baru yang sepatutnya mengikuti perancangan kewujudan kolam-kolam takungan yang peringkat awalnya sudah pasti selenggara oleh pihak pemaju sebelum diserahkan kepada pihak berkuasa dalam *task force* tambatan banjir melihat kepada kolam-kolam takungan yang sedia ada ini sama ada

mampu atau pun tidak menampung jumlah air sekitar yang menyebabkan banjir-banjir kilat berlaku dan seperti mana cadangan tersebut memang dalam penelitian pihak JPS juga bersama dengan *task force* tebatan banjir dan kita sentiasa bersidang bersama pihak-pihak berwajib dan juga bersama dengan Adun-adun yang dipilih yang kawasan mereka terlibat dengan banjir.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Puan Speaker, soalan No.13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: KERAJAAN NEGERI TELAH MELANCARKAN PEMBANGUNAN RUMAH
MAMPU MILIK**

13. Bertanyakan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan rumah mengikut kategori A,B,C,D.
- b) Berapakah jumlah rumah mampu milik yang telah dibina oleh SPN di Negeri Selangor?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera dan terima kasih kepada Kota Anggerik, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk makluman Yang Berhormat sehingga Ogos 2015 terdapat 10 projek yang melibatkan 10163 rumah Selangorku telah dibuat pelancaran dan pecah tanah yang disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor, pecahan kategori Rumah Mampu Milik ataupun Rumah Selangorku adalah seperti berikut:-

- i. Jenis A sebanyak 476 unit iaitu 4.68% jenis A adalah 42,000.00
- ii. Jenis B adalah 1332 unit iaitu 13.11% iaitu berharga 100,000.00
- iii. Jenis C ialah sebanyak 50065 sebanyak 49.84% iaitu di antara 150,00.00 sehingga 180,00.00
- iv. Jenis D ialah sebanyak 3290 iaitu 32.37% iaitu di antara 220,00.00 dan 250,00.00

Jumlah keseluruhannya adalah 10,163.00 untuk status pemajuan atau pun status rumah-rumah tersebut adalah kesemua projek tersebut telah mendapat kebenaran merancang dan statusnya adalah:-

1. Projek Gemilang Waras Sdn. Bhd ialah 695 unit di Mukim Klang
2. Gabungan Efektif Sdn. Bhd. adalah 1041 unit juga di Mukim Klang

Kerja telah dimulakan pada Mei 2015 dan dijangka siap pada bulan Mei 2018 iaitu selama tiga tahun. Seterusnya adalah projek oleh Sin Hiap Lee Sdn. Bhd. iaitu di Taman Alam Budiman Seksyen U10 Shah Alam Petaling Jaya sebanyak 536 unit kerja telah dimulakan pada tahun lepas Julai 2014 dan dijangka siap pada bulan Disember 2015 dan seterusnya adalah projek Elite Park Sdn. Bhd. oleh Mah Seng Group iaitu di bandar Kundang Mukim Rawang Gombak sebanyak 488 unit dijangka mula pada bulan Mei 2015 dan dijangka siap pada bulan Jun 2018 yang seterusnya adalah cadangan pembangunan Rumah Selangorku sebanyak 84 unit oleh Selamat Sejati Sdn. Bhd. yang akan bermula pada bulan hadapan dan akan dijangka siap pada bulan Ogos 2018 dan seterusnya Jade Home Sdn. Bhd. oleh Gamuda Land Sdn. Bhd. sebanyak 714 unit di pekan Kajang Hulu Langat dijangka mula pada bulan Oktober ini dan dijangka siap pada Oktober 2018 dan seterusnya adalah Seribu Baiduri Sdn. Bhd. oleh LBS Land Group di Mukim Tanjung Dua Belas Kuala Langat dijangka mula pada bulan November 2015 dijangka siap November 2018 merangkumi 1312 unit dan seterusnya adalah oleh Semai Merantai Sdn. Bhd. oleh Mah Seng Group cadangan pembangunan 560 unit Mukim Rawang Gombak jangka kerja adalah pada Disember 2015 dan jangka siap Disember 2018.

Yang Berhormat juga bertanya tentang rumah-rumah yang telah dibina oleh SPNB atau pun syarikat Perumahan Nasional Berhad syarikat perumahan Negara Berhad di negeri Selangor. Terdapat 5 projek iaitu jumlahnya iaitu 4395 projek yang dibina di antara tahun 2000 hingga tahun 2011 projek-projek tersebut adalah di Alam Prima Fasa 1 Seksyen 22 Shah Alam di Laguna Biru Tasik Biru Selangor , Laguna Biru Fasa 2 di Tasik Biru Selangor Taman Medan Cahaya Fasa 1 di Petaling Jaya, dan Taman Medan Cahaya Fasa II Petaling Jaya juga Selangor.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya dapati rumah Gred A 42,000 dibina hanya 4.46% permintaan rumah ini sangat tinggi apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan pemaju atau pun kerajaan sendiri untuk menambah bilangan rumah Gred A ini.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Rumah gred A ini adalah banyak lagi yang tidak dijual. Contohnya di Klang, masih ada lagi tidak dijual. Dan ada juga di Rawang , tidak dijual. Dan di Kajang , ataupun di Semenyih, di Semenyih pun ada

yang tidak terjual. Jadi bermakna, rumah-rumah ini memang di kawasan, kita bina di kawasan-kawasan strategik. Walau bagaimana pun kita dalam usaha untuk menjual rumah-rumah masih lagi tidak terjual. Kenapa dalam kawasan-kawasan yang disebut tadi, kita mengutamakan rumah yang 100 dan 150 ribu ke atas adalah oleh sebab permintaan di kawasan setempat. Untuk makluman Y.B bahawa di bawah polisi Rumah Selangorku, kita tidak meletakkan syarat untuk bina rumah, apa ni, rumah jenis A ataupun 42 ribu di seluruh negeri Selangor. Kita melihat bahawa kita melihat akan permintaan-permintaan dan kita hanya menetapkan bahawa pemaju perlu bina di kawasan di mana ada permintaan-permintaan. Terdapat banyak lagi rumah-rumah jenis A atau rumah kos rendah yang masih lagi tidak dijual yang mendatangkan beban kepada pemaju. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baru.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Ya Puan Speaker. Soalan 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG**

TAJUK : KAEDAH PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI SELANGOR

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan lawatan Kerajaan Negeri berkaitan kaedah pelupusan sampah di negara lain sejak 2008.
- b) Adakah Kerajaan negeri berhasrat menggunakan kaedah pelupusan sampah yang tidak memberi impak negatif terhadap alam sekitar selain daripada tapak pelupusan sanitari? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker. Terima kasih kepada Kuala Kubu Baru. Untuk makluman Ahli-ahli YB sekalian, sejak MMKN ke 9/2013 bersetuju supaya *task force* pengurusan sisa pepejal diuruskan. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu dikenali sebagai jawatankuasa khas *task force* pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negeri Selangor yang berfungsi melaksanakan kajian pengurusan sisa pepejal bersepadu negeri Selangor termasuklah melihat kaedah teknologi pelupusan sampah sedia ada di pasaran yang telah diguna pakai oleh lain-lain negara. Sehubungan itu, beberapa siri lawatan kerja ke luar negara telah dilaksanakan seperti pada Februari tahun 2014, lawatan kerja ke loji tenaga sisa dan loji Bayan Mas di Singapura. Pada 27 Februari hingga 6 Mac 2014 lawatan kerja ke loji MIF (*Material recovery facilities*) dan 2 lagi loji tenaga sisa di Eropah, pada Mei 2014 satu lawatan kerja ke loji tenaga sisa dan *recycling front* di Taiwan dan 2 loji MIF ... di China dan juga baru-baru ini kita juga ada lawatan kerja ke Bangkok untuk melawat satu MSW *for...* di Thailand. Dan satu, dan juga dua, ada

dua lagi facilities iaitu negatif *Pressure Building for boivest dan loji biogas* juga di Thailand. Kerajaan negeri memang berhasrat menggunakan kaedah pelupusan sampah yang tidak memberi impak negatif kepada alam sekitar. Pelbagai kaedah pelupusan sampah boleh didapati di pasaran-pasaran pada masa kini namun kerajaan negeri perlulah terlebih dahulu meneliti dan mengkaji pelbagai aspek yang merangkumi keadaan semasa urusan sisa pepejal dan juga mengenal pasti perbandingan pilihan-pilihan *option* yang ada bagi mengoptimumkan sistem pengurusan sisa pepejal dari sudut ekonomi, teknikal peringkat perkhidmatan dan kekangan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya sama ada *task force* ini juga mengkaji tentang untuk menggubal Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal untuk Selangor sekiranya ada apakah statusnya.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Rawang. Memang kerajaan negeri telah mendraf kan satu enakmen mengenai pengurusan sistem pepejal di negeri Selangor tapi kita masih menunggu maklum balas daripada Peguam Negara ya Kamar Peguam Negara.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih YB EXCO. Soalan saya adalah, apakah kaedah pengasingan sampah dan kitar semula digunakan sebagai kaedah untuk meningkatkan kecekapan kerja-kerja pelupusan sampah.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Hulu Klang. Puan Speaker, kerajaan negeri telah meluluskan satu projek perintis tentang pengasingan sampah di beberapa kawasan di negeri Selangor sebagai satu pilot projek dan akan dilancarkan dalam bulan September yang akan datang.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya no. 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(SELAT KLANG)**

TAJUK : SEKOLAH AGAMA

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan untuk penambahbaikan sekolah di bawah JAIS? Berapa untuk SRA? SABK?
- b) Apakah mekanisme kerajaan membantu memperkasakan sekolah agama rakyat di seluruh negeri Selangor?
- c) Memandangkan sekolah agama rakyat semakin bertambah saban tahun, adakah peruntukkannya ditambah?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Peruntukan untuk penambahbaikan sekolah di bawah Jabatan Agama Islam Selangor bagi Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) adalah sebanyak RM3,500,000-00 bagi tahun 2015.

Dan untuk SRA dan SBKA ini juga mendapat peruntukan daripada Lembaga Zakat Selangor sejumlah RM5juta untuk tujuan yang sama. Bagi memperkasakan sekolah-sekolah agama di seluruh negeri Selangor, kerajaan negeri memastikan sekolah-sekolah yang ini berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor untuk melayakkan mereka mendapat bantuan yang disalurkan sama ada daripada kerajaan negeri ataupun kerajaan persekutuan melalui bantuan modal, bantuan per kapita, bantuan sekolah pondok, bantuan latihan guru dan juga bantuan bahan bantuan mengajar. Juga melaksanakan pemantauan berterusan melalui sektor pengurusan Naziran bahagian pendidikan agama Islam , bahagian pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Selangor meliputi aspek pengurusan, kewangan, kurikulum dan aktiviti murid. Bagi memperkasakan guru-guru di sekolah agama rakyat ini, kerajaan negeri menyediakan kursus jangka panjang, kerjasama dengan UPSI, KUIS dan UNISEL. Dan jangka pendek yang dikendalikan oleh Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS), Pusat Kegiatan Guru Daerah (PKG), Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS), Unit Pengurusan Sumber Manusia JAIS dan Unit Latihan Bahagian Pendidikan Islam ,JAIS. Selain itu menyediakan juga peluang melanjutkan pelajaran di UPSI, KUIS dan juga UNISEL dan kerajaan negeri cuba untuk mengurangkan bilangan guru rakyat di sekolah-sekolah dengan melantik guru-guru Kafa dan melantik guru-guru berkenaan yang memenuhi syarat ke jawatan kontrak dan tetap bagi jawatan yang kita ada;

Dan setakat ini di mana kita sedia maklum peruntukan sebanyak RM6juta ringgit setahun daripada kerajaan negeri untuk sekolah-sekolah agama rakyat diteruskan dan setakat ini tidak ada penambahan daripada segi peruntukan itu. Pun begitu kita akan mengkaji daripada masa ke semasa keperluan-keperluan tersebut.

Y.B. PUAN NOOR HANIS BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIS BINTI ISMAIL: Terima kasih Puan Speaker. Adakah perancangan kerajaan negeri mencadangkan untuk membangunkan sekolah agama menengah untuk menampung kebanjiran permohonan rakyat yang memerlukan pendidikan agama di peringkat menengah. Sekian terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Bagi pembangunan sekolah menengah agama kita memerlukan juga kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang mana, yang mana saya kira antara juga tumpuan kita adalah pendidikan di peringkat menengah yang mana permintaan cukup tinggi dan permasalahan yang kita hadapi apabila kerajaan negeri sendiri menubuhkan sekolah menengah agama ini daripada segi keperluan mata pelajaran-mata pelajaran akademik guru-gurunya. Kita bermasalah dengan keperluan guru-guru ya, yang mana perlu diberikan daripada pihak Kementerian. Pun begitu, atas usaha yang kita boleh lakukan di peringkat negeri, kita akan cuba menambahkan bilangan bahan-bahan integrasi tahfiz yang kita adakan yang mana kita sedia maklum setakat ini kita ada tiga buah tahfiz integrasi dan Insya-Allah dengan perkembangan terkini, pembaikpulihan bekas sekolah KAFA di Bagan Lalang, kita jadikan sebagai asrama pelajar dan pembangunan sekolah rendah agama di Bagan Lalang yang sepatutnya keperluannya di situ tetapi pada masa ini kita lihat keperluannya tidak begitu besar dan telah sedia ada maka kita akan bangunkan sebagai maahad integrasi tahfiz di Bagan Lalang dan kerajaan negeri sedang merancang setiap tahun kita akan bangunkan sebuah maahad tahfiz integrasi untuk memenuhi hasrat satu daerah satu maahad tahfiz integrasi di negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Puan Speaker. Soalan no. 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah Kerajaan Negeri telah membangunkan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri sebagaimana yang diwar-warkan?

- c) Bagaimanakah pelan induk ini dapat menjamin pergerakan rakyat dengan cekap dan selesa?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker. Kerajaan sentiasa komited bagi menyediakan perancangan infrastruktur yang terbaik kepada rakyat. Seperti yang telah dijanjikan sebelum ini, kerajaan telah melantik perunding yang berkeelayakan bagi menyediakan kajian ini yang dijadualkan mengambil masa selama 6 bulan. Draf laporan interim kerajaan ini dijadualkan disiapkan seawal bulan November 2015. Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor merupakan dokumen asas ke arah perancangan pengangkutan awam yang mencukupi kebolehsampaian, ketepatan masa, *user friendly*, selamat, strategi dan komprehensif. Kerajaan amat peka terhadap masalah utama pengangkutan awam di negeri Selangor seperti berikut :

- 1) Penggunaan kenderaan persendirian yang tinggi;
- 2) Kawasan liputan bas henti-henti yang rendah;
- 3) tahap penyediaan kemudahan sokongan sistem pengangkutan awam yang mesra pengguna tidak menyeluruh;
- 4) kawasan liputan perkhidmatan *rail* terhad dan berada di lokasi yang tidak memenuhi kehendak dan perancangan negeri dan;
- 5) kekurangan perkhidmatan sokongan pengangkutan *rail*

Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan pelaburan dalam pembangunan infrastruktur pengangkutan awam dan menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama. Sehubungan itu, penyediaan pelan ini akan memandu kerajaan mencapai hasrat tersebut selaras dengan pembangunan ekonomi peduli rakyat negeri Selangor. Apabila disiapkan kelak, kerajaan ini akan dapat menentukan hala tuju pengangkutan awam negeri Selangor seperti berikut:

- 1) Mencapai sasaran nisbah pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian adalah 60:40;
- 2) Menghasilkan pelan induk pengangkutan awam yang komprehensif meliputi pelan jaringan lebuhraya dan pengangkutan awam semasa dan masa depan untuk rujukan Kerajaan Negeri Persekutuan, agensi terlibat dan Pihak Berkuasa tempatan bagi memastikan penyelarasan pengurusan dan pelaksanaannya lancar atau *seamless* (dengan izin) di setiap peringkat;
- 3) Mencadangkan strategi jangka masa pendek, sederhana dan panjang serta agensi bertanggungjawab terutama bagi meningkatkan penggunaan

pengangkutan awam meliputi perkhidmatan LRT, MRT, BRT, *feeder Bas* (dengan izin), perkhidmatan bas dan teksi;

- 4) Mencadangkan dan mengintegrasikan jalan raya dalam lebuh raya sedia ada dengan pengangkutan awam sedia ada dan akan datang;
- 5) Mencadangkan dan menggalakkan penggunaan kemudahan sokongan bagi lorong pejalan kaki, lorong berbasikal dan program *car free*(dengan izin) di semua kawasan bandar;
- 6) Mencapai keseimbangan antara pembinaan lebuh raya dan penyediaan sistem pengangkutan awam melalui kajian yang telus dan terperinci dan;
- 7) Menganalisa konsep *Transit Oriental Development (TOD)* bagi membolehkan pembangunan perumahan dan komersial di Lembah Klang di integrasi dengan penyediaan infrastruktur pengangkutan awam.

TUAN SPEAKER: Dengkil

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih YB EXCO ke atas penjelasan tadi. Saya ingin bertanya kepada YB EXCO, apakah bentuk kerjasama kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan Negeri dalam membangunkan pelan Induk Pengangkutan Awam ini, sama ada pembinaan lebuh-lebuh raya baru yang dicadangkan oleh kerajaan Persekutuan sebelum ini akan diteruskan ataupun apakah bentuk kerjasama yang lain yang mana melibatkan kerajaan persekutuan untuk membantu Kerajaan Negeri menambah baik Pelan Induk Pengangkutan Awam ini. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker. Kerajaan negeri sentiasa bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam hal ini dan melalui proses *master plan* ini, Kerajaan Negeri melalui agensi seperti jabatan, JPBD, Jabatan perancangan Bandar dan Desa dan juga melalui agensi Kerajaan Persekutuan, SPAD sentiasa berbincang dalam proses penyediaan *master plan* ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV AL RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV AL RISHYAKARAN: Terima kasih. Siapakah perunding-perunding yang telah dilantik untuk membuat pelan induk ini dan berapa anggaran kos.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker ini di luar daripada tajuk pokok.

TUAN SPEAKER: Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih Puan Speaker. Soalan no. 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PELAN TINDAKAN UNTUK PENGURANGAN JURANG
PENDAPATAN ANTARA KAYA DAN MISKIN**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah strategi dan pelan tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan jurang pendapatan antara yang kaya dan miskin?
- b) Apakah kriteria dan parameter yang digunakan untuk menetapkan golongan sasaran dalam pelan tindakan ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Rawang. Persoalan yang dibangkitkan pada pagi ini oleh Yang Berhormat Rawang adalah sangat relevan berhubung fenomena kesenjangan pendapatan yang semakin parah pada hari ini. Kerajaan negeri amat prihatin dengan masalah kesenjangan pendapatan kerana keberadaan kesenjangan tersebut adalah tanda ketidakadilan sosial dalam pelaksanaan dasar. Masalah kesenjangan pendapatan ini telah mendapat perhatian dan menjadi perbincangan di kalangan pakar-pakar ekonomi. Kesedaran terhadap kesenjangan ini mendapat lonjakan setelah terbitnya sebuah buku *Thomas Piketty* yang bertajuk *Capital In The 21st Century* yang amat berpengaruh. *Thomas Piketty* menegaskan sekiranya kesenjangan ini tidak ditangani, ia boleh menggugat demokrasi. Justeru persoalan kesenjangan pendapatan adalah masalah ekonomi, masalah sosial dan masalah politik. Bahkan, saya ingin menegaskan bahawa kesenjangan pendapatan adalah masalah moral yang menuntut keberanian untuk mengatasinya. Sebagai contoh, sekiranya ada pemimpin yang boleh menghalalkan ketuannya menyimpan derma dalam akaun peribadi bernilai lebih RM2.6 bilion sudah tentulah, sedangkan rakyat sekarang ini mendapat gaji yang rendah dan dengan kos sara hidup yang tinggi. Ini perbincangan moral yang perlu ada keberanian untuk pemerintah dan penguasa menanganinya. Di Malaysia sendiri, kesenjangan ini dapat dilihat daripada *Pekali Gini Malaysia* ataupun *Gini Coefficient*. Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2014, Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan bahawa pengagihan pendapatan di kalangan isi rumah adalah bertambah baik iaitu *Pekali Gini* pada tahun 2009 ialah 0.441 diikuti 0.431 pada tahun 2012 dan 0.401 pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, maklumat ini menunjukkan bahawa tiada usaha yang serius dilaksanakan bagi mengatasi masalah kesenjangan pendapatan.

Oleh sebab itu, terdapat keperluan untuk menjana pertumbuhan dan menjamin pengagihan yang adil. Pengurangan jurang pendapatan kaya dan miskin telah menjadi agenda utama dalam belanjawan negeri Selangor 2015 mengambil kira kepada realiti ketidakmampuan ketua keluarga dan isi rumah untuk memenuhi keperluan harian, pengukuran garis kemiskinan kebangsaan pada ketika ini perlu disemak semula agar lebih bersesuaian dengan realiti dan cabaran semasa. Pada ketika ini, kerajaan Persekutuan menetapkan garis kemiskinan adalah pada kadar RM830 sebulan seisi rumah manakala miskin tegar pada RM520 sebulan bagi seisi rumah. Garis yang ditetapkan ini adalah sesuatu yang tidak realistik terutamanya di negeri Selangor. Menyedari hal ini, kerajaan negeri menetapkan RM1500 sebagai garis kemiskinan bagi negeri Selangor namun angka ini masih gagal mencerminkan keadaan sebenar antara kemiskinan bandar dan kemiskinan di luar bandar. Atas kesedaran ini, kerajaan negeri baru-baru ini telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan *Malaysian Institute of Economic Research* dalam menyediakan data statistik pendapatan isi rumah ataupun *Household Income Survey* sehingga ke peringkat daerah untuk mewujudkan satu profil sosioekonomi penduduk di daerah yang berkenaan bagi menentukan garis pendapatan yang bersesuaian untuk penetapan garis kemiskinan di negeri Selangor. Maklumat tersebut juga akan digunakan untuk menggubal dasar-dasar serta program yang lebih berkesan dalam menangani masalah berkaitan kemiskinan di pelbagai peringkat masyarakat. Berdasarkan keyakinan bahawa kesenjangan pendapatan adalah masalah yang perlu ditangani secara tegas maka kerajaan negeri telah melaksanakan langkah-langkah utama seperti berikut :

1. Membesarkan golongan kelas menengah. Kerajaan Negeri telah melipatgandakan usaha untuk memartabatkan golongan yang di bawah pendapatan garis kemiskinan supaya mereka diupayakan untuk keluar dari putaran ganas kemiskinan dengan menyediakan dana sejumlah RM100 juta bagi mereka menceburkan diri dalam bidang keusahawanan melalui pembiayaan *Skim Mikro Kredit* yang disepadukan di bawah inisiatif *Hijrah* untuk melonjakkan golongan miskin ini berhijrah memasuki kumpulan berpendapatan menengah. Sehingga 30 Jun 2015, sebanyak 6,951 orang telah mendapat manfaat melalui *Program Hijrah* dengan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sebanyak RM37 juta. Kerajaan memperkasa insentif kepada usahawan muda daripada RM10,000 kepada RM30,000 bagi setiap permohonan di bawah dana usahawan mikro Selangor sebagai galakan kepada usahawan muda meningkatkan produktiviti dan pasaran produk masing-masing. Kerajaan juga akan terus mengukuhkan sektor pelaburan di negeri Selangor bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan melalui penciptaan kawasan baru industri yang mempunyai kesan gandaan kepada negeri Selangor. Prestasi pelaburan akan terus dipertingkatkan dengan pelbagai promosi dan penubuhan medium baru yang akan membantu golongan kelas menengah meningkatkan potensi mereka.

Penubuhan Majlis Teknologi Informasi dan *E-dagang Selangor* ataupun *C-tech* adalah usaha kerajaan untuk menyokong perdagangan elektronik atau e-dagang secara meluas. Pada bulan hadapan, kerajaan negeri akan melancarkan *Selangor Digital Creativity Centre* atau *SDCC* yang bertujuan untuk membantu pengusaha-pengusaha SME terlibat secara aktif dalam e-dagang dan juga memberi latihan kepada industri *start-up* yang baru. Kerajaan juga terus bergiat lebih aktif bagi menjadikan Selangor sebagai hub perdagangan antarabangsa melalui penganjuran *Selangor International Expo 2015* yang dijangka mampu menarik lebih ramai pelabur asing ke Selangor yang seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

2. Mewujudkan tenaga kerja berkemahiran tinggi ataupun *skilled workers*. Kerajaan negeri sedang aktif mewujudkan tenaga kerja berkemahiran tinggi ataupun *skilled workers* yang akan mendapat upahan berdasarkan kemahiran yang dimiliki. Kemahiran yang diperlukan adalah seperti industri minyak dan gas, *semi conductor electric* dan *electronic* dan pembangunan bidang teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT, *advance robotic*, *big data* dan perkakasan. Ke arah mencapai, mewujudkan, hasrat mewujudkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, langkah yang diambil oleh kerajaan negeri melibatkan pembangunan, pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional ataupun *t-vet*, perkhidmatan masyarakat pembangunan luar bandar, sektor perbandaran dan pembangunan usahawan.
3. Akhirnya, fokus kerajaan juga ialah mewujudkan program latihan termasuk kerjasama dengan *Selangor Human Resource Development Centre* ataupun *SHRDC* di mana program ini merupakan kolaborasi kerajaan dan permainan, pemain industri secara pepadanan, penawaran dan permintaan industri bagi memastikan bidang yang ditawarkan adalah bertepatan dengan kehendak pasaran.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan 18

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah sebab-sebab DEIG ditubuhkan dan peranannya dalam pentadbiran kerajaan negeri?

- b) Sila senaraikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah DEIG.
- c) Apakah mekanisme DEIG dari segi ketelusan dan akauntabiliti?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama yang mengemukakan persoalan tentang Darul Ehsan Investment Group dan setelah meneliti urutan soalan-soalan lisan yang dikemukakan dalam sesi ini saya pohon keizinan daripada Yang Berhormat Tuan Speaker untuk menjawab Soalan 18, Soalan 90 daripada Yang Berhormat Sekinchan dan Soalan 104 daripada Yang Berhormat Sg. Burong kerana ketiga-ketiga Ahli Yang Berhormat memberikan soalan yang sama atas perkara yang saya nyatakan tadi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya memulakan penjelasan pada pagi ini dengan mencerakinkan latar belakang pembentukan MBI kerana perkara ini perkara yang agak kompleks yang memerlukan kefahaman daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membantu kerajaan negeri membangunkan negeri kita pada hari ini. Untuk makluman kita semua, Menteri Besar Selangor atau Pemerbadanan atau MBI ditubuhkan pada tahun 1994 di bawah Enakmen No. 3 Menteri Besar Selangor 1994 yang bertujuan untuk mengambil alih pengurusan aset milik kerajaan negeri yang sebelum ini diamanahkan kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Selangor ataupun SSI. Proses pemindahan ini berlaku kerana SSI ketika itu tidak berupaya mentadbir aset dan pelaburan milik Kerajaan Negeri secara berkesan disebabkan tiada kepakaran untuk menguruskan pelaburan serta aktiviti Anak-anak Syarikat miliknya. Seperti yang termaktub dalam Klausula 4 Enakmen No. 3 Menteri Besar Selangor 1994, MBI berhak untuk memasuki kontrak, membeli dan mendapatkan aset serta berurusan dengan apa juga aset kerajaan negeri yang telah diberi milik kepada MBI dengan falsafah untuk memelihara dan menjamin keadilan sosial seperti pembinaan perumahan termasuk rumah kos rendah dan sederhana pendidikan dan program-program kebajikan. Penyata kewangan bagi 12 kumpulan anak syarikat MBI yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 mencatatkan jumlah aset bernilai RM6.3 bilion. Namun pengurusan MBI yang lama telah gagal mencipta nilai yang kukuh dan mampan ataupun tidak wujud *value creation* di atas aset-aset yang sebegini besar. Semua isu *legacy* ini wujud sekian lama namun tiada usaha signifikan oleh pentadbiran yang terdahulu untuk menyelesaikannya. Ini menyebabkan objektif asal penubuhan MBI tidak tercapai. Oleh itu, aset dan pengurusan sebuah pemerbadanan yang diwujudkan sebagai pemegang amanah Kerajaan Negeri menjadi *fragmented* dan didalam keadaan *desperate*. Latar belakang inilah yang membawa Kerajaan Negeri pada hari ini untuk melihat semula keperluan penubuhan *Darul Ehsan Investment Group* ataupun *DEIG*.

Pengurusan MBI yang baru telah merencana satu perancangan strategik untuk menjalankan proses *rationalization* dan *consolidation assets* sebagai langkah terbaik

untuk maju ke hadapan. Bagi mendukung usaha ini, sebuah entiti korporat yang baru iaitu *Darul Ehsan Investment Group Berhad (DEIG)* telah ditubuhkan pada bulan Mei 2015 di bawah Akta Syarikat 1965. Ia adalah milikan penuh MBI dengan tujuan untuk menjadi sebuah syarikat induk pelaburan kerajaan negeri. Di bawah inisiatif ini, beberapa *cluster* ekonomi telah dikenal pasti sebagai sektor pembangunan hartanah, pengurusan aset dan kemudahan, infrastruktur, pasir dan galian, telekomunikasi dan media, pengurusan sisa pepejal, pendidikan dan sektor-sektor yang lain yang berupaya memberi impak strategik kepada kerajaan negeri. Usaha akan dibuat untuk menggabungkan kesemua anak syarikat MBI di bawah setiap *cluster* yang khusus supaya pertindihan aktiviti ekonomi di antara anak-anak syarikat tidak lagi wujud, *economy of skill* dapat dicipta dan *corporate efficiency and responsibility* dapat ditingkatkan. *DEIG* tidak menjadi pesaing kepada *GLC* yang lain tetapi ia memainkan peranan strategik bagi memastikan anak syarikat kerajaan negeri menjadi pemangkin kepada ekosistem ekonomi dan sosial serta tidak bersaing sesama sendiri.

Apabila aset-aset ini di struktur semula secara komprehensif dan sistematik, pulangan pelaburan kepada kerajaan negeri sudah pasti dapat ditingkatkan dan dimaksimakan. Matlamat dan hala tuju *DEIG* adalah untuk menguruskan aset-aset komersial kerajaan negeri milik MBI melalui pendekatan yang lebih fokus, aktif serta komprehensif bagi mencapai matlamat berikut:

- 1) Penciptaan nilai yang kukuh dan mampan (*Sustainable Value Creation*).
- 2) Mengurus dan meminimakan kesan turun naik nilai pelaburan untuk menjana pulangan yang stabil dan seterusnya meningkatkan upaya kebersaingan dengan syarikat konglomerat yang lain.
- 3) Pemupukan budaya kerja cemerlang di antara anak-anak syarikat dengan penyediaan dan penyeragaman segala proses dalaman dan SOP yang lengkap dan efisien menepati piawai tadbir urus yang tinggi dan telus bagi kesemua kumpulan syarikat *DEIG*.

Dari segi struktur modal pula, *DEIG* tidak akan membuat sebarang pinjaman modal untuk tujuan pelaburan. Buat masa ini juga *DEIG* masih dalam proses awal penubuhan, justeru belum ada anak syarikat atau aset yang dikendalikan untuk tujuan pelaburan. *DEIG* dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada suku pertama pada tahun 2016. Memandangkan belum ada aktiviti komersial di peringkat *DEIG*, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah *DEIG* yang terdiri daripada Dato' Menteri Besar Negeri Selangor, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Ketua Pegawai Eksekutif MBI dan Ketua Pegawai Operasi MBI tidak menerima sebarang elaun. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan berkaitan dengan DEIG. Saya nampak dalam matlamatkan semula DEIG...MBI kepada DEIG ini, saya masih *confuse* tentang peranannya. Antaranya pembangunan dari segi hartanah. Sekarang kita ada PKNS, ada PNSB, Worldwide ada cebur diri dalam hartanah. Kalau DEIG bagaimana? Ada cebur diri dalam hartanah atau tidak? Kalau ada, adakah ia tidak bertindih? Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan yang mengemukakan soalan yang saya kira penting untuk kita perjelaskan. Sebenarnya ini bukan soal penjenamaan MBI kepada DEIG. MBI akan kekal dalam struktur yang sedia ada tetapi memainkan peranan yang berbeza. Apa yang kita lakukan ini ialah proses *consolidation*. Di mana di bawah MBI terdapat 12 kumpulan anak syarikat tidak termasuk PKNS. PKNS bukan salah satu kumpulan anak syarikat di bawah MBI. Maka apa yang kita lakukan, kita *consolidate* 12 kumpulan anak syarikat ini dan kita letakkan di bawah DEIG untuk diuruskan pelaburan mereka. Sebab antara perkara yang saya nyatakan tadi apabila anak-anak syarikat ini melakukan pelaburan, sudah tentulah ada risiko yang perlu diambil dalam setiap pelaburan dan sekiranya tidak ada satu entiti baru yang bertanggungjawab terus tentang pelaburan, ianya akan memberikan kesan langsung kepada MBI. Maka, proses *consolidation* ini bertujuan untuk kita menyeragamkan peranan setiap anak syarikat. Sebagai contoh, pada ketika ini di bawah MBI ada 12 kumpulan anak syarikat dan ada tiga anak syarikat ini yang memainkan peranan yang sama untuk membangunkan hartanah seperti PNSB, kumpulan hartanah dan sudah tentulah ada pertindihan dari segi peranan tersebut. Maka, tujuan proses *consolidation* ini ialah ketiga-tiga syarikat ini, anak syarikat akan duduk di bawah DEIG dan akan dimasukkan dalam satu *cluster* pembangunan hartanah untuk mengelakkan pertindihan tugas dan peranan dalam membangunkan Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Puan Speaker. Saya pun agak *confuse* juga daripada segi penjelasan tadi kerana sekiranya masalahnya untuk *consolidate* apa ni...anak-anak syarikat yang terdapat pertindihan, soalan yang ingin saya ketengahkan mengapa tidak sahaja MBI yang ada itu melakukan *consolidation*? Mengapa diwujudkan entiti yang lain? Apakah perlunya? Mengapa tidak MBI yang lama itu terus sahaja di *consolidate* kan supaya dia boleh juga menguruskan dari segi mengelakkan daripada pertindihan sebagai salah satu daripada tugasnya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Burong ni *confuse* lama dah. Bukan ini sahaja. Semua perkara *confuse*. Dulu, kini dan selama-lamanya. *Confuse*.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini tuduhan ya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tak tuduh. Tak, saya dah nyatakan tadi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jawab saja soalan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kalau Sungai Burong boleh menghalalkan ketua dapat derma RM3 billion, tak *confuse* ke tu? Haaa....yang itu kami *confuse* lah. Jadi, Sungai Burong tak setuju lah?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Adakah kerajaan Pakatan ataupun Pemimpin Pakatan juga tidak menghalalkan kutipan derma yang diterima? Haa..jangan cakap.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jawab soalan dulu.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa, Sungai Burong balik kepada DEIG.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: DEIG tidak ada derma. Kita melalui aktiviti ekonomi. Baik, yang saya nyatakan tadi, ini proses konsolidasi. Konsolidasi ataupun *consolidation*. Di bawah MBI sudah wujud 12 kumpulan anak syarikat dan mereka ada legasi masing-masing. Ada masalah masing-masing. Sudah tentulah kita mahu satu entiti baru yang bersih, yang *clean* sebagai platform untuk bertanggungjawab soal pelaburan. Ada kelemahan dalam....

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya ingin bertanya. Yang dulu tu tak bersih ke saya ingin bertanya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Hulu Bernam dengar dulu penjelasan ini. Dia tak bersih dari zaman Barisan Nasional lagi. Sebab itu sekarang ini dalam proses pembersihan. Sebab itu kita mahu melihat apakah pendekatan baru untuk memastikan kedua belas kumpulan anak syarikat ini dapat di apa ni, ditambahbaikkan pelaburan mereka dan pulangan kepada Kerajaan Negeri dan entiti baru ini khusus untuk terlibat dalam pelaburan aset-aset Kerajaan Negeri. Maka, apabila kita *consolidate* 12 kumpulan anak syarikat ini dia ada peranan-peranan dia yang tertentu. Itu yang pertama.

Yang kedua juga, ini sebagai *risk management* untuk mengurangkan dan meminimakan risiko pelaburan. Dalam mana-mana pelaburan sudah tentulah ada *risk* nya. Ada risikonya. Sekiranya ianya terletak terus di bawah MBI maka apa juga

risiko yang ditanggung oleh anak syarikat ini akan terkesan terus dengan MBI yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Ini memang amalan bagi negara-negara yang sedang melihat pendekatan baru sebagai di Singapura. Kita ada Ministry of Finance Singapura (MOF Inc.) yang ada Temasek. Di Malaysia kita ada MOF Inc. Kita ada Khazanah yang bertujuan khusus untuk melihat pelaburan-pelaburan aset-aset kerajaan negara atau negeri yang berkenaan. Yang penting di sini ialah pengurusan itu mestilah amanah dan bertanggungjawab. Dan inilah antara perkara yang sedang kita lakukan kerana beberapa kumpulan anak syarikat yang ada sekarang ini dia punya peranan itu bertindih-tindih. Seperti saya sebut tadi nak bangunkan hartanah ada tiga anak syarikat jadi kita gabungkan di bawah satu *cluster* pembangunan hartanah di bawah DEIG dan mereka akan menguruskan pelaburan ini dan apa juga risiko yang ditanggung oleh syarikat ini akan memberi kesan kepada DEIG dan tidak memberi kesan langsung kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak berapa jelas tu dari segi sebab...

TUAN SPEAKER: Damansara Utama dulu Sungai Burong.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker saya nak tanya bagaimana dengan cadangan bahawa ia bukan *consolidation is done under* MBI tetapi kita ada satu GLC untuk pelaburan. Sebab sekarang *I think there is a centralisation of all the state assets to one entity that is* DEIG yang tidak ada enakmen yang dikawal di dalam sidang yang ini. So, ini memang adalah satu kebimbangan dari segi ketelusan akauntabiliti dan lain-lain.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Yang Berhormat Damansara Utama. Seperti yang saya jelaskan tadi DEIG ini dimiliki sepenuhnya oleh MBI. Pada hari ini kita masih lagi menerima pakai Enakmen Menteri Besar Selangor 1994 MBI yang sebenarnya memang ada beberapa *loop holes* ataupun kelemahan yang perlu ditambah baik dan pada ketika ini pengurusan yang baru sedang meneliti enakmen yang sedia ada bagaimana kita perlu menambah baik termasuk daripada segi *auditing*. Hari ini, MBI yang ada di bawah enakmen ini tidak diaudit. Yang diaudit yang saya sebut tadi ialah kumpulan anak-anak syarikat di bawah. Saya telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Jabatan Ketua Audit Negara di peringkat Negeri Selangor untuk melihat bagaimana enakmen ini dapat ditambah baik supaya MBI itu boleh diaudit dan dikemukakan laporan setiap tahun dalam sidang dewan. Dan sudah tentulah dalam penggubalan penambahbaikan enakmen ini akan juga soal ketelusan dan akauntabiliti yang perlu dipakai oleh pengurusan DEIG yang sedang kita rangka. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Saya lihat penubuhan DEIG ini adalah sebagai satu usaha yang mendatangkan kebimbangan kepada Dewan Negeri Selangor. Soalan saya ialah kalau kita lihat model Khazanah dan juga model MOF Inc. ia dilaksanakan ataupun di bawah satu pemantauan melalui penubuhan satu enakmen ataupun akta parlimen. Tapi DEIG ini dia tidak ada satu akta padahal satu enakmen dan bagaimana kerajaan dapat memastikan bahawa, saya pun nak minta Yang Berhormat Menteri Besar memberi satu ilustrasi apakah masalah yang sebenarnya berlaku di dalam MBI sehingga ianya tidak boleh menjalankan tugas konsolidasi melalui MBI sahaja? Adakah Yang Amat Berhormat boleh memberi satu ilustrasi? Contohnya bagaimana ini dapat dilakukan dan ianya lebih berkesan dan efektif kalau dilakukan melalui penubuhan sebuah entiti.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya ada dua perkara yang dibangkitkan tadi. Yang pertama, soal DEIG tidak terikat dalam mana-mana enakmen sedia ada. Saya telah jelaskan tadi pada masa ini DEIG dimiliki sepenuhnya oleh MBI dan MBI masih terikat dengan enakmen 1994 yang sedia ada walaupun ada kelemahan dan perkara yang perlu ditambah baik dan perkara ini sedang diteliti.

Yang kedua, saya telah nyatakan dalam jawapan yang awal tadi MBI juga telah didaftarkan sebagai di bawah Akta Syarikat dan sudah tentulah eh DEIG....maaf DEIG ini telah didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965. Maka DEIG akan bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Suruhanjaya Syarikat dan ini akan menjadi maklumat awam untuk diketahui.

Yang ketiganya, yang dinyatakan tadi soal mengapa tidak diletakkan terus di bawah MBI? Saya telah nyatakan bahawa dalam amalan yang dilakukan sebelum ini risiko pelaburan itu memang ada. Sebagai sebuah syarikat ataupun anak syarikat setiap pelaburan ada risikonya. Tetapi risiko ini kalau diletakkan terus di bawah MBI, dia akan memberikan kesan langsung kepada Kerajaan Negeri. Saya lihat sebagai satu contoh, pada orang lain saya tidak mahu bawa perkara inilah tapi sebagai satu contoh, kita lihat apabila dalam soal pengurusan kewangan MBI baru-baru ini di mana pembayaran wang pampasan berjumlah RM2.7 juta dibayar kepada beberapa pegawai MBI ianya memberikan kesan langsung kepada Kerajaan Negeri kerana tidak ada satu enakmen yang dapat diberikan tanggungjawab supaya pengurusan itu lebih bertanggungjawab dan lebih telus. Jadi, sebab itu kita merasakan ada kewajaran untuk mewujudkan satu entiti baru yang bersih yang baru yang mempunyai, yang dianggotai oleh golongan profesional untuk menguruskan pelaburan aset-aset Kerajaan Negeri. Dan saya bersetuju supaya DEIG ini diikat dengan satu akta ataupun enakmen yang lebih kuat selain daripada keperluan untuk mengemukakan laporan tahunan kepada Suruhanjaya Syarikat bagi pengetahuan awam.

TUAN SPEAKER: Pelabuhan Klang.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Terima kasih pada awalnya saya tidak sangat berminat untuk mencampuri cara pentadbiran tapi walau bagaimanapun untuk rekod di dalam Dewan ini saya ingin menyatakan bahawa sebelum ini MBI ditadbirkan sebelum 2008 di bawah KDEB. Ia bukan KDEB jadi di atas daripada MBI, disorokkan di bawah KDEB sebab oleh sebab tak ada pengurusan yang jelas untuk mentadbir MBI.

Oleh sebab itu saya telah betulkan semula supaya MBI itu menjadi satu entiti khas terus kepada Kerajaan dan terus kepada Dewan maknanya dia tidak lagi ada *intermediaries*, kerana bila adanya *intermediaries* terdapat perjanjian di bawah *intermediaries* itu yang menyebabkan tidak telus supaya sebagai contoh yang melukakan kita semua macam 1MDB, dia di bawah *intermediaries* bukan di bawah *Minister of Finance Incorporated*. Jadi oleh sebab itu ada perjanjian-perjanjian yang Kerajaan, Dewan tidak tahu sehingga dah nak bersalin jadi macam itu.

TUAN SPEAKER: Soalnya Pelabuhan Klang, soalan?

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Soalnya adakah tatacara ini difikirkan dengan baik kerana untuk mengelakkan risiko walaupun syarikat itu di bawah anak syarikat ini di bawah MBI anak syarikat dan anak syarikat itu menandatangani dengan usaha sama yang lain tapi akhirnya risiko itu tidak hilang, risiko itu akan sampai balik ke MBI dan sampai balik ke Dewan ini. Itu sebab tatacara ini ada baiknya kita mesti membuat keputusan sama ada kita tak nak buat *business* langsung. Hanya MBI sebagai *investment entity* itu yang paling penting sebab saya percaya kontrak-kontrak yang berlaku di bawah ini akan tidak akan dapat dipantau oleh Dewan secara terus, itu pengalaman yang kita dapati.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Speaker. Ya kalau kita nak dengan *lecture* ekonomi kita boleh dengarlah sampai petang tetapi Yang Berhormat Pelabuhan Klang juga kena mengambil tanggungjawab sebagai satu contoh yang saya sebut tadi, kalau benarlah MBI ini diambil alih daripada satu kedudukan yang tidak jelas di bawah KDEB kemudian diletakkan terus di bawah Kerajaan Negeri sebagai satu entiti baru yang bernama MBI dengan hasrat dan cita-cita supaya ianya bertanggungjawab terus kepada Dewan terus kepada MMKN. Bunyi sedap tetapi dari segi pelaksanaan ? Saya bagi satu contoh bagaimana pegawai-pegawai MBI boleh dibayar pampasan tanpa kelulusan Dewan..

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Tidak-tidak, perkara itu dibicarakan di mahkamah..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Biar saya jawab dulu, tidak mengganggu, mengapa tidak boleh? Okey, saya tak mahu panjang..

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Kuasa ada jadi tak payah kita bincangkan di sini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya, saya tak mahu bincangkan di sini sebab perkara di bawah mahkamah tetapi itu sebagai satu contoh di mana ketelusan Yang Berhormat Pelabuhan Klang..

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Tidak, tidak..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang mengatakan bahawa tujuan MBI ini diwujudkan supaya dia bertanggungjawab kepada Dewan. Dewan tak dimaklumkan dengan pampasan yang begitu besar dan tinggi yang dibuat sebelum ini.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Tidak.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Lembaga Pengarah MBI tidak dimaklumkan secara terbuka ..

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Eh ini yang saya nak tanya ini ..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dan inilah sebab itu kita mengambil keputusan kita..

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Saudara jangan membuat perkataan yang begitu..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Duduk-duduk, Speaker kena berani bagi arahanlah.

TUAN SPEAKER: Saya berani. Bukit Antarabangsa, Pelabuhan Klang dua-dua duduk dulu. Saya minta kita balik kepada DEIG ok yang mengenai..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Tunggu dulu Permatang. Mengenai isu pampasan, kalau dalam mahkamah kita jangan sebut isu pampasan. Silakan Bukit Antarabangsa DEIG.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya, yang kedua kita melihat soal pengurusan dan urus tadbir yang kita akan bahas panjang nanti dalam sesi yang akan datang. Kerajaan Negeri memberikan pinjaman yang begitu besar kepada KDEB. Empat ratus juta lebih kononnya nak ambil satu anak syarikat yang lain kumpulan hartanah yang dijanjikan dalam setahun boleh selesai, dah dua tahun tak selesai. Sekarang Kerajaan Negeri terpaksa menanggung risiko RM400 juta. Ini yang kita perlu semak

semula. Sebab itu kita perlukan satu mekanisme baru supaya setiap pelaburan yang dibuat itu mesti bertanggungjawab dan tidak akan merugikan simpanan Kerajaan Negeri, itu yang pertama. Yang kedua saya dah nyatakan tadi DEIG tidak akan melibatkan pinjaman daripada pasaran untuk dalam pelaburan, sebab kita ada aset, kita ada hartanah yang besar bagi membangunkan aset-aset tersebut. Yang kita perlukan ialah satu entiti baru yang lebih jelas supaya peranan dan fungsi setiap kumpulan anak syarikat ini lebih jelas dan mereka bertanggungjawab untuk menguruskan risiko itu dengan lebih jelas bagi kepentingan rakyat di Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan sedikit.

TUAN SPEAKER : Permatang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak minta penjelasan kepada Menteri Besar atas apa yang disampaikan oleh rakan-rakan Yang Berhormat. Nampak ada kekusaran mengenai DEIG. Apakah kerajaan bersedia untuk membawa satu Usul dalam Sidang Dewan akan datang pada Sidang Bajet akan datang khusus mengenai DEIG supaya boleh dibahaskan secara terbuka oleh Ahli-Ahli Dewan, struktur dan juga apa yang ingin dibawa mengenai penubuhan DEIG ini jadi supaya lebih jelas dan apakan Kerajaan bersedia untuk membawa Usul ini dalam Dewan boleh kita bahaskan dan kita debat oleh semua Ahli Dewan supaya boleh diputuskan. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Kita di dalam Dewan kita ada beberapa Jawatankuasa Dewan yang telah dibentuk dan bagi pihak Kerajaan Negeri dan juga MBI kita terbuka untuk dipanggil untuk memberikan keterangan dan penjelasan dan atas penyata yang dibuat oleh Jawatankuasa berkenaan kita boleh kemukakan di dalam Dewan untuk dibahaskan ini proses biasa yang tidak akan ada campur tangan *Executive* sebab jawatankuasa ABBAS pun sebelum ini telah pun memanggil MBI untuk memberi penjelasan, ada penyata yang telah disiapkan, dibentangkan di dalam Dewan dan kita boleh bahas terbuka tak ada masalah. Terima kasih Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Maksud saya ada penjelasan sedikit lagi.

TUAN SPEAKER: Meru

Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker. *In Sha Allah* saya belum *confused* lagi. Soalan nombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : MANFAAT TAMBAHAN DI BAWAH SKIM TAWAS

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah keahlian berdaftar 2014 dan 2015?
- b) Berapakah bilangan penyata tawas belum serah mengikut tahun daftar? Senaraikan?
- c) Apakah ada manfaat tambahan selain, ahli meninggal sebelum dan selepas genap 18 tahun?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Meru. Meru bertanya tentang Ahli di bawah Skim TAWAS.

Ahli TAWAS yang telah berdaftar dan lulus bagi tahun 2014 dan 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Ahli
2014	38,547
Sehingga Jun 2015	25,346

Bilangan penyata TAWAS belum diserahkan mengikut tahun daftar adalah seperti berikut. Mungkin saya teruskan dengan jumlah sahaja sebab kerana kalau mengikut tahun ada tahun 2008, 2009 sehingga 2015. Jadi untuk penyata TAWAS yang belum diserahkan daripada 2008 sehingga 2015 adalah sejumlah 120,549 berbanding dengan yang telah diserahkan adalah 70,984 dan ahli TAWAS yang telah diluluskan daripada 2008 sehingga 2015 adalah sejumlah 191,533. Aktiviti penyerahan penyata simpanan TAWAS telah dilaksanakan bermula April 2014. Serahan penyata dilakukan melalui kaunter pejabat YAWAS *walk in* dan melalui program-program yang diadakan pada hari Ahad yang bertujuan untuk menarik ramai ibu bapa dan penjaga. Sebanyak 70,984 iaitu 70% penyata telah pun diserahkan kepada ahli TAWAS melalui 56 program yang telah dilaksanakan oleh YAWAS dalam tempoh 13 bulan dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN, Pejabat Tanah dan Daerah dan Majlis Perbandaran atau PBT. Secara puratanya hanya 30% sahaja ahli TAWAS yang hadir daripada jumlah jemputan yang dibuat.

Khairat kematian YAWAS adalah manfaat tambahan di bawah skim Tabung Warisan Anak Selangor yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk ahli TAWAS yang meninggal dunia sebelum mencapai usia 18 tahun. Ibu bapa, penjaga boleh

menuntut sumbangan bernilai RM1,500 di Pejabat YAWAS apabila ahli TAWAS meninggal dunia sebelum mencapai usia 18 tahun. Walau bagaimanapun manfaat ini hanya boleh dituntut oleh waris untuk kematian ahli TAWAS yang berlaku selepas 1 Mac 2014.

Selain daripada manfaat Khairat Kematian YAWAS, YAWAS juga telah memberi beberapa manfaat lain kepada ahli TAWAS secara *one off* bermula dari tahun 2012 sehingga kini. Ke semua manfaat ini adalah berdasarkan keputusan mesyuarat ,Ahli Lembaga Pemegang Amanah YAWAS. Yang pertama, Jom *Shopping* Bonus Selangorku, Pemberian baucar beli-belah yang bernilai RM100 kepada ahli TAWAS yang kelahiran 2008. Program dijalankan sepanjang tahun 2012 dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN dan pasar raya terpilih di Selangor. Sebanyak 14,381 ahli TAWAS yang menerima manfaat ini. Yang kedua bonus RM30 untuk kelahiran ia merupakan bonus tambahan kepada ahli TAWAS yang kelahiran 2009 dan 2010 yang akan diberikan apabila mencapai umur 18 tahun kelak. Bagi tahun 2009 sebanyak 21,441 ahli TAWAS manakala 2010 adalah seramai 22,783 ahli TAWAS. Ketiga, Program Bantuan Masuk Sekolah. Seramai 12,026 ahli TAWAS kelahiran 2008 telah menerima baucar beli-belah bernilai RM50 sebagai persediaan memasuki alam persekolahan. Program ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Yang Berhormat Tuan Mohamad Azmin Ali pada 16 November 2014 bertempat di KL Festival City dan dilaksanakan sehingga 31 Januari 2010 dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN dan Pasar raya terpilih di Selangor.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Dengkil

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih di atas penjelasan tadi Yang Berhormat EXCO. Saya ingin bertanya berkenaan dengan Skim TAWAS ini. Saya difahamkan dalam mesyuarat Jawatankuasa JP ABBAS skim TAWAS ini akan ditetapkan had maksimum penerima skim TAWAS ini sehingga ia mencapai 200,000 orang sahaja. Jadi saya inginkan kepastian daripada Yang Berhormat EXCO adakah ia terhad untuk 200,000 penyertaan pertama anak-anak Selangor di bawah Skim TAWAS ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Dengkil. Untuk makluman Dengkil bahawa kita tidak mengehendkan Skim TAWAS ini kerana kita masih ada banyak masa lagi sehingga 18 tahun yang akan datang jadi ianya berkemungkinan mungkin belum lagi dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri tetapi apa yang kita tahu bahawa Skim TAWAS ini adalah terbuka kepada semua anak Selangor sehingga kini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batu 3.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Speaker. Saya ada satu soalan memandangkan jumlah penangguhan serahan begitu banyak kalau dicampurkan 34,744 itu, apakah satu langkah yang akan diambil untuk pastikan sehingga hujung tahun ini semua serahan itu dibuat disebabkan banyak kompelin mengatakan bahawa mereka masih belum menerima sijil-sijil yang sepatutnya diterima secepat mungkin.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Batu 3. *Insyallah* pihak YAWAS akan melaksanakan program-program serahan penyata simpanan TAWAS sehingga ia sehingga keseluruhan para ahli TAWAS ini mendapat penyata tersebut dengan kerjasama daripada Pusat-pusat Khidmat DUN, Pejabat Tanah dan Daerah, Majlis Perbandaran dan juga program-program yang dilaksanakan sendiri oleh pihak YAWAS di seluruh Negeri Selangor sepanjang tahun ini sehingga ke Disember 2015. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Saya nak tanya selepas 18 tahun apabila yang TAWAS ini sudah *matured*, mereka akan dapat dua, Anak Masuk Universiti bersama dengan TAWAS ataupun Anak Masuk Universiti akan dibubarkan atau apakah rancangan Kerajaan Negeri bahawa TAWAS bertindih ke ataupun *double benefits* yang kita akan bagi.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih, Damansara Utama. Untuk anak TAWAS, untuk anak seluruh negeri Selangor. Jadi bermakna apabila mereka berusia 18 tahun, semua anak-anak yang berdaftar dengan TAWAS akan mendapat RM1,500.00. Manakala untuk hadiah anak masuk universiti, hanya anak-anak yang layak, maknanya daripada keluarga yang berpendapatan RM3,000.00 ke bawah yang layak untuk mendapat hadiah anak masuk universiti. Jadi bagi seseorang yang layak kedua-duanya mereka mendapat kedua-dua hadiah dan juga skim TAWAS dan kepada yang tidak layak iaitu ibu bapa yang berpendapatan lebih daripada RM3,000.00, mereka hanya mendapat skim TAWAS. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa pertanyaan telah tamat. Maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Usul nombor 22 tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Balakong.

TUAN SPEAKER: Baiklah saya persilakan Yang Berhormat Teratai untuk sambung perbahasan semalam.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih, Tuan Speaker. Berkenaan dengan penyata yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Balakong semalam. Saya teruskan ucapan saya.

Berkenaan dengan saranan yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa di mana Teratai mengalu-alukan atas Fasal 5.9., muka surat 4 yang mana PBT perlu memastikan pemaju dapat menunjukkan melalui pelan pembangunan mereka bahawa pembangunan tersebut disambungkan kepada jaringan pengangkutan awam dengan sempurna sebelum meluluskan pembangunan tersebut. Teratai menyatakan bahawa PBT bukan sahaja perlu memastikan pemaju supaya dapat menunjukkan dalam pelan pembangunan yang mana bagi rumah pangsapuri kos rendah dapat menghubungkan jaringan pengangkutan awam. PBT juga harus memastikan bahawa pihak pemaju yang dikehendaki untuk membina rumah pangsapuri kos rendah berkenaan harus membina rumah pangsapuri kos rendah tersebut terdahulu kemudian baru melanjutkan pembangunan projek-projek yang lain. Ini disebabkan terdapat kes-kes terdahulu di mana pemaju telah membina pembangunan yang lain seperti mana kondominium yang mewah, apartmen dan sebagainya. Apabila telah tiba masanya untuk mereka membina rumah pangsapuri kos rendah itu, pemaju akan menghadapi masalah dan pada masa itulah Pihak Berkuasa Negeri atau pun PBT terpaksa campur tangan disebabkan pembinaan rumah pangsapuri kos rendah itu melibatkan kepentingan orang awam terutama sekali bagi golongan yang memerlukannya. Salah satu insiden yang ketara yang berlaku di kawasan Taman Medan yang mana terdapat rumah pangsapuri kos rendah, masalah berkenaan telah berlanjutan yang memang menjejaskan penduduk. Selain daripada itu, seperti mana yang Teratai berucap semalam, pegawai penyelenggaraan bagi rumah pangsapuri kos rendah haruslah diupah daripada penduduk yang tinggal di kawasan rumah pangsapuri kos rendah berkenaan. Ini selaras dengan saranan yang dilakukan oleh Jawatankuasa melalui Perkara 5.3. dan 5.2.

Bagi penduduk yang tinggal di kawasan rumah pangsapuri kos rendah berkenaan, disebabkan mereka kemungkinan menghadapi masalah yang lain, mereka tidak dapat untuk keluar bekerja. Salah satu contohnya adalah ibu tunggal yang terpaksa menjaga anak-anak yang masih kecil lagi di rumah mereka dan mereka tidak dapat untuk pergi ke tempat bekerja yang jauh daripada tempat tinggal mereka. Dengan usaha Kerajaan Negeri yang dapat mengupah mereka sebagai pegawai untuk penyelenggaraan. Salah satunya kemungkinan ialah kerani yang mengutip caj penyelenggaraan itu. Ini dapat memberi peluang pekerjaan kepada ibu tunggal yang tinggal di rumah pangsapuri kos rendah berkenaan dan juga memastikan bahawa kerja dapat dilakukan dengan baik. Ini disebabkan sekiranya caj penyelenggaraan

tidak dapat dikutip dalam jumlah yang munasabah, ini sudah pasti akan menjejaskan prestasi penyelenggaraan bagi rumah pangapuri kos rendah berkenaan.

Berkenaan dengan saranan Jawatankuasa di bawah Perkara 5.13. iaitu satu kajian juga perlu dilakukan untuk mengkaji semula polisi pembinaan *chute* sampah di kediaman-kediaman berstrata agar pembuangan sampah domestik di kawasan tersebut lebih teratur. Namun demikian, tatacara penggunaan serta peraturan yang lengkap perlulah digubal supaya tiada penyalahgunaan *chute* tersebut yang boleh mengakibatkan kerosakan kepada rumah-rumah pangsa. Teratai berpendapat bahawa penggunaan atau pemasangan *chute* sampah tidak harus dibenarkan lagi. Ini disebabkan terdapat sememangnya banyak masalah yang berlaku. Salah satu contohnya yang berlaku di kawasan Teratai, rumah flat di kawasan Taman Muda di mana penduduk telah salah gunakan *chute* sampah tersebut yang telah mengakibatkan kebersihan kawasan perumahan itu terjejas. *Chute-chute* sampah yang telah disalah gunakan iaitu telah menjadikan *chute* sampah itu telah sesak yang mana sampah-sampah semua telah berkumpul, berterabur di dalam *chute* sampah berkenaan. Corong sampah itu telah menjadi satu tempat pembiakan nyamuk yang mana menjejaskan kebersihan kawasan perumahan dan seterusnya menjejaskan kesihatan penduduk. Jadi bukan sahaja kita ada tatacara penggunaan serta peraturan. Kemungkinan ini disebabkan tindakan pelaksanaan yang tidak dapat dikuatkuasakan, masalah *chute* sampah ini berterusan sehingga hari ini.

Saranan yang seterusnya berkenaan dengan Kerajaan Negeri menetapkan harga rumah supaya pembiayaan perumahan hendaklah tidak melebihi 25% daripada jumlah gaji bulanan. Teratai mengalu-alukan saranan berkenaan yang mana Yang Berhormat, EXCO Perumahan telah memberi statistik tadi berkenaan dengan bilangan rumah mampu milik yang sedang atau pun telah dan akan dibina di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Bagi rumah mampu milik memang sekarang telah menjadikan satu permintaan yang sangat hangat di kalangan rakyat Selangor terutama sekali bagi anak muda Selangor disebabkan harga rumah semakin meningkat dan melonjak tinggi sejak kebelakangan ini. Bahkan pada tahun ini selepas pelaksanaan GST, maka harga perumahan akan meningkat sekali lagi di mana ada ramai golongan anak muda yang tidak lagi mampu membeli rumah di kawasan bukan sahaja di bandar, bahkan juga di kawasan semi bandar. Dengan melaksanakan skim rumah mampu milik supaya pembiayaan perumahan hendaklah tidak melebihi 25% daripada jumlah gaji bulanan, ia memberi kemudahan kepada orang yang memerlukannya supaya mereka dapat membuat pinjaman dan juga dapat memberi pembiayaan dan memiliki rumah di kawasan Selangor. Salah satu saranan juga yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa berkenaan adalah pihak Kerajaan Negeri hendaklah menyewa unit-unit yang cukup untuk disewakan. Teratai berpendapat bahawa sememangnya Kerajaan Negeri harus menyediakan unit-unit yang cukup disewakan kepada golongan yang memerlukan. Tetapi apa yang berlaku ialah buat masa ini, kawasan di PPRT, Kota Damansara terdapat banyak unit tetapi apabila unit itu tidak dapat disewa atau masalah kerosakan infra, kerosakan

rumah unit-unit itu akan berlaku yang mana apabila kerosakan unit rumah PPR itu berlaku, Kerajaan Negeri dan juga PBT terpaksa berbelanja tinggi untuk membaiki lagi kerosakan-kerosakan unit berkenaan. Jadi Teratai berpendapat bahawa Kerajaan Negeri haruslah membina apabila terdapat permintaan di kawasan-kawasan tertentu dan tidak hanya di satu-satu kawasan sahaja. Setiap rakyat haruslah dapat memiliki satu rumah atau pun dapat tinggal di kawasan perumahan yang selamat dan selesa terutama sekali di negeri Selangor. Jadi Teratai berharap dengan saranan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa JPPBT dan juga disediakan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing dan dikemukakan oleh Yang Berhormat Balakong ini, Kerajaan Negeri dapat mengambil berat dan bertindak supaya rakyat Selangor dapat terus hidup di kawasan tempat tinggal yang selamat dan mudah-mudahan terutama sekali bagi rumah pangsapuri kos rendah ini sekiranya terdapat masalah untuk kutipan caj penyelenggaraan melalui COB dapat membantu mereka, membantu penduduk yang menghadapi kesusahan disebabkan ada antara JMB atau pun MC di rumah pangsapuri kos rendah itu menghadapi banyak tekanan dan masalah apabila mereka tidak lagi mendapat sokongan atau pun garis panduan daripada Kerajaan Negeri, ada antara mereka kita kata telah meletakkan jawatan atau pun serah balik telah menyebabkan rumah pangsapuri berkenaan terbiar sahaja dan tidak ada mana-mana pihak yang menjaganya. Maka dengan ini, Teratai menyokong pernyataan berkenaan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya berdiri di sini untuk menyokong saranan 515, 516, muka surat 5. Di mana ada dinyatakan oleh Jawatankuasa bahawa Jawatankuasa berpendapat bahawa Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor mahu pun COB PBT perlu mempunyai unit-unit yang cukup untuk disewakan dengan harga yang rendah kepada golongan miskin tegar. Saya lihat bahawa isunya di sini ialah kebertanggungjawaban Kerajaan sama ada PBN, Pihak Berkuasa Negeri atau pun PBT untuk menyediakan apa yang boleh dianggap sebagai satu *safety net*, dengan izin satu paras untuk memastikan tidak menjadi masalah pada masa depan golongan jalanan atau pun gelandangan. Golongan gelandangan banyak berkumpul di Kuala Lumpur. Kemungkinan mereka datang daripada Petaling Jaya, kemungkinan mereka datang dari kawasan Taman Medan dan tempat-tempat yang demikian. Tetapi tempat perkumpulan mereka itu di Kuala Lumpur, Jalan Panggung dan beberapa tempat di ibu kota. Jadi kita lihat bahawa masalah mereka ini ada dua (2), mereka ada rumah tetapi terlalu sempit dan kebiasaannya tidak ada rumah. Jadi kalau Kerajaan memperuntukkan satu aktiviti atau peruntukan kewangan untuk memiliki unit-unit rumah yang sesuai di Selangor, di tempat-tempat yang berhampiran dengan bandar sama ada di bawah peruntukan kewangan Kerajaan Negeri mahupun geran Kerajaan Negeri kepada PBT atau pun PBT sendiri. Maka ia akan membantu Kerajaan Selangor dan Malaysia secara umumnya ke arah menyelesaikan masalah golongan gelandangan atau pun jalanan.

516 menegaskan Kerajaan Negeri juga disarankan untuk memperkenalkan *option* skim beli balik pajakan sebagai mana yang telah dilaksanakan di Singapura. Jadi ini merupakan satu cadangan yang baik. Saya melihat dan meninjau bahawa kita ada rizab yang kukuh dan kalau diperuntukkan sekian-sekian juta untuk memperuntukkan *option* beli balik mungkin akan dapat menyelesaikan banyak masalah. Jadi dua (2) saranan berkait daripada Jawatankuasa ini saya sokong dan saya menyatakan sokongan saya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) mengenai bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu perumahan awam kos rendah dan *Commissioner of Buildings* (COB) susulan daripada lawatan ke *Housing Development Board* (HDB) dan Majlis Perbandaran Ang Mo Kio, Singapura yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 59 Tahun 2015.

Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Yang tidak sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul nombor 23 tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Y.B. sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :

Bahawasanya, menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-BPT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu penyelenggaraan jalan raya di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2015. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Y.B. sekalian, Jawatankuasa telah mengambil berat isu jalan raya dan maklum isu jalan raya bersama isu sampah adalah 2 topik yang sangat hangat dan sangat panas dibicarakan di Negeri Selangor dan untuk isu jalan raya ini setelah meneliti dan mengadakan beberapa sesi terbuka *sorry* sesi tertutup, Jawatankuasa juga melawat Singapura dan ada satu sesi bersama *Land Transport Authority* Singapura untuk mendapatkan sedikit maklum balas daripada mereka tentang cara-cara ataupun *best practices* dengan izin supaya kita dapat menambah baik cara kerja kita di Negeri Selangor. Terdapat 21 saranan di dalam penyata ini mungkin satu rekod yang tinggi dan saya boleh, mungkin saya akan kumpulkan saranan-saranan mengikut topik-topik yang lebih kecil untuk perbincangan hari ini di dewan. Topik pertama dalam saranan Jawatankuasa daripada saranan 6.1 hingga saranan 6.3

adalah berkenaan audit jalan raya. Pihak PBT perlu melantik kontraktor khusus untuk melantik dan mengenal pasti masalah-masalah berkaitan jalan raya seperti kerosakan jalan, kehilangan papan tanda, iklan-iklan haram serta notis-notis haram, kerosakan kemudahan-kemudahan berkaitan jalan raya seperti lampu jalan, lampu isyarat dan sebagainya. Perkara ini tidak dibuat hari ini, kita tidak ada satu *auditor* khusus, tidak ada satu perunding atau pun satu pasukan khusus yang melawat setiap jalan raya. Pada satu *interval* yang ditentukan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang timbul. Kita tidak seharusnya menjadi Kerajaan yang menunggu aduan daripada orang awam. Kalau saya tanya di MBPJ kalo kita nak ceritakan, katakan di Seksyen 13, MBPJ banyak masalah jalan raya. Persoalan pertama daripada pihak MBPJ ialah apa nombor aduan dia ataupun di jalan mana aduan dia. Kita tidak perlu sampai ke tahap sebegitu, sepatutnya pihak kerajaan perlu proaktif, kita kena ada satu pasukan audit, *this one* boleh jadi *in house* ataupun nak *out source*, saya rasa itu pun tidak terpulanglah kepada pihak Kerajaan tetapi yang penting perlu ada satu pasukan audit yang *go through* setiap jalan raya di Negeri Selangor dan kita kena ada satu *interval* yang bersesuaian sebagai contoh bagi jalan-jalan utama, pemeriksaan boleh dibuat sekali dalam setiap 2 atau 3 minggu. Manakala jalan-jalan di kawasan perumahan pemeriksaan boleh dibuat sekali dalam 2 bulan supaya kita boleh kenal pasti masalah dan membaiki masalah itu sebelum aduan dibuat oleh rakyat. Pihak kontraktor audit, katakanlah kalau kita *outsource*, pihak kontraktor audit perlu memaklumkan dan membekalkan kepada pihak PBT jadual pemeriksaannya, so hari ini nak lawat jalan mana. Esoknya nak lawat jalan mana, seterusnya, so jadual terperinci perlu ada supaya kita boleh mengaudit *auditor* tersebut. Jadi ini *check and balance mechanism* untuk memastikan kontraktor yang dilantik untuk audit jalan raya membuat kerjanya untuk mengenal pasti masalah. Nak terus terang kita mempelajari sistem ini dari Singapura, mereka pun melantik beberapa kontraktor, kalau saya ingat dengan betul 6 kontraktor untuk dibahagikan kepada 6 zon seluruh bandar raya Singapura untuk mengaudit jalan-jalan raya tersebut dan ada 1 lagi *auditor* yang mengaudit di antara 5 hingga 10 % kerja dia untuk memastikan kontraktor *auditor* menangkap semua masalah. Jangan tertinggal, jangan dia dapat satu *port hole* tetapi *sign board* yang berhenti yang rosak itu tidak dilaporkan. So, *auditor* itu mesti cakap.

Kategori kedua, permasalahan ini ialah lubang jalan ataupun *port hole* dengan izin. Bagi membaiki jalan berlubang, Jawatankuasa menyarankan supaya PBT dapat mengikuti SOP pihak LPA Singapura. Jalan yang perlu dibaiki perlu dipotong cukup besar supaya dapat memuatkan mesin pemampat *compactor*, jadi kita potong lubang di sekeliling *port hole* itu tidak boleh dipotong dengan kecil kerana kalau dipotong dengan kecil *compactor* tak dapat masuk lubang itu dan membuat *compaction* yang sepatutnya. Jadi minimum *size* dengan izin, perlu dipotong supaya *compactor* dapat membuat *compaction* yang *proper* dan jika perlu *based* dia perlu dibaiki, bukan saja permukaan di atas. Pihak kontraktor perlu dapat menilai lah di mana kerosakan puncak kerosakannya. Bagi musim hujan kita boleh pakai *hole mixed* dengan izin sebagai langkah sementara, bukan sebagai langkah *permanent*, jadi langkah

sementara bermaksud beberapa hari ataupun seminggu, dua minggu. Apabila musim hujan telah selesai ataupun jika bukan musim hujan perlu dibaiki dengan *hot mix*, yang ini kita dapati menjadi kekurangan di beberapa PBT dan maklum balas-maklum balas yang kami tanya di PBT ada di dalam lampiran di mana PBT kita tidak dapat selalu memakai *hot mix* untuk buat kerja membaiki *pothhole*, *right*. Jadi yang ini diperlukan supaya dia dapat bertahan dan kerosakan jenis *pothhole* atau jalan berlubang perlu diselesaikan dalam masa 24 jam setelah aduan dibuat atau mendapat laporan daripada kontraktor audit yang disebutkan tadi. Bagi tujuan ini, pihak PBT perlu mempunyai sebuah panel kontraktor yang terdiri daripada kontraktor bergred tinggi. Jadi kontraktor itu mesti *standby* kita tidak boleh keluarkan *indent* untuk membuat kerja seperti membaiki *pothhole*. Ia perlu ada kontraktor tahunan yang *standby* jika terdapat suatu aduan ataupun terjumpa lubang jalan, arahan kerja perlu diberi dan kontraktor ini perlu ada keupayaan supaya dapat membaiki dalam masa 24 jam. Saya rasa perkara ini tidak mustahil dapat dilaksanakan, Cuma aturan terma-terma dalam kontrak dan kontraktor ini mesti mempunyai kelengkapan mesin yang mencukupi dan pekerja yang mencukupi supaya dapat membuat. Apabila kontraktor kita tidak mempunyai mesin sendiri, tidak mempunyai pekerja sendiri dan semua dia perlu sub-sub dan sub ke bawah, maka nak siap dalam 24 jam ini tidak mungkin dapat dilakukan.

Kategori ketiga, daripada Jawatankuasa adalah berkenaan isu *warranty* iaitu perkara saranan 6.7 dan 6.8. Jawatankuasa menyarankan supaya tempoh *warranty* ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya 1 tahun bagi kerosakan jalan dan 2 tahun bagi penurapan jalan. *This is to make sure* dengan izin bahawa apa yang kita belanjakan ini berbaloi. Jangan kita membelanjakan duit untuk satu tampal lubang dalam masa 1-2 bulan, lubang itu muncul semula. Saya rasa semua rakan-rakan Y.B. di sini mengalami situasi ini *at the same point and the other* dalam kawasan masing-masing. Jadi amat penting bahawa kontrak kita diubah supaya tempoh *warranty* yang dijadikan ini kita tingkatkan jadi kontraktor kena membuat kerja dengan betul, kalau tak buat dengan betul dia perlu buat semula tanpa ada bayaran. Barulah insentif ada sahaja untuk membuat kerja dengan betul. Pihak PBT 6.8, juga boleh mempertimbangkan cadangan untuk memperluaskan kawasan penyelenggaraan bagi satu-satu kontraktor berserta dengan pembesaran ini, PBT perlu melantik kontraktor yang bergred tinggi, mungkin kontraktor Kelas A kerana mereka mempunyai kelengkapan yang lebih lengkap dan terkini. Jadi kalau kontrak-kontrak katakan 1 PBT dipecahkan kepada 20 zon, kontrak *sum* dia terlalu kecil, dia tidak mampu untuk membeli kelengkapan yang mencukupi ataupun yang diperlukan. Kalau 1 PBT hanya ada 2 zon, jadi kita masih ada lagi *competitive bidding* antara pelbagai syarikat yang boleh membuat kerja di peringkat tersebut dan dengan satu kontrak *amount* yang cukup besar ini mereka tidak ada *excuse* lagi, mereka ada kemampuan untuk adakan mesin-mesin dan tenaga kerja yang mencukupi supaya mereka boleh melakukan kerja dengan berkualiti dan juga dengan masa yang cepat. Bagi perkara 6.9 hingga 6.13 ia adalah berkenaan dengan kerja-kerja utiliti di jalan-jalan raya kita. Maklumlah di Negeri Selangor banyak laluan utiliti seperti

paip SYABAS, kabel telekomunikasi, ada kalanya kabel TNB terletak di bawah jalan raya kita dan dari masa ke semasa jalan raya perlulah dikorek untuk membaiki kerosakan kabel untuk membaiki kerosakan paip. Itu tidak dapat dielakkan. Tetapi apa yang kita boleh memastikan ialah semua kerja untuk mengorek jalan raya mestilah diperbaiki dengan sempurna. Dia tidak boleh ada *patching* yang tidak sempurna yang akan menjejaskan kualiti jalan raya dalam satu jangka masa pendek dan panjang. Jadi untuk saranan jawatankuasa.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Ok, saya bagilah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Belum lagi Y.B., baru bentang usul.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Baru bentang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Baru bentang. Belum ada penyokong lagi Y.B., minta maaf. Teruskan dengan Y.B. Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Bagi Jawatankuasa menyarankan supaya PBT dapat menubuhkan sebuah panel kontraktor yang mempunyai kelayakan untuk membuat *road reinstatement* dengan izin. Jadi sesiapa pun boleh korek jalan raya, TNB ada 10 panel kontraktor untuk korek jalan raya untuk baiki kabel ataupun *lay cable* yang baru. SYABAS pun mungkin akan ada 10-20 kontraktor panel untuk mengorek jalan raya. Indah Water pun 10 hingga 20 panel untuk mengorek jalan raya. Banyak kontraktor akan korek jalan raya yang kita sarankan hanya 1 panel yang berkelayakan, mungkin 10-15 kontraktor untuk *road reinstatement*. Mungkin 300 kontraktor yang korek jalan itu tidak apa. Tapi untuk mengembalikan jalan itu kepada satu jalan yang berkualiti kita kena ada kontraktor yang berkelayakan. Jadi, syarikat-syarikat utiliti boleh lantik manalah kontraktor yang ada sijil *road reinstatement* untuk membuat kerja tersebut. Pengembalian semula jalan tidak boleh dilakukan menggunakan material yang dikorek, tanah yang dikorek untuk membuat kerja paip-paip itu tidak boleh digunakan semula tetapi kita merujuk kepada 1 spesifikasi khusus untuk membuat *road reinstatement*. Di sini kita dalam lampiran telah memberi contoh spesifikasi yang boleh digunakan. Ini adalah untuk mengelakkan jalan raya daripada mendap selepas diturap semula. Apabila ia diisi semula dengan tanah yang tidak sesuai dalam masa 2-3 minggu ataupun 2-3 bulan, jalan itu akan mendap dan membuat satu bonggol balik di atas jalan raya. Ini yang pun akan *leak to port hole in the future* dengan izin. So, yang seterusnya kita juga belajar sesuatu daripada Singapura bahawa selepas jalan itu di *reinstated* dengan material yang sesuai, *1 mil and pave* bagi lorong jalan yang terlibat perlu dibuat di dalam masa 3 minggu, yang kami rasa itu praktis yang cukup bagus, yang patut dibuat juga di Negeri Selangor. Kontraktor *road reinstatement* perlu dipantau jika mereka tidak membuat kerja dengan bagus satu sistem di merit boleh diperkenalkan

supaya lesen mereka diberhentikan. *We only want the best contractors to road reinstatement* Selangor, yang perkara seterusnya *on resurfacing*, di mana Jawatankuasa mencadangkan kaedah *mill and pave* dengan izin digunakan bagi semua penurapan semula jalan raya di Negeri Selangor, kosnya hanya lebih tinggi dalam sekitar 18 ke-20 % mengikut pendengaran tertutup kami dan hasil daripada *mill and pave* kita boleh dapat penurapan yang lebih berkualiti dan kita juga boleh *recycle* semula, kitar semula bahan-bahan yang lama dan beza 20% tu boleh di *recover* balik.

Yang seterusnya di antara *point six point seven* hingga 6.19 ialah berkenaan dengan *manhole*. Jawatankuasa menyarankan PBT untuk memastikan *manhole* ataupun *grating* diratakan. Ha, ini juga menjadi masalah di jalan-jalan raya kita di mana *manhole* ataupun *grating* lubang untuk air lari di atas jalan raya. Dia menjadi macam *port hold* sebab dia tidak sama rata dengan jalan raya. Di penyata ini juga kami menyatakan, membentangkan pelan spesifikasi membina *manhole* dan *grating* yang kami dapat daripada Singapura sebagai rujukan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Dan kami juga menyarankan kita mulalah dengan satu *target* yang saya rasa kita boleh capai iaitu lebih kurang 20, kita bagi sasaran kepada PBT. Setiap minggu satu *manhole* sehingga semua *manhole* di jalan raya PBT selesai. Kita *adjust* semua *manhole power* supaya sama *level* dengan jalan raya dan tidak mengganggu pengguna jalan raya.

Akhir kata kita juga perlu menegaskan bilangan kakitangan JKR dan PBT di negeri Selangor perlu cukup supaya kerja-kerja ini dapat dilakukan dengan sempurna. Saya berharap, kami berharap supaya jawatankuasa di setiap PBT berkenaan dengan infrastruktur dan juga pihak berkuasa negeri mengambil serius perkara ini kerana kualiti jalan raya menjadi satu *benchmark* rakyat terhadap prestasi kerajaan negeri. Banyak melihat program-program, skim-skim yang kita buat tetapi semua rakyat di Selangor akan menilai jalan raya kita. Jadi saya harap saranan ini boleh kita mulakan secepat mungkin diimplementasikan di seluruh negeri. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ada penyokong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Salah seorang Ahli Jawatankuasa PBT, Balakong yakin bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Balakong, minta sama ada sokong atau tidak dulu.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Saya.... Balakong menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dan nak bahas terus.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Ya,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Ya, okey. Sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa JKPBT, Balakong yakin semua Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saranan-saranan yang dinyatakan dalam penyata ini. Saya juga rasa rombongan sambil belajar ke Singapura ini memang memanfaatkan terutamanya selepas mendengar taklimat mengenai cara-cara pihak *land transport authority* melaksanakan tugas mereka. Mereka berpandangan bahawa kualiti kerja-kerja pembaikan jalan yang dilakukan oleh syarikat utiliti selepas pengorekan jalan untuk kerja pemasangan atau penyenggaraan utiliti di dalam negeri Selangor amat kurang memuaskan, walaupun syarat-syarat yang ditentukan oleh PBT adalah lebih kurang sama dengan syarat-syarat *land transport authority* Singapura.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Adalah menjadi satu fakta bahawa kontraktor-kontraktor pihak syarikat *utility* yang melaksanakan kerja pemotongan dan pengorekan yang sedia ada tidak melaksanakannya mengikut kaedah yang betul melalui pemantauan saya dan beberapa orang Ahli Majlis terutamanya Ahli Majlis MPKj, kontraktor-kontraktor berkenaan akan melakukan kerja-kerja pengembalian jalan menggunakan semula bahan-bahan yang dikorek. Ini menyebabkan lubang yang ditampal itu mudah mendap dan mengakibatkan bahagian jalan yang ditampal itu tidak rata. Perkara ini harus dipantau dengan lebih rapi lagi. Justeru PBT wajib menubuhkan panel kontraktor yang berkeelayakan untuk melakukan kerja-kerja pengembalian semula jalan kepada keadaan asal dan cara lantikan kontraktor oleh syarikat utiliti boleh melalui cara mengikut giliran.

Selain daripada itu, satu keadaan yang sering berlaku adalah pihak syarikat utiliti tidak menyempurnakan pembaikan jalan setelah tempoh yang dihadkan PBT dengan menggunakan kaedah *mill and pave*. Bagi mengurangkan keadaan ini, saya juga ingin mencadangkan bahawa pihak PBT mengenakan bayaran mengikut panjang jalan yang terbabit secara terus setiap permohonan daripada syarikat utiliti untuk langkah terakhir kerja pembaikan jalan iaitu kerja *mill and pave*. Ini juga boleh memastikan kerja yang dilaksanakan itu mengikut piawaian yang ditentukan di samping boleh menambahkan sedikit hasil pihak PBT.

Tuan Timbalan Speaker, sistem de merit yang diamalkan oleh pihak *Land Transport Authority* Singapura merupakan satu sistem yang sangat baik dan Selangor sewajarnya mempertimbangkan untuk mencontohinya. Ia bukan semata-mata satu sistem bagi *Land Transport Authority* sahaja, malah ia merupakan satu sistem yang

dikongsi sama oleh semua agensi-agensi kerajaan di negara jiran itu. Mengikut sistem ini pemotongan markah terhadap kontraktor yang gagal dalam perkhidmatannya akan dilakukan sekiranya ia sampai ke satu tahap yang ditentukan maka kontraktor tersebut akan disenaraikan hitamkan bagi tempoh 3 bulan selain membayar sejumlah penalti yang ditentukan. Sistem ini amat berkesan kerana kontraktor yang disenaraihitamkan itu bukan sahaja disenaraihitamkan di jabatan tersebut sahaja tetapi di semua agensi kerajaan di negara itu. Contohnya: sesiapa kontraktor yang disenaraihitamkan oleh MPKj adalah dilarang juga untuk dilantik oleh mana-mana agensi kerajaan Selangor yang lain termasuk Pejabat Menteri Besar. Balakong yakin, bahawa mutu perkhidmatan yang diberikan oleh semua kontraktor di dalam Negeri Selangor pasti akan meningkat dan kerja-kerja yang bukan-bukan akan berkurangan sekiranya Kerajaan Selangor memperkenalkan sistem ini. Akhir kata, Balakong mengambil kesempatan ini menyeru pihak kerajaan memandang serius kualiti penampalan dan penurapan di negeri Selangor dan satu mekanisme yang betul-betul berkesan harus ditemui selain daripada meningkatkan peruntukan MARRIS dan bantuan-bantuan lain dalam konteks ini. Sekian, Balakong menyokong usul penyata ini dan terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ada Ahli-ahli yang lain. Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kampung Tunku juga ingin mengambil bahagian dan berbahas sedikit sebanyak tentang usul yang dibawa oleh Bukti Gasing dan disokong oleh Balakong ini. Untuk Dewan yang mulia ini, saya ingin menarik perhatian kepada semua terhadap kepada beberapa cadangan yang dikemukakan oleh penyata ini dan saya rasa penyata ini harus disokong. Cuma ada beberapa pemerhatian yang saya rasa, saya perlu berkongsi dengan Dewan yang mulia ini. Sebagai, kalau kita sebagai ataupun pernah menerima latihan sebagai seorang jurutera awam, adalah menjadi pengetahuan, bahawa penurapan jalan itu tidak boleh menggunakan bahan lama siapa-siapa yang pegang *Degree Civil Engineering* tentang pembuatan jalan dan penurapan jalan, ini tidak berlaku sama sekali, tetapi mengapa ini berlaku.

Tuan Timbalan Speaker. Masalahnya ialah kekurangan pemantauan di kalangan pegawai-pegawai, membenarkan dan secara tidak langsung membolehkan kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab menggunakan bahan lama untuk tujuan penurapan jalan sama ada untuk *pothole* ataupun untuk pembentukan ataupun penurapan jalan yang baru melalui *mill and pave* ini tidak boleh berlaku dan saya kira pelantikan salah satu cadangan yang pertama yang dikemukakan oleh Jawatankuasa ini adalah melantik sebuah ataupun seorang lagi kontraktor audit yang dipanggil sebagai kontraktor audit. Bagi mereka yang tidak setuju, dia mesti satu, dia akan menggunakan satu alasan. Alasannya ialah untuk satu kilometer ataupun satu *mile* kepanjangan jalan itu, saya akan ada dua orang kontraktor, daripada dulu seorang kontraktor, sekarang ada dua orang kontraktor, jadi kos akan bertambah. Jadi kita tidak boleh lakukan ini kerana ia akan menyebabkan kenaikan kos. Betul

saya kata, kos akan bertambah, tetapi kalau kita nak kerja kita dilakukan dengan betul, ada pemantauan, ada *check and balance* dan sekiranya kewangan PBT dan Kerajaan Negeri membenarkan, kita ada RM3.6 bilion, sekiranya dibenarkan, saya rasa kita boleh cuba. Kita boleh cuba untuk satu tempoh yang singkat untuk melihat keberkesanannya dan sekiranya ianya berkesan, maka kita jalankan dia. Dan saya kira ada kebaikan yang kedua, iaitu dengan adanya seorang kontraktor audit, yang kalau kita lihat daripada pengalaman Singapura, dia adalah seorang kontraktor sebenarnya yang mempunyai *expertise* yang sama dengan kontraktor utama. Jadi akan ada bukan sahaja audit tetapi ada *check and balance* ataupun persaingan. Kali ini saya jadi kontraktor audit, saya gagal mendapat kontrak atau kerja itu. Saya akan pantau kontraktor utama, ahli yang lain pula, saya akan menjadi kontraktor utama dan kontraktor audit dan yang seorang lagi akan pantau saya. Jadi ini akan menyebabkan satu persaingan yang saya rasa sihat untuk industri ini. Saya rasa perkara ini perlu dilihat dengan serius oleh kerajaan negeri khususnya EXCO yang memantau perkara ini termasuk EXCO PBT kerana beliau kerana beliau masih ada di sini dan EXCO Infrastruktur, harap-harap ada orang sampaikan mesej ini kepada Yang Berhormat.

Yang kedua adalah berkenaan dengan apa ni, *mill and pave* ataupun *road reinstatement*. *Road reinstatement* ini kalau kita lihat praktis yang dijalankan di Malaysia dan Selangor khususnya, pihak-pihak utiliti selalunya memakai masa yang sangat lama untuk menjalankan proses *road reinstatement* ini. Di kawasan saya, saya tak pasti, di tempat yang lain macam mana, kalau untuk projek TNB. TNB adalah sebuah syarikat utiliti yang agak bertanggungjawab. Tetapi untuk TNB pun memerlukan lebih kurang lebih daripada tiga bulan untuk menjalankan *road reinstatement* Maksudnya *mill and paste* bukan sahaja *temporary* termasuk *mill and pave from shoulder to shoulder from pavement to pavement* 3 bulan, lebih kurang 3 bulan. Tanya mengapa memerlukan masa yang lama kerana nak tunggu *soil stabilisation* supaya *cable* dia tidak akan terganggu, akan *stable* dan kita tak tanya ini mungkin tidak di sini, kita tanya pihak LTA di Singapura buka 3 bulan 3 minggu. Saya tanya TNB kenapa tetapi sini 3 bulan tak dapat jawab kerana yang jawab itu yang mereka ada di bahagian yang ada TNB bukan Jurutera Awam, Jurutera Elektrik. Jadi saya rasa ini mungkin bersangkutan dengan masalah yang lebih besar iaitu kita syarikat-syarikat utiliti di pihak mereka tidak mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk merangka atau mepakej kontrak mereka supaya semua masalah-masalah yang remeh-temeh telus. Dia tidak *tighten* tidak ditangani, diketatkan. Jadi saya ini adalah perbahasan ini saya dapat memberi sedikit sebanyak input tambahan kepada pemahaman kita terhadap isu ini dan saya kira kerajaan negeri harus mempertimbangkan segala cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini, saya rasa ini adalah satu usul yang sangat lengkap. Pada mulanya saya rasa saya tidak ingin terlibat dalam perbahasan, tetapi apabila saya lihat kembali beberapa cadangan yang dikemukakan, jadi saya kira ada baiknya ia diberi sokongan dan diberi input tambahan dan baki rakan-rakan yang mempunyai latar belakang kejuruteraan mungkin akan dapat memberi lebih banyak lagi maklumat tambahan

terhadap usul yang di bawah oleh Yang Berhormat Bukit Gasing ini. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya mengambil bahagian dalam berkongsi pengalaman memerhati agensi-agensi yang melaksanakan tugas berkaitan dengan penyelenggaraan jalan di Singapura. Antara ciri yang terpenting adalah sebagaimana yang telah dinyatakan oleh pembentang, pencadang tadi itu dari segi pemantauan. Dan apa yang dapat kita perhatikan *gape* jurang kelemahan ataupun yang tidak memenuhi syarat pelaksanaan terlalu kecil antara perancangan dan pelaksanaan. Kalau kita jalan di Singapura di mana-mana kawasan perumahan, dia adalah segala *facility* nya padang, taman, kemudahan rekreasi mini market *food mall* dengan izin, medan selera dan sebagainya itu ada. Jadi kalau kita lihat dari segi agensi yang terbabit, dia memantau masing-masing punya tugas dan mengetahui antara bidang kuasa dia dengan bidang kuasa satu agensi lain. Kalau dari sudut jalan yang berkaitan dengan jalan awam dan jalan *service* (dengan izin), ada pokok, SOP nya jelas. Jadi, masing-masing pihak memahami tanggungjawab masing-masing dan dilihat sebagai *seamless* (dengan izin). Tidak ada *gab* dari segi kekurangan dan kelemahan.

Dan kemudian, apa yang ditegaskan dalam penyata ini adalah tentang perkongsian maklumat. Yang kita lihat bahawa pendekatan mereka itu adalah bersepadu. Maksudnya dia bukan 'aku punya projek, aku punya hal'. Jadi, kalau di Malaysia ini (di Selangor, di Kuala Lumpur) kita antara JKR, pusat JKR negeri, PBT masing-masing tidak memainkan peranan yang bersungguh-sungguh yang terancang untuk berkongsi maklumat. Oleh sebab itu, kontraktor-kontraktor pun dia buat hal sendiri dan pemantauan tidak berjalan dengan baik.

Jadi, saya ingin menegaskan antara perkara yang ditonjolkan/ditampilkan dalam penyata ini adalah bagaimanakah kerja-kerja penurapan jalan, membaiki lubang jalan dan sebagainya itu dapat mewujudkan satu budaya kerja di kalangan kontraktor yang berbagai-bagai di antara satu sama lain berkongsi maklumat. Contohnya, kalau kita pergi di *highway* DUKE (Lebuhraya DUKE) di bawah *interchange* yang besar itu menemui jalan keluar ke MRR2 di Hulu Kelang, Melawati dan Ampang. Kita lihat sampah (contohnya). Sampah, bidang kuasa yang berkaitan dengan sepatutnya JKR. Sampah sarap, longgokan bahan-bahan binaan, tar yang tak pakai, tanah yang telah pun dikorek dan sebagainya tertinggal kadang-kadang dua tahun/empat tahun pun ada. Jadi, maksudnya apa yang berlaku itu adalah sikap. Sikap dan perancangan yang baik daripada PBT dan JKR (sebagai contoh) untuk berkongsi maklumat bagaimanakah kita boleh menyatakan sahaja kepada kontraktor-kontraktor yang kita lantik bahawa mereka kena maklumkan daripada mempunyai sikap yang tidak mengambil tahu kepada sikap mengambil tahu dengan berkongsi maklumat akan dapat disalurkan. Jadi, ini adalah satu perkara yang boleh

meningkatkan perkhidmatan kerajaan sama ada di peringkat PBT, kerajaan negeri dan persekutuan tentang kebajikan masyarakat dan kebajikan rakyat. Jadi dengan itu, contohnya perkara-perkara yang berkaitan dengan *road furniture* ataupun kemudahan-kemudahan jalan seperti longkang, tiang lampu, *paves* laluan dan sebagainya itu dapat dinyatakan walaupun bukan bidang kuasa satu agensi ataupun kontraktor yang berkaitan.

Jadi, saya menyokong penyata ini yang cukup lengkap yang berkongsi satu bidang fokus tentang penyelenggaraan jalan, penurapan semula jalan yang banyak dapat kita pelajari dari Singapura yang walaupun jawapan kita menyatakan dia adalah '*city state*', tetapi *what is behind* (dengan izin) dalam perkara berbangkit itu adalah satu pendekatan yang bersepadu. Dengan ini, saya ingin menyatakan sokongan saya.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Rawang ingin ambil bahagian dalam perbahasan usul. Dan terlebih dahulu saya ingin ucapkan ribuan terima kasih dan tahniah/syabas kepada pihak Jawatankuasa JPPBT kerana menyediakan satu laporan yang begitu terperinci sekali dengan lampirkan SOP-SOP dan cara-cara yang dibuat oleh 12 PBT di kawasan negeri Selangor ini. Dan daripada laporan terperinci inilah kita dapati sebenarnya ada beberapa aspek yang perlu diperbaiki dan saya rasa rata-rata kawan kita dalam Dewan ini, kita menerima 3 aduan yang utama (selalunya) daripada penduduk terhadap PBT iaitu perkhidmatan asas dari segi jalan, lampu jalan dan juga sampah. Ini tiga isu utama selalu kita terima. Baik di Pusat Khidmat Masyarakat ataupun melalui mana-mana ahli majlis ataupun ketua-ketua tempatan kita.

Dan saya ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap tiga aspek yang ingin saya *highlight* kan (dengan izin). Yang pertama adalah tentang jangka masa ataupun *respond time* yang diambil oleh setiap PBT untuk kenal pasti masalah lubang ataupun keadaan jalan dan masa yang diambil untuk *rectify* (dengan izin) masalah tersebut dan seterusnya selesaikan aduan tersebut. Kalau kita rujuk kepada fakta dan penemuan yang dibuat oleh pihak jawatankuasa (di fail 5.1 dan 5.2), kita dapati sebenarnya tak ada satu keselarasan antara PBT untuk menyelesaikan sekurang-kurangnya untuk isu lubang jalan itu sendiri. Kalau kita tengok, seelok-eloknya lubang itu ditampal dan diselesaikan dalam masa 24 jam. Masalahnya bukan saja isu lubang jalan menjejaskan imej PBT dalam menangani aduan penduduk, tetapi yang saya lebih *concern* (dengan izin) adalah keselamatan pengguna jalan. Sering kali kita terima aduan ada penunggang motosikal. Satu lubang jalan mungkin tidak dirasai oleh pembawa kereta. Tetapi seorang penunggang motosikal (sebab dulu saya sendiri pernah bawa motosikal) kalau jatuh dalam lubang jalan itu lebih parah

daripada kita yang duduk dalam kereta). Itulah sebabnya saya mohon kalau boleh pihak PBT perlu respons dengan cepat terhadap isu lubang jalan ini.

Yang kedua adalah tentang kualiti lepas kerja penampalan dan sebagainya. Saya bersetuju sekiranya ada satu pemantauan yang lebih ketat. Tetapi merujuk kepada saranan jawatankuasa di perkara 6.1, 6.2 dengan 6.3 yang membawa satu cadangan supaya kita lantik satu kontraktor audit. Saya lebih suka dengan pendekatan kalau boleh kita mengkaji mekanisme yang sedia ada sama ada tidak cukup dari segi pegawainya yang memantau. Sebab seperti apa yang kita sedia maklum, dalam setiap PBT sepatutnya Jabatan Kejuruteraan itu sendiri ada pegawai kawasanya, pegawai zonnya yang sepatutnya jalankan langkah pemantauan tentang kerja-kerja dan kualiti kontraktor ini. Jadi, merekalah yang sepatutnya turun padang lepas masa lantikan dibuat, masa mula kerja di tengah jalan, masa mereka waktu kerja dan waktu mereka tamatkan kerja. Tiga peringkat ini sepatutnya pegawai ini turun dan pantau. Dengan itulah baru kita tahu bahawa hasil ataupun kualiti kerja seseorang kontraktor itu ada tak mereka mengikut BQ yang telah ditetapkan oleh jabatan ataupun kerja yang di *award* kan. Sekiranya betul bahawa bilangan kakitangan yang dalam sesebuah jabatan itu tidak cukup, barulah kita kaji sama ada perlu penambahbaikan ataupun kita perlu tambahkan kakitangan ataupun satu lagi cadangan untuk kita *outsource* kepada kontraktor audit. Tetapi, ada satu cadangan yang saya ingin bawakan. Kalau boleh kita juga kaji apa yang dicadangkan oleh Y.B. Bukit Gasing tadi. Kalau boleh kita ikut cara pengurusan sisa pepejal juga. Kontraktor ini dibahagi ikut zon. Jadi, kontraktor ini dengan cepatnya dia boleh respons dan merekalah yang patutnya setiap hari turun padang pergi pantau ada tak lubang jalan dan sebagainya kerosakan di jalan yang perlu diambil tindakan segera dan mereka lapor balik kepada pegawai ataupun jabatan. Ini cara yang saya rasa kita boleh kaji supaya kita tidak mewujudkan lagi satu bahagian ataupun satu entiti yang baru yang mana dia mewujudkan satu lagi *layer* (dengan izin) kerja pemantauan yang akhirnya akan melambatkan respons kita terhadap aduan jalan ini. Ini yang saya rasa kita perlu utamakan sebab yang kita utamakan adalah cepat untuk kita selesaikan aduan tentang lubang jalan dan kerosakan jalan ini.

Dan akhir sekali adalah tentang kerosakan yang selalu dibuat oleh syarikat utiliti. Di Rawang juga saya menghadapi keadaan yang sama bahawa aduan diterima daripada penduduk tentang jalan yang telah dikorek oleh syarikat-syarikat utiliti ini. Lepas kerja mereka turap jalan tetapi buat jalan yang tak *standard* (dengan izin) dan akhirnya PBT yang selalu ditunjukkan aduan tersebut sebab mereka tidak tahu sama ada ini adalah kerja syarikat utiliti, kontraktor Jabatan Kejuruteraan PBT ataupun sebagainya. Tetapi yang saya ingin tegaskan bahawa sama ada pihak PBT boleh kaji semula bahawa saya bersetuju kalau boleh kita ada satu panel yang mana sekiranya syarikat-syarikat utiliti ini mereka perlukan korekan jalan, mereka perlu pakai kontraktor ini yang ada pengalaman dan kelayakan profesionalnya seperti Syarikat SYABAS. Sekiranya ada sesebuah kawasan ataupun bangunan, mereka

mahu buat *laying piping* dan sebagainya mereka ada panel kontraktornya sendiri yang mereka mahukan sesebuah *consultant* ataupun syarikat perunding itu rujuk ataupun ambil panel kontraktor yang berpengalaman ini untuk lakukan kerja-kerja lakaran perancangan sistem paip di sesebuah kawasan itu. Saya rasa itu lebih membantu.

Dan kedua, saya juga dapati bahawa skop penampalan ataupun penurapan semula jalan iaitu selepas kerja syarikat utiliti ini juga berbeza. Ada yang saya nampak dia turap separuh jalan lepas itu *layer* nya tidak sama dengan jalan yang asal. Ada yang cuma turap *quarter of the road* (dengan izin) dan lepas itu juga menimbulkan satu ketidakselesaan kepada pengguna jalan. Jadi, saya rasa kalau perlu kita perlu *standard* kan supaya dia adalah sama *level* dengan jalan yang sedia ada supaya tidak menimbulkan apa-apa masalah kemudian khususnya dari segi keselamatan kepada pengguna jalan.

Ini saja yang saya ingin cadangkan terhadap usul yang dibawa oleh JPPBT. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Rawang. Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan kita ialah satu usul yang berbunyi 'Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu penyelenggaraan jalan raya di negeri Selangor yang telah dibentangkan Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.40 Tahun 2015'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul No.24 Tahun 2015, usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Y.B. Selat Kelang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut 'Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) bagi Dewan negeri Selangor berhubung isu pelupusan sampah dan pembersihan awam yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.41 Tahun 2015'.

Suka atau tidak, bersedia atau tidak, di antara *benchmark* negeri maju ialah kejayaan atau keberkesanan kita menangani isu pelupusan sampah dan pembersihan awam. Seperti yang Ahli Berhormat sedia maklum, isu pelupusan sampah dan pembersihan awam adalah antara isu utama di dalam negeri Selangor yang mesti dipandang serius dan difokuskan utamakan oleh pihak kerajaan negeri dan kerajaan tempatan seperti yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi di dalam

usul isu mengenai jalan. Isu sampah tidak ada yang mempertikaikan kepentingan dan keutamaannya. Penyata ini akan membentangkan secara khusus masalah-masalah berkenaan pelupusan sampah dan pembersihan awam yang dihadapi kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor.

Pembentangan penyata ini bertujuan untuk memaklumkan kepada kerajaan negeri masalah-masalah berkenaan dan sekali gus jawatankuasa ini mahu mengemukakan syor dan cadangan-cadangan yang perlu diambil supaya masalah berkaitan pelupusan sampah dan pembersihan awam dapat diselesaikan. Ekoran daripada jumlah aduan yang agak tinggi berkenaan isu pelupusan sampah dan pembersihan awam oleh PBT di Selangor, Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) bersetuju untuk menyediakan satu penyata berhubung isu ini dalam usaha untuk membantu kerajaan negeri menyelesaikan dan menjadikan sistem pengurusan dan pelupusan sampah di Selangor lebih efisien.

Pada 27 Februari 2015, jawatankuasa telah mengadakan satu pendengaran tertutup yang melibatkan semua PBT di Selangor serta wakil-wakil daripada rakyat terdiri daripada ahli majlis, ahli dewan negeri dan Ahli Parlimen. Wakil-wakil daripada PBT telah mengemukakan permasalahan yang dihadapi berkenaan isu ini dan seterusnya turut mengemukakan beberapa cadangan kepada jawatankuasa untuk dipertimbangkan dan laporan pendengaran tertutup tersebut adalah seperti di Lampiran 1 dalam perenggan 2 jika berada dalam sini. Susulan daripada pendengaran tertutup tersebut, jawatankuasa melalui satu sesi perbincangan yang diadakan pada untuk memohon maklumat 12 Mac 2015 telah memutuskan untuk memohon maklumat susulan daripada semua PBT untuk isu-isu yang lebih spesifik seperti berikut:

1. Hasil kutipan cukai pintu daripada 2010 sehingga kini.
2. Jumlah kutipan sisa pepejal sampah mengikut bulan daripada tahun 2010 sehingga kini .
3. Jumlah penduduk di kawasan PBT-PBT daripada tahun 2010 sehingga kini.
4. Maklum balas bertulis daripada PBT bagaimana penduduk di kawasan mereka sepatutnya membuang:
 - i) Sampah domestik selepas satu-satu majlis keraian seperti kenduri, lebih kurang 10 plastik sampah bersaiz besar,
 - ii) Kedua pokok-pokok seperti pokok rambutan yang telah ditebang.
 - iii) Kotak-kotak besar daripada pembelian perabot sebab kita selalu apa.. raya macam-macam raya. Komputer lama, sofa kecil, almari lama, kabinet

besar, sisa pembinaan kecil seperti penambahbaikan tandas penggantian jubin. Maklum balas bertulis daripada PBT mempunyai tapak pelupusan sampah bagi penduduk mahupun pemilik premis-premis komersil untuk membuang sampah seperti di pasar dan sebagainya.

Maklum balas bertulis kepada PBT berkenaan perkhidmatan pelupusan sampah termasuk kekerapan mereka yang disediakan PBT untuk bangunan terutama sekali rumah pangsa kos rendah kondominium servis apartmen. Maklum balas seperti yang saya sebutkan tadi ada di Lampiran 2.

Jawatankuasa yang bermesyuarat pada 14 Mei 2015 juga telah bersetuju untuk menjemput YB Tuan Ean Yong Hian Wah, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru bagi memberikan taklimat berhubung antara lain perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan mutu perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Selangor termasuklah perkhidmatan pengurusan dan pelupusan sampah serta pembersihan awam.

Saya terus pergi kepada fakta dan penemuan jawatankuasa. Jawatankuasa mendapati bahawa kebanyakan PBT memaklumkan bahawa terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah sampah yang dibuang termasuk sampah-sampah haram di mana ia berpunca daripada pertambahan jumlah penduduk dan juga lambakan warga asing terutamanya di kawasan-kawasan PBT Metropolitan seperti Majlis Bandar Raya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Bandar Raya Shah Alam, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Ada jadual di sini tentang perbandingan antara jumlah sampah yang dikutip dan pertambahan penduduk mengikut PBT. Daripada jadual itu kita melihatkan memang ada pertambahan penduduk dan juga peratusan pertambahan kutipan sampah domestik, waktu yang sama 2010 hingga 2014. Kita melihatkan jawatankuasa merasakan bahawa faktor pertambahan penduduk bukan menjadi penyumbang utama. Saya ulang bukanlah menjadi penyumbang utama peningkatan kutipan sampah domestik kerana kadar peratusan pertambahan penduduk adalah tidak sebesar kadar peratusan kutipan sampah kecuali di Sabak Bernam dan Majlis Perbandaran Klang. Apa yang menarik di mana Majlis Daerah Sabak Bernam dan Majlis Perbandaran Klang, kalau saya apa fokus di sini peratusan pertambahan penduduk di Sabak Bernam 14.51 peratus tetapi peratusan pertambahan kutipan sampah menurun bukannya makin bertambah 5.25 peratus. Majlis Perbandaran Klang pula peratusan pertambahan penduduk 2010 hingga 2014 adalah 10.11%, tetapi peratusan pertambahan hanya 9.3% yang lain memang meningkat MBSA daripada 11% peningkatan penduduk peratusan penambahan kutipan 42% dan yang paling besar ialah MPAJ peratusan penduduk 10.1%, peratusan pertambahan kutipan 45%.

Faktor jarak tapak pelupusan sampah juga menjadi isu kerana ini menyumbang kepada kenaikan kos serta tempoh masa yang diambil oleh kontraktor-kontraktor untuk melupuskan sampah-sampah tersebut. Selain itu jawatankuasa juga mendapati bahawa isu kesesakan di dengan izin “*transfer station*” terutama sekali di Seksyen 21 Shah Alam menyebabkan kutipan sampah menjadi lambat dan tidak efisien.

5.5 Jawatankuasa difahamkan bahawa ada pihak PBT mempunyai jadual bagi kerja-kerja pembersihan awam seperti pemotongan rumput, pembersihan longkang dan menyapu jalan-jalan utama, namun demikian PBT tidak melakukan pembersihan awam di jalan-jalan mahupun kawasan yang berada di bawah kawal selia agensi lain seperti JKR, JPS, TNB dan sebagainya kerana mereka mempunyai jadual yang tersendiri. Jadi *point* di sini ialah tidak ada satu tindakan holistik yang menampung antara satu sama lain di antara agensi Kerajaan ini. Jawatankuasa yang saya sebutkan tadi yang disebut oleh Hulu Kelang, jawatankuasa mengambil maklum terdapat PBT yang melakukan pembersihan awam di kawasan-kawasan tersebut namun kebanyakannya tidak dapat berbuat sedemikian disebabkan kekangan kewangan. Saya harap pihak kewangan dengarlah. Jawatankuasa juga mendapati jadual pembersihan awam oleh JKR tidak kerap. Jawatankuasa juga mendapati kutipan bagi sampah kebun, pukal, binaan tidak dikutip secara keseluruhannya. Bagi kutipan sampah jenis ini kebanyakan PBT mengamalkan polisi supaya penduduk sendiri yang melantik kontrak untuk melupuskan sampah-sampah tersebut. Namun demikian PBT mengakui bahawa kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh pihak-pihak perseorangan tidak dapat dipantau. Jadi tidak ada orang yang pantau.

5.7 Daripada maklum balas yang diterima, berdasarkan soalan-soalan yang diajukan kepada PBT seperti perkara 1.4 di atas. Setiap PBT mengambil pendekatan yang berbeza dan jawatankuasa mendapati bahawa ada PBT mempunyai kaedah pelupusan mesra tidak pengguna di dalam melupuskan sampah-sampah pukal yang tidak begitu besar seperti kotak-kotak besar daripada pembelian perabot, itu yang buat berseparah dan sebagainya. Sebagai contoh Majlis Perbandaran Kajang, menyatakan bahawa kaedah pelupusan yang betul adalah dengan menggunakan tarikan tong Ro-Ro 3 tan yang menelan belanja sekitar ringgit Malaysia 300.00 ringgit bagi satu perjalanan. MBPJ turut menggunakan kaedah yang sama di mana setiap tong Ro-Ro akan dikenakan bayaran perkhidmatan seperti mana ringgit Malaysia 150.00 ringgit. Jawatankuasa juga mendapati MPAJ menyediakan perkhidmatan ini secara percuma di mana penduduk boleh membuang sampah jenis tersebut pada hari yang telah ditetapkan oleh MPAJ sekali seminggu. Bagi sampah domestik selepas satu majlis keraian buat masa ini kebanyakan PBT tidak mengenakan sebarang bayaran bagi pelupusan sampah-sampah tersebut. Namun demikian ada PBT yang memberikan khidmat sewaan tong-tong sampah berkapasiti besar seperti MBSA yang mengenakan kadar sewaan sebanyak ringgit Malaysia 200.00 ringgit bagi 3 unit *mobile garbage bin* MBG berkapasiti 665 liter setiap satu. Bagi sisa atau sampah elektronik, jawatankuasa mengambil maklum bahawa setakat ini hanya

pihak MBSA sahaja yang mempunyai kaedah pelupusan yang teratur melalui kaedah kutipan *e-waste*. Di mana para penduduk boleh melupuskan sampah-sampah tersebut di pusat-pusat kitar semula MBSA. Beberapa PBT seperti Majlis Daerah Sabak Bernam dan Majlis Daerah Hulu Selangor menyediakan kaunter kitar semula bagi tujuan ini.

Jawatankuasa mendapati bahawa ada PBT berdasarkan maklum balas bertulis yang dihantarkan menghendaki pengguna membayar Ringgit Malaysia 5000 ringgit bagi 1 tan, contoh MBSJ ringgit Malaysia 100.00 ringgit bagi 1 tan, MPK dan ringgit Malaysia 30.00 ringgit, MPKJ yang menggunakan tarikan Ro-Ro 3 tan. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan projek bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengasingkan sampah yang di kitar semua dan sampah biasa *general waste* di beberapa buah kawasan perumahan di negeri Selangor. Bagi kutipan sampah di kediaman berstrata atau bertingkat, jawatankuasa mendapati bahawa semua PBT mengutip sampah domestik di kediaman-kediaman tersebut namun demikian kekerapan bagi kutipan tersebut adalah berbeza mengikut PBT. Kebanyakan PBT di kawasan metropolitan menyediakan khidmat kutipan sampah domestik setiap hari. Bagi kutipan sampah-sampah pukal dan kebun, jawatankuasa mendapati bahawa hanya beberapa PBT yang menyediakan khidmat kutipan di kediaman-kediaman tersebut. Jawatankuasa difahamkan bahawa MBPJ tidak mengutip sampah-sampah dari apartmen berservis. Jawatankuasa mendapati bahawa ada pihak-pihak tidak bertanggungjawab menggunakan tanah rizab serta rumah-rumah atau tanah kosong bagi melupuskan sampah-sampah haram. Walaupun PBT telah membersihkan sampah-sampah tersebut, mereka tetap akan melupuskannya di kawasan-kawasan tersebut.

Ada 22 saranan jawatankuasa. Pertama. Bagi kutipan sampah domestik bagi kediaman bertanah,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Selat Klang nak bagi semua sekali ke?

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Kenalah bagi saranan. Sekejap saja.

Yang melebihi jumlah biasa, sampah-sampah domestik selepas satu-satu majlis keraian, jawatankuasa mencadangkan supaya PBT Selangor boleh memberi perkhidmatan penyewaan tong-tong sampah besar kepada penduduk.

Kedua. Bagi tujuan ini PBT boleh memberikan perkhidmatan menyewa tong sampah besar, dengan kadar ringgit dengan 30 ringgit bagi 1 buah tong supaya proses pembuangan sampah menjadi lebih teratur. Jawatankuasa menyarankan supaya pihak PBT perlu memastikan cara dan kaedah permohonan bagi penyewaan tong-tong ini dapat dilakukan dengan mudah oleh penduduk.

Keempat. Jawatankuasa menyarankan supaya semua sampah ini sama ada diletakkan di dalam tong atau sebaliknya untuk dikutip oleh pihak kontraktor.

Kelima. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri supaya dapat mengarahkan semua PBT untuk memastikan kontraktor- kontraktor pembersihan yang dikutip sampah pukal dan sampah kebun yang dilantik untuk dikutip semua sampah kebun dan pukal yang dibuang oleh penduduk secara percuma dengan mengaplikasikan konsep *general tax payers pay*.

Keenam. Jawatankuasa merasakan bahawa adalah perlu Kerajaan Negeri untuk memberikan peruntukan tambahan kepada pihak PBT sekiranya berlaku kekangan wang kewangan supaya kerja-kerja pengutipan dan pelupusan sampah dapat berjalan dengan lancar.

Ketujuh. Jawatankuasa menyokong cadangan untuk mengasingkan sampah yang boleh di kitar semula dan sampah biasa.

Kelapan. Jawatankuasa menyarankan semua PBT dapat menyediakan tong-tong *e-waste* di kawasan yang mudah di akses oleh masyarakat umum. Jawatankuasa mencadangkan PBT supaya dapat melakukan kolaborasi bersama pusat membeli belah di dalam kawasan mereka dengan meletakkan tong-tong *e-waste* tersebut di premis mereka.

Kesembilan. Jawatankuasa menyarankan supaya menjalan kutipan sampah domestik dapat dilakukan pada setiap hari di semua kawasan perumahan berstrata termasuk di kawasan kos rendah, apartmen berservis kondominium dan sebagainya.

Kesepuluh. Jawatankuasa menyarankan supaya kutipan bagi sampah kebun dan pukal juga dilakukan di semua kawasan perumahan berstrata. Bagi mengurangkan kos kontraktor.

Kesebelas. Jawatankuasa menyarankan supaya pihak PBT dapat membina lebih banyak *in house transfer station* bagi memudahkan lebih banyak kontraktor-kontraktor kecil yang di lantik oleh pengusaha-pengusaha kawasan komersial dan industri untuk melupuskan sampah pukal dan binaan tidak termasuk sampah domestik mereka dan sampah-sampah ini kemudian bolehlah dibawa untuk dilupuskan ke pusat pelupusan utama yang biasa terletak agak jauh dari kawasan penduduk.

Kedua belas. Jawatankuasa juga menyarankan supaya pihak kerajaan negeri sama ada melalui PBT atau Seksyen PBT UPEN perlu bersedia dengan kontraktor *in house* atau sebuah panel kontraktor *standby* bagi menggantikan tugas kontraktor-kontraktor yang gagal menjalankan tugas mereka mengikut jadual dan perkhidmatan

mereka mestilah di dalam dua puluh empat jam. Bagi memastikan kontraktor-kontraktor yang dilantik melaksanakan tugas mereka selaras dengan skop tugas yang dipersetujui dalam kontraktor kontrak perkhidmatan mereka, jawatankuasa menyarankan supaya setiap PBT melantik pemantau bagi tujuan ini dan pemantau-pemantau ini perlulah dikawal selia oleh PBT melalui seorang ketua pemantau.

Keempat belas. Kerajaan negeri juga disarankan untuk melantik syarikat audit untuk mengaudit prestasi kontraktor-kontraktor tersebut dan memastikan laporan mereka sama dengan laporan yang dikeluarkan oleh pemantau PBT. Ini juga dilihat sebagai satu mekanisme untuk memantau pasukan pemantau PBT. Makna ada dua jenis yang pemantau pun akan dipantau.

Kelima belas. Kerajaan negeri melalui PBT disarankan untuk memberikan penerangan melalui brosur atau pun *billboard* dan menerangkan bagaimana prosedur pelupusan ke semua jenis sampah yang betul dalam pelbagai bahasa.

Keenam belas. Kerajaan negeri juga perlu memikirkan jumlah sampah yang dijana melalui program-program yang berterusan kempen dan sebagainya.

Ketujuh Belas. Bagi rumah-rumah kosong dan tanah-tanah terbiar yang dijadikan tapak pelupusan haram, pemilik sendiri perlu bertanggung jawab terhadap tanah, rumah, hartanah milik mereka. Sekiranya gagal kerajaan negeri tidak seharusnya teragak-teragak menyita tanah, rumah hartanah tersebut menurut peruntukan Kanun Tanah Negara.

Kelapan belas. Sekiranya sesebuah PBT itu mempunyai unit pelupusan sampah mereka sendiri *in house* unit PBT tersebut perlulah memastikan unit tersebut mempunyai kelengkapan yang lengkap bagi melaksanakan tugas-tugas pelupusan sampah mahupun pembersihan awam secara efektif.

Kesembilan belas. Jawatankuasa menyarankan supaya kerajaan negeri dapat memikirkan cara untuk mengurangkan masa menunggu di Sentral Stesen Shah Alam.

Kedua puluh. Bagi mengurangkan kesesakan di tapak pelupusan Jeram dan Shah Alam, Jawatankuasa menyarankan supaya kawasan-kawasan seperti kawasan di utara MBSA dan MBPJ dapat mengguna pakai tapak pelupusan sampah Bukit Tegar.

Kedua puluh satu. Bagi mem...Tagar, Bukit Tagar maaf. Kedua puluh satu. Bagi membolehkan PBT mengawal dan memantau selia kontraktor-kontraktor swasta yang dilantik oleh pengusaha-pengusaha komersial dan industri untuk melupuskan sisa industri, binaan komersial, jawatankuasa menyarankan kerajaan negeri supaya PBT mempunyai panel kontrak yang berkecualan dan mempunyai status kewangan

yang kukuh serta kelengkapan yang sesuai untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut. Para pengusaha hanya boleh menggunakan khidmat kontraktor panel yang diluluskan oleh PBT.

Akhirnya Jawatankuasa juga menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat membuat persempadanan di antara bandar dan luar bandar. Ia membolehkan satu *standard* pembersihan awam diguna pakai bagi kesemua agensi. Tidak kira sama ada JKR, JPS, TNB atau sebagainya di kawasan bandar tersebut. Sebagai contoh kekerapan memotong rumput adalah sebanyak dua kali sebulan dan sebagainya. Saya mohon usulkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ada Yang Berhormat yang menyokong.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Terima kasih Timbalan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat sekalian, usul telah pun disokong, saya buka untuk perbahasan jika ada.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian, Selangor merupakan sebuah negeri yang termaju dan juga negeri peneraju di dalam negara ini. Walau bagaimanapun negeri ini menghadapi suatu cabaran yang sangat besar melalui satu masalah yang sangat kecil. Masalah ini adalah sampah kita terpaksa berhadapan dengan masalah sampah sejak sebelum dipilih sebagai ahli kerajaan negeri lagi, tidak kira program apa di dalam kawasan yang kita hadiri kita tetap dibanjiri dengan aduan sampah daripada penduduk setempat. Balakong amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah mengumumkan semasa sidang dewan yang lalu menyatakan bahawa pihak kerajaan negeri akan membantu kesemua pangsapuri kos rendah untuk melaksanakan kerja-kerja penurapan jalan di kawasan penyelenggaraan mereka. Ini adalah berikutan permintaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang prihatin terhadap masalah rakyat. Berdasarkan prinsip yang sama Balakong ingin menyeru kepada kerajaan supaya memberi tumpuan kepada permasalahan sampah haram. Sampah haram biasanya bermula dengan selonggok kecil sampah pukal atau pun sampah kebun. Justeru itu saranan jawatankuasa supaya kutipan bagi sampah kebun dan pukal dapat dilaksanakan di kesemua kawasan perumahan bertingkat termasuk pangsapuri kos rendah dan sederhana, apartmen servis, kondominium dan sebagainya supaya satu sistem yang adil dapat diberikan kepada semua penduduk. Saya memahami bahawa ia bukan tanggungjawab pihak PBT dan ia merupakan tanggungjawab bersama oleh pemilik petak sendiri, tetapi dengan keadaan dan kebersihan persekitaran yang membimbangkan, saya berpandangan bahawa tibalah masanya pihak kerajaan masuk campur dalam isu ini. Ini bukan semata-mata untuk

menyelesaikan masalah kebersihan atau pun pemandangan, malah ia adalah demi kesihatan anak-anak Selangor. Balakong juga memahami bahawa ia akan menjadi satu beban kewangan tambahan kepada PBT memandangkan terdapat beberapa PBT di dalam Selangor yang tidak mampu. Maka Kerajaan Negeri Selangor dengan perkembangan peningkatan kewangannya yang begitu stabil dan kuat harus menghulurkan bantuan ini kepada PBT-PBT berkenaan. Selain daripada itu pihak PBT harus menguar-uarkan maklumat mengenai perkhidmatan kontraktor sampah pukal dan juga tapak pelupusan sampah binaan yang berkelulusan. Ini kerana saya sering terima aduan menyatakan mereka tidak tahu di manakah terletak tapak pelupusan sampah binaan yang berkelulusan. Ini amat penting kerana orang awam yang ingin membuang sampah binaan dan perabot lama akan membuangnya, membuang sampah-sampah mereka ke tapak pelupusan yang tanpa kelulusan ataupun terus di tepi jalan sekiranya tapak pelupusan tidak ditemuinya.

Tuan Timbalan Speaker.

Walaupun kita berhadapan dengan cabaran ini saya meminta supaya semua Ahli Yang Berhormat jangan kecewa dan tidak putus asa. Ini adalah kita sebenarnya menerima pujian sebahagian besar penduduk mengenai kutipan sampah domestik. Ini adalah berikutan keputusan Kerajaan Negeri menamatkan perkhidmatan Alam Flora. Satu lagi syarikat kroni Barisan Nasional. Kerajaan telah berjaya melantik kontraktor sisa pepejal di seluruh negeri melalui sistem tender terbuka setelah penamatan perkhidmatan Alam Flora pada tahun 2011 dan ia telah membawa penjimatan sebanyak RM 54 juta dalam kos pengurusan sampah ini. Walaupun kita menghadapi beberapa masalah teknikal pada ketika itu ramai penduduk bersetuju bahawa perkhidmatan sisa pepejal ini adalah jauh lebih baik jika berbanding dengan zaman Alam Flora. Pada ketika itu PBT gagal melaksanakan tugas mereka sebagai pemantau dengan baik kerana pihak PBT tidak mempunyai kuasa terhadap kontraktor yang dilantik oleh Alam Flora. PBT hanya boleh mengeluarkan anti C iaitu *notice to creack* (dengan izin) kepada kontraktor setiap kali mereka gagal menjalankan tugas. Ini jelas tidak berkesan kerana PBT terpaksa memanjangkan setiap aduan kepada Alam Flora dan Alam Flora baru mengambil tindakan terhadap kontraktor-kontraktor mereka. Ini jelas membuktikan bahawa sebarang penswastan sektor perkhidmatan awam dan dasar yang membenarkan monopoli akan gagal dan ia hanya merugikan rakyat. Akhir sekali Balakong ingin meminta pencerahan mengenai maklumat yang diterima bahawa pihak kerajaan negeri sedang dalam proses menubuhkan sebuah anak syarikat yang baru untuk mengendalikan pengurusan sampah di dalam negeri ini. Balakong ingin merakamkan bantahan terhadap inisiatif ini sekiranya perkara ini adalah benar kerana ia akan menyebabkan negeri Selangor berbalik ke cara zaman dahulu yang telah di buktikan gagal. Itu sahaja Balakong menyokong. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Balakong. Saya bagi Batu Tiga dahulu.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Timbalan Tuan Speaker. Batu Tiga ingin mengambil bahagian dalam konteks isu yang dibangkitkan iaitu isu pengurusan sampah dan pelupusan awam. Tapi beberapa perkara yang ingin saya lihat di sini adalah sebanyak dua puluh dua saranan yang dikemukakan oleh pihak jawatankuasa, tetapi kita lihat masih lagi ya, perkara-perkara yang membangkitkan saban kali kita dalam dewan negeri bercakap tentang isu sampah ini. Tapi saya bangkit ini untuk menyarankan beberapa perkara yang saya lihat tidak ada di dalam kertas penyata ini iaitu isu yang mungkin kita lepas pandang ialah isu sampah di rumah-rumah kedai dan juga kawasan komersial. Yang kalau dulunya kita lihat kutipan sampah ini dibuat di belakang rumah kedai, tetapi dengan adanya kebuk-kebuk sampah ini kita lihat setiap malam bila lepas pukul sepuluh malam atau pun sebelas malam sampah-sampah ini tidak lagi dibuang di belakang tetapi pihak-pihak peniaga ini ataupun pemilik rumah kedai ataupun penyewa rumah kedai ini membuang sampah di depan premis mereka. Jadi kawasan yang jelek ini agak-agak orang kata memalukan kalau kita lihat, kalau saya di dalam Bandaraya Shah Alam sekarang ini kita lihat imej bandar raya itu tidak sebagaimana yang kita nampak. Jadi saya harap supaya kajian di buat semula oleh pihak PBT bahawa isu pembuangan sampah untuk kawasan komersial ini tidak lagi saya rasa relevan sekadar menyediakan kebuk-kebuk sampah yang kadang-kadang lokasinya agak jauh dan juga pensaiz kebuk itu tidak mencukupi untuk menampung sampah-sampah di kedai-kedai perumahan, kedai, di kedai-kedai di tapak-tapak ataupun di kawasan kedai jadi saya harap ia nya dapat diselesaikan yang mana saya nampak akhirnya apa ni kawasan kedai-kedai ini nampak jelek mata memandangi. *Insyaa-Allah.*

Yang keduanya saya ingin menyatakan bahawa kena ada satu saranan yang penting ataupun penegasan pihak Kerajaan utamanya PBT untuk melaksanakan apa ni konsep *recycle* atau pun kitar semula sampah-sampah yang ada. Saya menyarankan supaya setiap kawasan perumahan paling tidak setiap lima lorong disediakan satu pusat *recycle* untuk memastikan setiap penduduk sama-sama mengambil inisiatif mengasingkan sampah-sampah ini dan akhirnya sampah-sampah domestik ini dapat diselesaikan dengan baik. Dan saya juga yang ketiganya ingin membangkitkan tentang mesti ada satu komitmen yang tinggi badan pemantauan untuk pastikan kawasan-kawasan ini dalam keadaan yang baik. Kalau di Shah Alam ini ada satu usaha yang dibuatkan oleh anak-anak muda iaitu *Brother Hood Team* yang sekarang ini bukan sahaja memantau isu-isu jalan raya yang berlubang dan yang tidak diturap dengan baik tetapi mereka juga sekarang ini melihat tentang isu-isu sampah yang tidak dikutip. Saya rasa agak kecewa sebabkan kenapa ia nya diambil oleh pihak ketiga ya, pengawasan ini, sedangkan pemantauan ini sepatutnya dibuat oleh pihak PBT sendiri. Jadi saya menyarankan supaya pemantauan ini ada satu skuad setiap hari yang akan pergi pusing di semua lokasi-lokasi yang telah ditentukan untuk mereka pastikan kawasan-kawasan ataupun isu-isu sampah ini tidak lagi ya, merata-rata dan ia seolah-olah kita tidak ada *civilization* dalam isu menangani masalah sampah ini. Dan sebelum saya menyokong kertas penyata ini,

saya ingin menyarankan supaya imej Selangor Bersih perlu disegerakan. Sekian, terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Ya, tinggal seminit Tuan Timbalan Speaker. Saya perlu sambung petang. Tapi mula sekarang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tengok masa. Teruskan, teruskan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: *Bismillahir rahmannir rahim.* Terima kasih Timbalan Tuan Speaker. Saya melihat kertas kerja dan penyata yang dibentangkan ini merupakan satu rumusan keseluruhan isu sampah pembersihan merupakan isu yang sedang kita bincangkan sejak 2008. Dan nak bagi pandangan saya penyata ini dan usul ini hendaklah diambil bersama-sama dengan segala soalan-soalan dan jawapan-jawapan dewan sebelum ini penjelasan Dato' Menteri Besar sebelum dan yang kini dan keputusan-keputusan yang telah di

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Hulu Kelang. Saya minta duduk dulu. Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan jam 1.00 petang saya menangguhkan sidang sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Assalamualaikum dan Selamat Petang sebelum saya membenarkan Hulu Kelang meneruskan perbahasan saya nak ingatkan rakan-rakan Yang Berhormat bahawa Usul ini telah dibentangkan dengan panjang lebar oleh pembawa Usul. Saya berharap pembahas memendekkan perbahasan dan saya tidak berhasrat untuk memberhentikan perbahasan. Kita faham bahawa kita punya masa *limited* untuk membahaskan Usul ini. Saya persilakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Timbalan Speaker. Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin menyambung, saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa penyata ini dan Usul ini perlu dibawa dan dibaca sekali dengan seluruh soalan-soalan, pertanyaan-pertanyaan tulis dan jawapan mulut yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini demikian juga jawapan-jawapan daripada pihak EXCO dan Dato' Menteri Besar yang lepas dan yang ada pada hari ini iaitu isunya adalah isu yang sangat penting. Saya tidak berhajat untuk mengulang apa yang telah dinyatakan. Berbagai cadangan telah dikemukakan dan saya difahamkan bahawa ini adalah penyata pertama berkaitan dengan pelupusan sampah yang dibentangkan oleh JPPBT. Di mana JPPBT telah di bawah pimpinan Taman Medan yang sesi yang lalu telah membawa berbagai-bagai dan oleh kerana itu saya mengimbuai apa yang pernah dikatakan oleh Bukit Yang Berhormat Bukit Antarabangsa sebelum menjawat jawatan Menteri Besar menyatakan apa masalahnya tentang sampah kita melantik kontraktor, mereka tidak *perform* kita *terminate* kerana ada peruntukan. Jadi saya juga berasa begitu teruja apabila Bukit Antarabangsa dilantik untuk menjadi Dato' Menteri Besar Selangor dengan fokus yang cukup jelas untuk menyelesaikan masalah sampah dalam tempoh tiga bulan dan walaupun mungkin tidak tercapai sepenuhnya tapi dari segi *political wheel* dari segi dengan izin keazaman politik untuk menyelesaikan masalah sampah ini ternyata terserlah dalam pentadbiran yang ada sekarang.

Cumanya yang saya fikir yang belum dibuat tentang sampah ini adalah satu pendengaran awam. Pendengaran terbuka, isu FOI, kebebasan maklumat telah kita bincangkan secara terbuka. Isu yang berkaitan dengan banjir telah kita bincangkan secara terbuka dan satu isu yang merupakan satu yang memberikan tekanan yang besar dan kesan yang besar merupakan kepentingan awam seperti pelupusan sampah, kebersihan angkat sampah dan sebagainya ini. Saya ingin menarik perhatian Dewan dan Jawatankuasa sekiranya Jawatankuasa bersedia mengumpulkan cukup maklumat untuk menyediakan bagi diadakan satu pendengaran awam di bawah SELCAT. Itu cadangan saya dan di atas dasar itu saya menyokong penyata ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: *Bismillah Hirrahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam Sejahtera. Terima kasih Timbalan Speaker Sidang Dewan Yang Dimuliakan, Gombak Setia bangkit untuk sama-sama membahaskan Penyata berkaitan dengan pelupusan sampah ini adalah kerana di Gombak Setia sendiri ada empat tempat pembuangan sampah haram yang terus berleluasa dan terus menjadi tumpuan kepada pembuangan sampah haram ini. Gombak Setia berharap pihak Kerajaan Negeri dapat melihat dari sudut aspek perundangan yang mungkin di sana ada lompangan ada lubang yang menyebabkan pembuang-pembuang sampah haram ini begitu berleluasa dan bergiat dengan begitu cergas. Saya ambil contoh antara mungkin undang-undang yang kita boleh berikan tumpuan ataupun perhatian ataupun perubahan sedikit.

Satu lori sampah walaupun kita dah syak dia bawa sampah berjalan dalam taman kita menuju ke tempat pembuangan sampah haram ini kita tak boleh ambil apa-apa tindakan terhadap mereka dari sudut sampah sehinggalah bila mana sampah itu ataupun tempat sampah di atas lorinya itu diangkat dan sampah itu jatuh ke bawah. Sebagai satu contoh. Sebab itu kadang-kadang bila kita menempatkan penguat kuasa di kawasan-kawasan berkenaan kita lihat mereka tidak lari jauh pun. Mereka tunggu sampailah penguat kuasa akhirnya mengalah dan beredar dari tempat itu barulah mereka memulakan balik operasi mereka. Begitu juga kalau ada penguat kuasa-penguat kuasa yang lain baik JPJ, SPAD dan sebagainya. Kita lihat isu ini suatu isu yang sangat serius kerana kita lihat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ketika memulakan tugas beliau sebagai Menteri Besar memberikan tumpuan yang khusus dan meletakkan *target* 100 hari dalam pentadbiran beliau untuk mengatasi masalah sampah ini.

Ini suatu *indicator* bahawa pucuk kepimpinan tertinggi negeri memberikan fokus yang sangat tinggi dan kita harap fokus ini akan berterusan walaupun sudah melebihi 100 hari dengan tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan di peringkat PBT ataupun penguat kuasa-penguat kuasa yang lain. Kita tak nak keadaan hari ini bila mana ADUN-ADUN ataupun Ahli Majlis menjadi pengadu tegar masalah sampah sebab setiap kali masalah sampah berbangkit, *whatsup* yang akan penuh ialah *whatsup* ADUN. *Whatsup* yang akan penuh ialah *whatsup* Ahli Majlis gambar-gambar lori sampah, gambar-gambar sampah-sampah yang terbiar yang tidak diambil.

Saya lihat ada beberapa saranan yang saya harap dan saya pohon Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mengambil perhatian yang serius. Umpamanya soal bila mana kontraktor gagal untuk mengambil sampah pada hari-hari tertentu. Kita lihat usaha untuk *back up* nya tidak ada menyebabkan bila hari berikutnya kontraktor itu meneruskan mengikut jadual yang sedia ada tempat yang ditinggalkan sampah yang tidak dikutip hari sebelum atau pun pada jadual yang sepatutnya dia akan berlonggok dan bertambah-bertambah.

Sepatutnya menjadi satu tanggungjawab kepada kontraktor memaklumkan kepada PBT sama ada lori mereka rosak ke, mereka kekurangan pekerja ke tetapi hal ini tidak berlaku dan bila persoalan penguatkuasaan pula kita tidak pertekankan terhadap kontraktor-kontraktor ini maka mereka anggap ianya suatu perkara yang biasa, tak jalankan tugas pun tak menjadi masalah.

Saya kira saranan-saranan yang telah dikemukakan ini sebanyak 22 saranan adalah merupakan suatu keseriusan di peringkat ADUN-ADUN dalam soal sampah yang berlaku di dalam negeri kita ini dan saya pohon supaya Penyata ataupun saranan yang telah dikemukakan ini mendapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan Negeri. Sekian, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi Dusun Tua dahulu.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahitaalla wabarakatuh*. Saya mengambil bahagian dalam perbahasan berhubung tentang Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JPPBT bahagian sampah dan pembersihan awam ini. Ini adalah satu perkara yang cukup penting untuk kita bahaskan pada petang ini dan saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa ini sentiasa prihatin dan berterusan untuk membentangkan USUL ini supaya perkara ini dapat kita atasi dan kita selesaikan kerana setiap kali Dewan ini bersidang selalu kita dengar urusan sampah ini sama ada domestik ataupun pukal tidak selesai-selesai dan atas usaha gigih yang akan dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar seperti mana saya terbaca dalam Selangor Kini. Usaha Menteri Besar akan terjah sampah dan inilah satu perkara untuk kita terjemahkan kepada rakyat bahawa Kerajaan peduli rakyat dan memberi kesempurnaan kepada rakyat Negeri Selangor khususnya.

Saya dalam urusan sampah ini tidak mengatakan bahawa pihak Kerajaan Tempatan terutamanya di Majlis Perbandaran Kajang tidak berusaha sepenuhnya tetapi apa yang dilihat akhir-akhir ini sampah ini telah menjadi satu perkara yang begitu penting terutamanya di kampung-kampung yang mana sekarang ini sampah ini dibuang merata-rata. Kalau tengok di tempat saya ini di DUN Dusun Tua dan EXCO yang bertanggungjawab boleh katakan kalau tak dua minggu atau sebulan sekali pergi ke Dusun Tua Batu 18 naik basikal tiap-tiap pagi dan saya rasa EXCO pun nampak sampah-sampah itu bersepah di tepi jalan dan perkara ini kita dah bawa dalam mesyuarat dua bulan sekali JKTD. Pelaksanaannya nampaknya sampai ke hari ini masih lagi tidak menampakkan satu perkara yang diharapkan oleh rakyat jelata.

Apa yang mereka katakan bahawa, apa gunanya-apa gunanya Kerajaan Negeri ada rizab RM3.7 bilion tetapi masalah sampah ini masih berkira lagi untuk kita nak menyelesaikannya. Contoh yang saya beritahu ialah ada jalan-jalan kadang-kadang

yang diselenggarakan oleh pihak bertanggungjawab agensi yang bertanggungjawab iaitu JKR. Contohnya daripada Batu 14 Hulu Langat nak pergi ke Dam Semenyih lalui jalan Sg. Tekali di tepi-tepi jalan tu penuh dengan sampah. Bila bawa dalam mesyuarat JKTD mereka mengatakan ini jalan ni jalan JKR. JKR bukan sahaja tampal jalan buat jalan tapi sampah ini juga perlu mereka selesaikan. Jadi untuk itu, daripada kita menuding sana, menuding sini saya mengharapkan supaya kalau boleh terutamanya di kampung tadi pihak Kerajaan memberi sedikit peruntukan ataupun beri kepada PBT-PBT supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab ini dan saya rasa kalau perkara ini dapat kita penuhi sepenuhnya sudah semestinya rakyat mengatakan bahawa Kerajaan yang ada ini di bawah pentadbiran pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar betul-betul prihatin ataupun peduli rakyat dan *Insyah-Allah* pilihan raya yang ke 14 kita tetap mempertahankan Negeri Selangor ini. Jadi kerana itu saya menyarankan bahawa Usul yang di bawa oleh Jawatankuasa ini kita terima sepenuhnya kalau boleh kita minta supaya sampah ini tidak lagi menjadi bahan dalam Dewan yang akan datang. Terima kasih dan saya menyokong Usul ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN NOORHANIM BINTI ISMAIL: Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa PBT mungkin saya nak tambah sikit dan memberi satu macam kesedaran. Masalah sampah dan masalah jalan raya yang Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi telah mendengar daripada pagi tentang masalah jalan dan ini tentang masalah sampah. Ini lah masalah, dua masalah yang besar yang dihadapi oleh Kerajaan yang telah memberi persepsi yang buruk pada Kerajaan dengan izin *politic is all about perception* pada rakyat *towards the government*. Jadi adakah kita betul-betul mahu mengatasi masalah sampah. Masalah sampah wujudnya dari siapa? Dari manusia ini bukan dari langit ke apa kita ialah kita saran kan penguatkuasaan ataupun Kerajaan agensi untuk mengatasinya tetapi satu daripada tu ialah dari masyarakat sendiri yang saya dapati kekurangan. Kita kena tukar budaya masyarakat tentang membuang sampah, kenapa negara-negara Singapura, China, Negara-negara lain. Kita jangan kisahlah Negara barat. Negara Asia separuh di Thailand, masalah sampah boleh diatasi. Takkanlah kita di Selangor yang maju masih juga masalah sampah. Menteri Besar telah terjah dan cuba mengatasinya tapi sampai sekarang masih juga masalah negeri. Jadi saya harap *we must have the political wheel* untuk mengatasinya. Saya harap masalah sampah ini semua pihak mesti bekerjasama, usaha bersama untuk mengatasi masalah sampah. Bukan sahaja kerajaan, bukan sahaja PBT. Saya ingat kita kena turun padang kepada masyarakat untuk menukar budaya pemikiran mereka tentang membuang sampah melalui pendidikan, kempen-kempen yang saya dapati berkurangan tentang menukar budaya masyarakat untuk menukar membuang sampah. Penguatkuasaan, kita boleh denda macam mana pun tetapi budaya pemikiran kita tak boleh tukar,

susah untuk mengatasinya. Jadi saya haraplah penyata ini diterima dan dikaji oleh kerajaan dan saya haraplah mungkin ya, *maybe I'm dreaming* dalam masa 6 bulan masalah jalan, masalah sampah, *we have zero complaint*. Sekian ribuan terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Ijok. Silakan Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Tuan timbalan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam usul No.24 yang berkaitan dengan sampah. Tuan Speaker, saya telah membaca penyata yang telah disediakan oleh Jawatankuasa di mana saya ingin merekodkan harga saya. Saya menghargai usaha Jawatankuasa Pilihan PBT ini untuk menyatakan penyata ini tapi saya berpendapat bahawa penyata ini tidak cukup menyeluruh. Sebenarnya ada kekurangan dari dua segi. Yang pertama, penyata ini disediakan berdasarkan satu pendengaran tertutup yang diadakan pada 27hb. Februari, 2015 di mana wakil-wakil PBT adalah pihak yang mengemukakan Masalah yang dihadapi. Selepas itu satu sesi perbincangan antara Ahli-ahli Jawatankuasa di adakan pada 12 Mac 2015. Oleh itu jawatankuasa, selepas itu ada satu lagi, satu lagi yang diadakan Jawatankuasa bermesyuarat lagi pada 14 Mei 2015. Dan itu sahaja selepas itu penyata ini disediakan. Jadi pendapat saya adalah ini, cara ini tidak akan dapat ataupun tidak akan membolehkan jawatankuasa dapat tahu tentang masalah PBT. Kerana jelasnya PBT tidak akan menyerlahkan diri dalam laporannya. Ahli-ahli jawatankuasa dalam pandangan saya perlu turun padang untuk meninjau keadaan sendiri. Saya rasa sudah tidak dapat dinafikan bahawa Klang kini dalam keadaan yang paling teruk di Selangor. Walaupun ianya Bandar Diraja. Jawatankuasa seharusnya sedar tentang keadaan ini dan memberi fokus tentang keadaan Klang. Sebagai seorang Ahli Wakil Rakyat dari Klang saya berpendapat bahawa punca masalah sampah adalah kontraktor. Kontraktor-kontraktor pembersihan yang dilantik tidak dapat bekerja mengikut terma-terma kontraktor dan jadual yang dinyatakan dalam kontrak. Semasa kontraktor tidak bekerja mengikut jadual pemantau PBT pun gagal melaksanakan tugas mereka untuk memastikan kontraktor-kontraktor bekerja. Dianya perlu tunggu sampai ada aduan baru PBT mengarahkan, PBT memberi arahan untuk kontraktor bertindak dan ini menjadikan satu keadaan bahawa saya sebagai Ahli Dewan Undangan bersama Ahli Majlis saya sudah menjadi pemantau PBT di mana kita perlu sentiasa turun untuk meninjau dan mendapati aduan untuk membawa kepada PBT baru PBT akan bertindak. Seolah-olahnya kita sudah menjadi pemantau dan bukan pemantau PBT yang sebenarnya. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Y.B. EXCO PBT yang supaya sudi turun padang pada 28 Julai 2015 untuk meninjau keadaan di Pandamaran. Di mana saya juga berharap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh juga meluangkan masa untuk turun ke Pandamaran ataupun Klang untuk meninjau masalah semasa ini. Saya rasa Y.B. Seri Kembangan telah sedar tentang keadaan benar di Pandamaran tetapi saya ingin menyatakan bahawa MPK baru sahaja mengumumkan bahawa 5 kontraktor di kawasan Pandamaran mendapat markah setinggi 99.5, 99, 98, 97.5 dan 94.5. Saya

rasa ini cukup hairan. Oleh itu saya ingin menjelaskan di sini bahawa sekiranya kontraktor tidak *perform* ianya tanggungjawab pemantau untuk memastikan mereka membuat kerja. Kalau pemantau tidak *perform*, saya rasa YDP yang bertanggungjawab untuk memastikan pemantau *perform*. Kalau YDP pun tak *perform* itu masalah yang mengakibatkan apa yang kita menghadapi pada hari ini. Jadi saya rasa itulah perlu diberi tumpuan oleh jawatankuasa apabila memeriksa masalah pembersihan di Selangor terutamanya Klang.

Yang kedua, saya ingin menyatakan bahawa saranan jawatankuasa seperti di perenggan 6 perlu berdasarkan fakta-fakta yang didapati dari siasatan yang dilakukan seperti dinyatakan di perenggan 5. Tetapi selain daripada itu saranan yang dikemukakan dalam penyata ini di perenggan 6 bukan sahaja terlalu luas tapi dia sangat umum. Contohnya perenggan 6.13, di mana seorang ketua pemantau telah dicadangkan untuk dilantik oleh setiap PBT. Tetapi pada hakikatnya setiap kawasan DUN sudah ada seorang ketua pemantau di Majlis Perbandaran Klang. Tapi masalahnya kekal berlaku. Ini menunjukkan bahawa saranan sebegitu tidak dapat menyelesaikan masalah pembersihan yang kita hadapi pada hari ini terutamanya di Klang. Jadi pada pendapat saya isu pembersihan seharusnya dibahagikan kedua bahagian iaitu yang pertama penyelesaian masalah semasa dan kedua, penambahbaikan, penambahbaikan apa yang telah dilakukan dengan baik sekarang. Keutamaan perlu diberikan kepada penyelesai masalah. Dan penambahbaikan hanya wajar dilaksanakan berdasarkan prestasi kontraktor yang memuaskan. Keadaan kebersihan di Klang saya ingin menyatakan agak jauh dari memuaskan. Jadi berdasarkan apa yang dinyatakan di atas saya mohon pihak Kerajaan Negeri dan juga Jawatankuasa Pilihan PBT yang bijaksana untuk memberi keutamaan kepada masalah pembersihan di Klang yang kini dikenali sebagai tempat yang paling memerlukan pemerhatian. Dan pada akhirnya saya ingin memperingatkan Dewan yang mulia ini bahawa jangan menyalahkan rakyat sekiranya kerajaan sendiri belum dapat melaksanakan kerja. Sekian saya menyokong usul ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya berdiri untuk sokong usul dari PBT di dalam kawasan PBT lepas rakan saya dari Pandamaran sudah ucap. Sebab kita kongsi satu PBT. Saya ingat masalah sampah di dalam Negeri Selangor memang kita fahami sebab kita telah pun bawa isu ini berapa kali di dalam Dewan. Tapi saya nak bagi fokus khususnya kepada Klang Bandar Diraja di Selangor. Dan saya minta kerajaan untuk buat satu kajian dalaman di dalam PBT Klang ini sebab memang ada masalah pengurusan di PBT Klang. Keluasan kawasan itu dekat 500 lebih *square* kilometer yang dijaga oleh Klang. Dan Klang sudah pun berkembang besar dalam masa 10 tahun ini. Tapi saya nampak bahawa PBT Klang ini bukan ikut dengan perkembangan Bandaran Klang. *We are still the same compare to the size of development Klang has taken*

over. So ini ada masalah besar di sana. Nasib baik EXCO PBT turun sebelum Dewan kepada kawasan untuk tengok. Dia pun tahu saya ingat kalau dia tak turun dalam masa ini dalam sidang dia kena, kena. So dia turunlah untuk tengok lihat sendiri apa masalah di bawah dan kita tunjukkan kepada beliau beberapa kawasan-kawasan yang ada di dalam Klang dan dia pun terkejut bila nampak keadaan di kawasan Sri Andalas. Saya dengar dia turun kepada Pandamaran. Meru saya tak berapa tahu kalau ada kah tak ada turun. So saya minta kerjasama dari pihak kerajaan untuk buat satu kajian dan memang kita kena dapatkan satu keadaan yang lebih munasabah dari apa yang kita ada sekarang. Saya tidak boleh katakan MPK tidak buat kerja. Memang mereka sudah pun cuba dan sekali lagi sekiranya buat kerja dan kita minta dari ADUN-ADUN di dalam Klang tetapi ADUN-ADUN Klang sekarang ini kerja dia ialah jaga sampah, jaga longkang, jaga jalan, jaga lampu, itulah kerja ADUN di dalam kawasan Klang sekarang ya. So, sekarang dengan, dengan *whatsapp* dan sebagai cara dia dan kita dapat tiap-tiap hari kita kena hubungi pengarah dan juga YDP untuk atasi masalah ni. Walaupun mereka cuba untuk atasi masalah ni tetapi sering kali masalah ni kembali bali. So dua perkara. Satu, saya ingat kita kena meningkatkan penguat kuasa di dalam kawasan untuk tentukan sampah haram ini, sampah pukal ini diberhentikan. *We have to be very very strict about this.* Jangan takut kepada sitakan lori ataupun tangkap orang-orang yang buat demikian. Ok.

Nombor dua ialah saya minta bahawa Klang ini dikaji dan kalau boleh dipecahkan di dalam dua PBT. Kalau, kalau ini, ini kena buat oleh kerajaan sahaja. Ya, sebab saya dengar ini kena dibawa di dalam kabinet untuk dapatkan kelulusan untuk pecahan satu-satu PBT kepada dua, so tapi saya ingat ini kena diusahakan oleh EXCO untuk demikian sebab inilah caranya untuk atasi masalah yang kita hadapi di Klang. Dan Klang ini bukan sahaja satu, satu yang Bandar Diraja tetapi ialah bandar terbesar di Selangor. Dia Bandar Diraja tetapi dia juga bandar yang melalui eksport besar. Yang itu ada tiga pelabuhan besar di dalam daerah kita. *It's a gate way to Selangor.* So untuk itu saya minta untuk kerajaan bersama-sama dengan PBT MPK untuk kalau pengerusi jawatankuasa PBT katakan *in six months* tak ada kompelin saya ingat itu takkan jadi tetapi saya harap EXCO dan Pejabat Menteri Besar boleh peruntukkan sedikit dana yang lebih kepada Klang untuk prosesnya dicepatkan untuk kita buat sesuatu di dalam tempoh enam bulan yang akan datang. Dengan itu saya sokong usul yang dibawa oleh Jawatankuasa PBT. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Seri Serdang ingin mengambil bahagian dan menyokong yang dibawa oleh Selat Klang berkenaan dengan isu sampah. Seri Serdang akan mengambil masa yang singkat. Berkenaan dengan pembuangan sampah di dalam kertas kerja telah disediakan oleh Jawatankuasa PBT berkenaan dengan tempat pelupusan sampah di MPSJ. Apa yang mengejutkan Seri Serdang selama ini dalam kawasan MPSJ, tidak terdapat

pelupusan sampah. MPSJ melupuskan sampah di empat lokasi iaitu di Shah Alam, Transfer Station Seksyen 21 Shah Alam. Yang kedua tapak pelupusan Tanjung Dua belas, Kuala Langat. Ketiga, tapak pelupusan Jeram, Kuala Selangor dan empat, tapak pelupusan Dengkil di Sepang. Dengan keadaan tidak ada tempat pelupusan inilah Seri Serdang Bangun disebabkan sampah yang terlalu banyak di kawasan ADUN Seri Serdang yang hampir setiap hari kompelin ada sembilan zon dan gambar-gambar sampah juga dihantar setiap hari oleh JKP-JKP yang berkenaan. Oleh itu Seri Serdang ingin menyarankan supaya ADUN-ADUN ini dilibatkan di dalam PBT terutama kontrak-kontrak pembersihan sebab apa kebanyakan aduan-aduan yang diterima adalah kontraktor-kontraktor tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik. Sebab itu sampah sarap dibuang sesuka hati walaupun aduan daripada JKP kepada Ahli Majlis, Ahli Majlis kepada Pengarah kadangkala diabaikan. Bak kata tadi Seri Andalas, memang kerja ADUN ini jaga sampah, jaga longkang, jaga pokok dan semua kerja Ahli Majlis itu separuh daripadanya adalah kerja ADUN. Saya setuju sangat dengan semua Yang Berhormat – Yang Berhormat mengucapkan benda yang sama dan Seri Serdang juga ingin menyatakan inilah kerja ADUN. Kebanyakan harian kita melihat daripada zon-zon yang terlibat dengan pembuangan sampah dan juga longkang-longkang yang tidak terurus. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Puan Speaker, saya ingin mengambil sedikit bahagian dalam isu yang sama sebab pagi tadi tertarik EXCO tak ajak ADUN pergi melawat sama ke Singapura, ke Taiwan, ke China untuk bantu selesai masalah sampah. Mungkin kalau ADUN-ADUN dibawa melawat boleh bantulah Kerajaan Negeri dalam masalah sampah. Saya melihat ialah koordinasi. Penggal lepas dalam sidang lepas saya minta senaraikan tempat-tempat pembuangan sampah. Koordinasi di peringkat negeri saya cadangkan mungkin Dato' SS perlu timbangkan kerana bidang kuasa pihak PBT dengan Pejabat Tanah tidak sama. Alam Sekitar, Veterinar pun tak sama. Jadi mereka ada bidang kuasa masing-masing. Sebagai contoh di tempat saya Subang, seorang penternak haram seorang penternak menternak di kawasan bawah *cable line*. Dalam masa yang sama penternak tersebut telah menjadikan kawasan gaungnya tempat membuang sampah. Bila sampah timbul banyak orang *complain* kepada saya berlaku kebakaran, berasap kawasan flat kawasan kediaman. Jadi saya dipanggil *chair meeting* saya panggil mesyuarat, pihak MBSA kata ini kawasan tanah bukan bidang kuasa dia. Itu bidang kuasa Pejabat Daerah. Pejabat Daerah kata sampah ni dia tak ada hak nak uruskan, ini sampah urusan apa ni, pihak berkuasa tempatan. Dan saya tanya Alam Sekitar kenapa tak ambil tindakan, ini bukan bidang kuasa dia. Masalah lembu, lembu veterinar punya. Yang menjadi masalah kawasan tu berasap terbakar. Satu penduduk *complain* sebab berlaku kebakaran. Bila berlaku kebakaran *complain* ke pejabat Wakil Rakyat. Wakil Rakyat panggil mesyuarat jawapannya sama. Jadi saya cadangkan supaya ada koordinasi di antara, mungkin di peringkat Pejabat SUK

untuk koordinat antara jabatan-jabatan ini sebab ada kawasan hutan umpamanya, sampah dibuang di kawasan hutan. Itu bukan kuasa PBT. Sampah dibuang tepi sungai, itu kuasa JPS. JPS kata JPS tak ada buang sampah, bukan tugas JPS buang sampah. Itulah sekali lagi saya sebut supaya ada koordinasi jabatan di Pejabat SUK umpamanya untuk koordinat isu-isu sampah ini dilihat secara menyeluruh. Keduanya ialah dari segi undang-undang. Iaitu saya cadangkan pada EXCO "*don't compromise the law*". Kalau perlu sitar, sitarlah kilang tersebut. Kalau perlu ambil tindakan perlu ambil tindakan. Kemudian apa ni aa...dari segi undang-undang dan satu lagi ialah supaya nampak kalaulah tender murah sangat alasannya kena ambil *reasonable*. Kalau boleh kena pastikan jumlah pekerja yang ada pada kontraktor. Kalau jumlah kerja tak cukup memang tak akan buat kerja. Maka Ahli Majlis bekejar-kejar cari pengarah kenapa sampah tak diangkat sebab penduduk *complain* sampah bertimbun-timbun. Di Seksyen 24 Shah Alam walaupun bukan kawasan saya. Jadi maka tak selesailah masalah ini. Saya cadangkan tadi supayaterima kasih banyak kepada Kerajaan Negeri yang ambil inisiatif ini dan semua ADUN-ADUN kalau boleh sidang hadapan tidak lagi timbul isu sampah. Tuan Speaker saya menyokong isu ini.

TUAN SPEAKER: Taman Medan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Puan Speaker. Taman Medan juga ingin terlibat sama dalam isu sampah ini. Mungkin isu sampah yang dibentangkan oleh jawatankuasa pilihan JPBT ini adalah berkaitan dengan di bawah seliaan PBT. Seperti mana yang disebutkan oleh Kota Anggerik tadi ada juga kawasan-kawasan di mana berlakunya pembuangan sampah secara tidak sah berlaku di tanah-tanah milik kerajaan yang di bawah jagaan Pejabat Daerah. Jadi saya melihat isu ini timbul terutama sekali di kawasan saya. Terdapat pengoperasi ataupun pihak kontraktor yang mengutip sampah ini mencari jalan mudah untuk membuang ataupun *dispose*, dengan izin sampah-sampah yang telah dikutip kerana tempat pembuangan sampah itu mungkin agak jauh jadi ia melibatkan kos bagi pihak yang berkaitan. Jadi cara yang paling mudah adalah mencari tempat untuk dibuangkan sampah-sampah tersebut. Dan Taman Medan selalu menjadi mangsa dan kita telah menghadapi masalah ini bertahun-tahun. Pihak Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri juga peka tentang perkara ini dan isu ini tidak dapat diselesaikan sehingga ke hari ini ya mengambilbegitulah dia terdapat banyak pihak yang mengatakan ini bukan kawasan mereka dan ini bukan tanggungjawab mereka jadi perkara itu dia berlegar di beberapa jabatan sehinggalah sampai ke jabatan yang bertanggungjawab. Jadi saya lihat perkara ini perlu diatasi kerana isu sampah ini sudah menghantui kerajaan negeri bertahun-tahun. Jadi ini tidak baik untuk imej sebuah kerajaan yang ingin menjadi contoh pada seluruh negara ya....negeri-negeri di dalam Malaysia ini.

Yang keduanya adalah kita dengar pagi tadi pihak pagi tadi menceritakan ada banyak lawatan yang telah dibuat untuk mengkaji cara pelupusan sampah yang

paling efektif dan terbaik. Jadi saya mohon pihak yang berkaitan untuk segera kenal pasti cara yang terbaik kalau tak termurah pun kita ada *reserve* yang agak besar boleh dibelanjakan untuk segera selesaikan masalah pelupusan sampah ini tidak lagi ada alasan sampah ini dibuang sebab tempatnya terlalu jauh dan tidak apa tu berbaloi bagi pengoperasi ataupun kontraktor-kontraktor sampah. Itu yang kedua.

Yang ketiga adalah kita pihak kerajaan juga kena *embark* ataupun melancarkan kempen tukar budaya bagaimana kita mengurus sampah kita...ya...pengasingan sampah. Perkara ini perlu dijalankan secara agresif tidak lagi secara hanya memenuhi syarat ya tapi dengan bersungguh-sungguh hingga dapat melihat kesan dia dan apa tu..kesan positif dia terhadap masyarakat dan seterusnya terhadap pengurusan sampah di dalam negeri ini. Jadi saya menyokong segala saranan dalam penyata ini dan saya berharap pihak kerajaan akan menerima segala saranan dan juga cadangan daripada pihak yang berhormat yang telah berbahas dalam membincangkan perkara usul ini. Jadi dengan ini Taman Medan menyokong usul daripada Jawatankuasa pilihan mengenai PBT berkaitan dengan pelupusan sampah dan kebersihan awam. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Speaker. Kinrara juga ingin menyentuh sedikit tentang masalah sampah yang dibentangkan tadi. Bagi saya, saya ada lihat masalah sampah di taman-taman perumahan atau kawasan kediaman masih terkawal, tidak teruk sangat. Masalah yang teruk sekali adalah di kawasan komersial.....kawasan komersial. Tadi ramai rakan-rakan Y.B. telah sentuh tentang prestasi kontraktor, memang tidak dapat dinafikan prestasi kontraktor tu perlu dinaik tingkatkan tetapi bagi saya satu masalah yang besar adalah reka bentuk sedia ada kedai sekarang. Untuk kawasan bandar seperti di Puchong atau di mana-mana tempat di Petaling Jaya atau di Seri Kembangan sekurang-kurangnya kedai yang dibina tu adalah tiga tingkat atau sampai empat tingkat dan kadangkala yang bawah tu kedai atas tu kediaman, apartmen, *shop* apartmen, jadi ni timbul masalah yang besar. Sekiranya kita nak syaratkan atau kita nak menguatkuasakan untuk meletak tong sampah bagi setiap unit kita boleh *imagine* berapa tong sampah yang kita perlu letak di depan kedai itu. Jadi reka bentuk ni juga menimbulkan satu masalah untuk meningkatkan prestasi kontraktor yang membuat pembersihan dan kutipan. Jadi saya berharap Jabatan Perancang Negeri dan juga Jabatan Perancang PBT boleh ambil perhatian tentang reka bentuk kedai seperti macam ni adakah reka bentuk macam ni sesuai untuk kita mengurangkan masalah aduan sampah. Dengan ni Kinrara menyokong usul ni. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya bagi peluang Kota Damansara

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih kepada saya juga nak mengambil berkenaan dengan isu sampah terutamanya isu sampah yang

tidak dapat diurus dengan baik di kawasan Kota Damansara terutamanya di kawasan apartmen dan juga di kawasan-kawasan premis perniagaan yang setahu saya seingat saya memang susah nak diatasi. Pertamanya kemungkinan kontraktor-kontraktor yang dilantik tidak dapat memenuhi ataupun tidak dapat memenuhi syarat dan spesifikasi yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor tersebut. Sebab itu kutipan sampah kalau tidak mengikut jadual yang ditetapkan. Kadang-kadang kalau di kawasan taman perumahan kalau kutipan sampah itu sepatutnya dikutip hari Isnin, hari Rabu dan hari Jumaat tetapi kadang-kadang hari Rabu tu *missed* kutipannya disebabkan kemungkinan kadang-kadang saya bertanya juga kepada kontraktor tersebut sebab kosnya terlalu rendah. Ha...itu salah satu daripada faktorlah. Jadi saya nak memohon kepada kerajaan untuk mengambil kira perkara-perkara ini dan kami, bukan saya sahaja sebagai Wakil Rakyat Barisan Nasional saya yakin Wakil Rakyat daripada Pakatan Rakyat pun dah letih dah hari ini sahaja kita dah bercerita berkenaan sampah ni dah berjam-jam dah ya, fasal isu sampah saja. Saya tak nak lah kalau boleh di sidang Dewan yang akan datang ni kita tak nak kemukakanlah isu sampah ini. Isu sampah ini dapat diatasi Kerajaan Negeri kenal pasti, ambil tindakan segera untuk macam mana menyelesaikan isu sampah ini supaya kita Wakil Rakyat dan juga semua yang bertanggungjawab bermula daripada atastah YABMB nya, YAB Exco nya, YB-YB nya dan juga kakitangan sebagai agensi pelaksana sama-sama memikirkan macam mana pelaksanaan ni mesti dibuat dengan segera. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sabak

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih Speaker. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Saya mengambil masa yang ringkas. Di seluruh di Majlis Daerah Sabak Bernam seluruh sampah-sampah di Sabak Bernam semua dilonggok di dalam DUN saya dan lebih kurang tak sampai satu kilometer daripada rumah saya. Jadi apa yang berlaku sampah tu dah ya...memang dah tinggi dah sejak daripada ADUN Sejangkang mengendalikan dulu ada cadangan tempat yang baru terhadap sampah ni. Dan apa yang berlaku jugak ada dalam rekod ADUN Sejangkang juga yang pernah mengendalikan ini pernah beberapa kali terbakar dengan sebab kepanasan. Akibatnya satu kampung bau yang tidak busuk bukan orang kampung tu tak wangi tapi kerana akibat pembakaran akibat asap dan kurang daripada dua ratus meter daripada tempat pembakaran sampah itu adalah Sekolah Rendah Agama, Sekolah Rendah Kebangsaan yang sendiri mengadu masalah bau, masalah asap masalah bau masalah asap. Dan dia sudah tinggi menimbun dah. Kalau tidak sama macam Gunung Everest pun lebih sikit daripada itu. Jadi maksud saya sudah terlalu banyak sampah. Jadi, memang sering menjadi aduan masalah bau, masalah apatah lagi kalau sekiranya musim kemarau, musim kering dan dia terdedah kepada kebakaran. Jadi saya sekadar nak membangkitkan ini ialah untuk tanya tentang perkembangan tentang kalau ada tempat yang penempatan yang baru yang lebih sesuai yang jauh daripada masyarakat sebab kawasan itu ialah masyarakat penempatan masyarakat dekat

dengan sekolah, dekat dengan surau, dekat dengan taman-taman permainan. Jadi ini saya nak bangkitkan tentang masalah polemik masyarakat sejak daripada dulu lagi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Permatang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya mengambil sedikit sahaja pada ruang untuk perbahasan mengenai isu yang dibawa dalam usul oleh Jawatankuasa ini iaitu mengenai sedikit imbasanlah sewaktu kerajaan ini bertukar pada tahun 2008 saya masih ingat apabila dibangkitkan banyak isu-isu mengenai sampah dan waktu itu banyak tuduhan-tuduhan yang dilemparkan. Mengenai Alam Flora bagi kroni Barisan Nasional, kita mampu buat sendiri, kita boleh buat sendiri dan sebagainya. Jadi maka ada usul ada usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bahawa ditamatkan kontrak pihak Alam Flora maka tinggallah jadi sejarah. Dan hari ini Kerajaan Negeri sudah mengambil alih pengurusan ini sepenuhnya dan sewajarnya perbahasan ini saya tengok rakan-rakan YB daripada kawasan-kawasan bandar, luar bandar menghadapi masalah yang sama. Dan *task force* yang dibentuk oleh pihak EXCO pun telah melawat banyak negara. Saya setuju Kota Anggerik sebab ADUN tidak terlibat telah kita dengar cerita sahaja dan hari ini kita berharap pihak kerajaan EXCO boleh membentangkan hasil daripada lawatan itu apa yang boleh memberikan satu penyelesaian jangka panjang. Sebenarnya Negeri Selangor ini sebagai sebuah negara maju, kita bukan sekadar hendak melihat apa masalah-masalah harian kita. Tapi penyelesaian jangka panjang mesti dikemukakan sekalipun melibatkan kos yang tinggi, sekalipun memerlukan kerjasama daripada pihak swasta dia mesti difikirkan. Kalau kita memikirkan mengenai *landfill* tempat pembuangan sampah, kita kena memikirkan juga bagaimana sebuah tanah, sebidang tanah mungkin beratus ekar yang akan hilang tidak dapat dibangunkan selama mungkin beberapa tahun untuk menjadi timbul dengan sampah. Mungkin dua ratus ekar berapa nilai ekonomi yang sudah hilang kepada *landfill* berkenaan. Dan untuk memulihkan kembali selepas seratus tahun yang akan datang kos yang besar juga diperlukan. Hari ini saya percaya Kerajaan Negeri kena memikirkan kaedah-kaedah yang lain termasuk juga bagaimana *insinerator* sebagai satu jalan penyelesaian. Sekali pun bukan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri sebab saya memikirkan kawasan-kawasan negara maju. Saya pun ada peluang pergi melihat sebuah *insinerator* di Frankfurt Jerman yang saya tengok bukan sekadar *insinerator* itu boleh menyelesaikan dua bandar besar di Jerman tetapi juga boleh memberikan semula pulangan dalam bentuk membekalkan *electricity* kepada bandar-bandar besar ini kepada kadar takrif yang munasabah. Jadi kita di Selangor ini kena memikirkan bagaimana *insinerator* sebagai penyelesaian jangka panjang di bandar dah tidak boleh tampung. Saya percaya kalau nak mencari tempat *landfill* yang jauh kos juga akan diperlukan, akan meningkat di pihak kontraktor untuk menghantar dan sebagainya. Jadi kerajaan perlu memberikan satu jawapan jangka panjang bagaimana kita nak menyelesaikan kalau tidak secara total tetapi isu ini tidak lagi

berbangkit dan juga saya mengharapkan supaya bagaimana nak memulihkan kawasan-kawasan *landfill* yang sekarang ini ada mungkin beberapa tempat lagi. Bagaimana nak dipulihkan untuk dibangunkan semula, ini juga satu perkara yang kerajaan perlu fikirkan dan perlu memberi penyelesaian kepada rakyat Negeri Selangor. Jadi saya ingat Tuan Speaker itu sahaja ucapan saya terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, Sekinchan juga ingin turut serta di dalam membahaskan usul yang dibuat oleh jawatankuasa PBT berkaitan dengan sampah. Dalam konteks Tuan Speaker sampah ini kita nampak satu perkara yang cukup rumit, bukan senang untuk diselesaikan. Dalam soal konteks sampah ini bagi pandangan saya selagi ada manusia selagilah ada masalah sampah. Itu dia yang penting kita nak didik seperti apa yang dikatakan oleh tidak berapa nak setuju dengan Kota Damansara di mana sampah itu selesai dan DUN akan datang tidak boleh timbul lagi. Ini tidak praktikal, kita mesti praktikal dan perkara ini pasti akan wujud tanyalah negeri-negeri lain Barisan Nasional, begitu juga perkaranya. Yang pentingnya buktinya apa ADUN-ADUN ada *platform* di Dewan Negeri Selangor ini kita ada *platform* untuk kita mengutarakan masalah. Kerajaan Negeri prihatin, serius, dengar daripada A to Z, inilah forumnya untuk kita bangkitkan. Jadi bukan soal bangkit sampah kerana tidak boleh selesai kerana apa kerana kita nak dengar, nak cari kaedah, ini antara caranya. Saya nampak rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang bijaksana telah kemukakan banyak masalah-masalah tentang sampah ini dan saya nampak di negara-negara maju pun masalah sampah ada juga. Cuma mereka lebih teratur dan ada lebih sistem sedikit dan di sini kita mungkin masih kekurangan di situ. Jadi di situ saya minta Kerajaan Negeri kita kena cari satu kaedah yang lebih holistik dan keseluruhannya bagaimana kita nak selesaikan secara lebih sistematik. Saya ada juga mengesyorkan agar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kena lagi, jadi saya tambah lagi ataupun kena adakan siri terjah fasa kedua bersama EXCO turun lagi mana kawasan-kawasan *task force* turun lagi supaya kakitangan kerajaan PBT nampak lebih serius, bukan main-main dan EXCO pun kalau boleh serius boleh bawalah ADUN dan sebagainya pergi ke luar negeri, tengok mana, tinjau, tinjaulah saya setuju dengan Kota Anggerik tadi, tinjau apa-apa masalah tadi, kita cari idea, kita belajar biarlah sampai ke Negeri China, kalau belajar Islam. Sampah mana-mana boleh pergi, ini saya nak tegaskan di sini Tuan Speaker. Kedua saya juga ingin tegaskan di sini bahawa kita kena mula didik anak-anak kita daripada Darjah Satu, Sekolah Rendah, Kerajaan Negeri kena ada program setiap tahun 2 kali ada peruntukan khas. Setiap DUN mesti diwajibkan akan program dan mendidik anak-anak kecil mesra alam mengetahui bagaimana tentang pengasingan sampah dan sebagainya. Kalau program sedemikian ada saya yakin anak-anak kecil kita senang terima mereka bagaikan kertas putih, kalau kita isi apa-apa mudah terima. Kalau orang tua, warga emas naik umur agak nakal, sukar nak berubah namun kita tahu mengubah hijrah itu demi kebaikan tetapi dia sukar. Di Sekinchan pun ada masalah kerana apa Sekinchan sekarang ini DUN Sekinchan soal sampah

ini soal nampak terkawal dan bagus, Cuma nak tambah baik sahaja sebab kawasan pelancongan kena lebih dilihat lebih bersih dan indah. Jadi kita suka bersih, Islam juga suka kepada bersih, semua agama suka kepada bersih. Jadi kita kena didik anak-anak kita tadi di peringkat sekolah di bangku sekolah Saya harap perkara ini dapat di maklum ya oleh Kerajaan Negeri supaya anak-anak kita dapat didik bapa dia, didik ayah, didik emak dia, didik atuk dia. Kalau tidak mereka suka ambil sampah kemudian orang tidak nampak dia terus campak masuk longkang. Itulah antara tabiat mereka, ini kena kikiskan kalau tabiat kita tidak kikiskan, PBT curah berapa duit pun perkara yang sama sampah longgoklah dan sebagainya akan wujud kembali. Sebab masing-masing punya kepentingan diri, rumah sendiri bersih dan suka. Rumah orang kotor tak apa jadi buang ke tempat lain orang macam itu. Longgok-longgok, ini sikap ini kena kikis, ini kalau soal sampah ini tidak kira Barisan Nasional atau peringkat Kerajaan Negeri serupa. Masalah sampah benda yang serupa, kita cari kaedah dari didikan anak-anak kecil. Dan seterusnya juga di Sabak Bernam ada juga masalah sedikit, kita kekurangan dana, jadi dana itu Kerajaan Negeri kena timbanglah macam Majlis Daerah Sabak Bernam, kita masih ada hutang 3 juta soal sampah ini. 3 juta kalau boleh itu dihapus kira senanglah tidak perlu susah, minta jasa baiklah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar hapus kira sahajalah perkara kecil ini, beres dong. Ya Yang Amat Berhormat Dato' ada lagi satu undang-undang perlu dikuatkuasakan ya undang-undang PBT perlu digubal supaya dikuatkuasakan nak tangkap ulat sampah. Ulat sampah kena tangkap kalau tidak mereka berani di mana-mana tidak takut jadi kalau ada dua, tiga orang kena tangkap dipaparkan di dalam *facebook*, dalam surat khabar dan dikenakan denda yang tinggi RM2,000.00 atau RM3,000.00. Sekarang ini undang-undang kecil yang ada tidak memadai ketinggalan zaman, sekarang Kerajaan Negeri kena kuat kuasa gubal satu undang-undang baru. Tangkap RM3,000, RM5,000, penjara satu tahun atau pun cuci longkang satu tahun. Kena ada antaranyalah cadangan-cadangan ini supaya

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sekinchan, ulat sampah yang mana, ulat sampah yang betul ke atau yang mana itu kena jelas itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Itu ulat sampahlah, yang orang suka buang, maksud saya bukan ulat itu, orang yang suka buang sampah menjadikan mereka ulat sampah macam itulah. Jadi undang-undang ini kita kena tangkap ulat sampah ini bukan tangkap najis, tangkap ulat sampah. Jadi kalau tidak tangkap, kalau ditangkap 10 orang, 20 orang baru dia takut barulah boleh beransur pulih masalah sampah ini, itu saya harap Kerajaan Negeri timbang perkara-perkara yang saya cadangkan ini supaya kita bersama-sama sebagai Ahli Dewan, kita bertanggungjawab sama-sama kita fikirkan bagaimana menambah baik memperkasakan sistem pembersihan sampah ini. Sekian sahaja terima kasih.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker, bagi Teratai menyokong usul berkenaan masalah sampah juga berlaku di kawasan DUN Teratai. Ada Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan dengan sampah domestik, sampah komersial dan juga pembakaran terbuka dan juga selainnya. Di kawasan DUN Teratai ada hadapi, kami juga menghadapi masalah kutipan sampah pukal yang mana khususnya bagi sampah kontraktor yang mana melibatkan selalunya kita nampak ada sampah longgokan yang di tepi jalan yang susah untuk dikutip ataupun untuk dilupuskan. Teratai di sini mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri menempatkan beberapa orang pegawai yang membuat pemantauan di tapak pelupusan sampah. Sebab saya sesungguhnya percaya bahawa ada antaranya kontraktor yang tidak melupuskan sampah-sampah pukal ataupun sisa-sisa bahan binaan di tapak pelupusan sampah yang telah diwartakan. Tambahan pula bagi selain daripada itu bagi sampah kebun pula yang selalunya Teratai menerima aduan daripada penduduk di mana terdapat sampah-sampah kebun ataupun sampah-sampah yang tidak diuruskan dengan baik yang didapati di kawasan tanah-tanah lapang khususnya di taman permainan. Ada antara sampahnya merupakan tin-tin kosong ataupun botol-botol kaca pecah yang mana merupakan bahan-bahan yang akan menjejaskan keselamatan budak-budak yang bermain di taman permainan. Jadi Teratai berharap supaya Kerajaan Negeri melalui Kerajaan Tempatan boleh membuat satu pemantauan yang ketat dan bukan sekadar satu minggu mungkin dua kali sahaja untuk melupuskan ataupun mengutip sampah-sampah kebun ataupun sampah-sampah yang didapati di kawasan tanah lapang ataupun di taman permainan. Tambahan pula bagi Teratai di sini menggesa supaya Kerajaan Negeri juga belajar polisi Negara Taiwan dengan konsep *no rubbish on the floor* yang mana sistem pengurusan sampah itu menggalakkan penduduk-penduduk supaya tidak meletakkan sampah di hadapan rumah ataupun di belakang rumah sama ada di rumah ataupun di kedai. Di mana bagi kontraktor kutipan sampah mereka akan datang mengikut jadual dengan tepat masanya. Penduduk-penduduk atau pekerja-pekerja kedai dapat mengeluarkan sampah yang dikutip ataupun disimpan dalam premis mereka dan terus hantar masuk dalam lori-lori kutipan sampah dan tidak letak di hadapan atau di belakang premis ataupun dibiarkan begitu sahaja. Sampah-sampah tidak diuruskan dengan baik akan menjejaskan kesihatan dan juga keselamatan penduduk dan Teratai juga di sini menyokong saraan daripada Yang Berhormat Sekinchan di mana hukuman ataupun penguatkuasaan undang-undang haruslah diketatkan di mana sebelum ini Kerajaan Selangor ada mengkaji sama ada hukuman penjara boleh dilaksanakan terhadap mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab yang menyebabkan Negeri Selangor ini dipenuhi dengan sampah di merata-rata tempat. Teratai di sini juga menyeru supaya hukuman terhadap mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan pembakaran sampah secara terbuka di kawasan tanah lapang haruslah dikenakan hukuman yang agak berat dan bukan sahaja sekadar hukuman sahaja. Maka dengan ini Teratai menyokong, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ada lagi ADUN yang hendak bahas, saya persilakan pihak kerajaan untuk memberi maklum balas. Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya tidak berhasrat untuk mengambil alih peranan yang dibawa oleh Yang Berhormat EXCO PBT kerana beliau telah menjalankan tugas dengan baik bagi memikul amanah ini dan saya mendukung usaha-usaha beliau dan ini bukanlah satu perkara yang mudah ditangani tetapi ia memerlukan penglibatan semua pihak dan saya telah melihat dan meneliti 22 syor yang telah dikemukakan oleh jawatankuasa pilihan PBT ini dan sebahagian besar daripada syor dan cadangan itu perlu diperhalusi oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan dan saya juga mengikuti dengan tekun perbincangan yang disertai oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat pada petang ini yang cukup menarik perhatian saya sebab itu saya mengambil peluang ini untuk memberikan *respons* secara *immediate* supaya perkara ini dapat kita tangani secara bersama. Saya ingin menegaskan bahawa memang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk melihat langkah-langkah penyelesaian tentang kerja-kerja pembersihan yang sedang kita bahaskan. Namun saya juga nak mengingatkan pimpinan bahawa salah satu tanggungjawab Kerajaan Negeri ini bukan sahaja sekadar untuk menjana tumbuhan sahaja tetapi untuk memastikan kemudahan-kemudahan asas seperti kebersihan, kesihatan itu dapat ditangani dengan baik dan diberi jaminan rakyat supaya di negeri Selangor dapat hidup dengan sejahtera. Dan bagi saya ini bukan soal peruntukkan atau soal dana kerana *alhamdulillah* negeri Selangor kita mencatatkan pertumbuhan dengan baik yang mampan dan prestasi hasil dan pendapatan negeri terus meningkat. Dan dalam tiga bulan pertama apabila saya diberi amanah di negeri Selangor pun ini antara agenda utama kita untuk memastikan masalah kebersihan ini dapat ditangani dengan lebih berkesan. Dan kita telah membelanjakan sejumlah RM32 juta dalam tiga bulan pertama untuk disalurkan kepada PBT-PBT di negeri Selangor bagi mengatasi masalah ini. Tetapi saya masih belum berpuas hati dengan masalah kebersihan di negeri Selangor. Ia mudah kita boleh meletakkan atau menyalahkan Kerajaan Negeri ataupun PBT. Di peringkat Kerajaan Negeri seperti yang dijawab oleh Y.B. EXCO semalam saya kira. Kita telah mengambil insentif yang lebih proaktif untuk membentuk satu Enakmen baru. Tadi kita mendengar beberapa perbincangan bagaimana soal penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang lebih ketat. Hari ini kita hanya ada undang-undang kecil PBT yang belum begitu kemas dan boleh bertindak secara mengatasi masalah ini. Dan di negeri Selangor juga kita telah tidak memakai Akta 672 seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Maka kita telah mencadangkan supaya satu Enakmen baru digubal untuk membuat suatu peruntukan bagi pelesenan, penguatkuasaan dan perundangan berkenaan dengan pengutipan, pembuangan dan pelupusan sisa-sisa pepejal dan pembersihan awam yang merangkumi setiap aspek kebersihan dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya di negeri Selangor untuk kesejahteraan dan kepentingan awam. Ini *pre-ambule* dalam Enakmen yang kita cadangkan dan kini dalam penelitian Jabatan Peguam Negara untuk kita mendapatkan pengesahan perundangan sama ada

Kerajaan Negeri boleh mengujudkan satu Enakmen negeri berkaitan dengan pengurusan sistem pepejal dan pembersihan awam di bawah fasal dua Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan. Dan kita sedang menanti ulasan daripada Jabatan Peguam Negara dan ini untuk membuktikan bahawa Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh untuk mengujudkan satu Enakmen baru bagi mengatasi masalah ini. Yang keduanya kita juga hendak jelaskan petang ini dalam Dewan ini bahawa kita juga ada masalah dengan kontraktor saya setuju dan seperti Y.B. Hulu Kelang ingatkan saya sewaktu saya menjadi Ahli Dewan biasa pun prinsip saya pun masih konsisten mana-mana kontraktor yang tidak berupaya menjalankan tugas dengan baik harus dihentikan dan mesej ini telah saya berikan kepada semua PBT dalam pertemuan saya beberapa bulan yang lepas supaya menyemak balik prestasi kontraktor-kontraktor yang dilantik sekiranya mereka tidak mencatatkan prestasi seperti yang telah ditetapkan kita tidak teragak-agak untuk menamatkan perkhidmatan mereka dan dalam masa terdekat ini kita telah memberi maklum kepada Hebat Abadi anak syarikat Kerajaan Negeri untuk mengambil alih sementara waktu sehingga proses pelantikan baru dibuat. Jadi usaha-usaha ini kita telah lakukan. Namun kita juga harus ingat bahawa pelantikan kontraktor-kontraktor ini harus juga disemak dari segi kriteria-kriterianya. Kerana saya telah menyatakan dalam pertemuan dengan PBT kita tidak mahu meneruskan amalan yang lama yang dilakukan oleh UMNO dan Barisan Nasional di mana pelantikan kontraktor ini merupakan praktikal *wat* kepada Ketua UMNO cawangan kepada pemimpin UMNO kalau di kawasan saya ketika dulu ada 42 zon kerja-kerja pembersihan dipegang oleh Ketua UMNO Bahagian kesemua ini tidak boleh berlaku sebab kalau kita serahkan kepada kontraktor-kontraktor kecil yang tidak ada keupayaan kewangan tidak mampu menguruskan kerja-kerja ini dengan baik tidak ada kompeten tidak ada lori yang sesuai akhirnya itu yang kita dengar tadi ada yang tidak mengikut jadual pungutan sampah tersebut sebab itu kita harus menyemak semula supaya syarikat-syarikat yang dianugerahkan kerja ini ada keupayaan dari segi kewangan dari segi kemudahan dan juga jentera-jentera yang perlu digunakan itu yang harus kita bincangkan bersama. Saya juga hendak tegaskan isu sampah ini tidak boleh dilihat secara *solution* bukan hanya soal pungutan sahaja bukan sahaja *collection* sahaja kita juga harus bincang soal aktiviti pelupusan sampah yang ini juga saya gembira kerana ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi telah mula membincangkan keperluan untuk menyemak kaedah-kaedah baru soal pelupusan sampah ini. Kalau suatu ketika dahulu kita menggunakan kaedah kita dengar sebentar tadi bagaimana Y.B. Permatang mengingatkan kita apakah kaedah ini boleh diteruskan. Sesebuah kawasan yang digunakan untuk tujuan tersebut tidak dapat dimanfaatkan lagi mungkin untuk tempoh 40 atau 50 tahun yang akan datang apabila aktiviti pelupusan ini dihentikan kerana kualiti tanah itu tidak dapat diselamatkan. Maka kita kena fikir kaedah baru kalau sebelum ini ada cadangan soal *insinerator* mendapat bantahan kuat sebab kita juga dan rakyat mendengar pandangan mereka juga *civil sensitive* Tetapi sekarang ada teknologi-teknologi baru seperti *vis an degi* yang telah diguna pakai dengan luas di Jerman di Jepun dan juga di Korea. Dalam lawatan kerja saya baru-baru ini bersama dengan Y.B. Sg. Pinang teknologi-teknologi ini yang dibina untuk

meyakinkan penduduk *vis an degi* dibina atasnya restoran untuk membuktikan bahawa selamat. Ada *vis an degi* yang dibina di perkampungan olympic di Osaka. Di mana di situ lah para arkitek tinggal yang perlu kesihatan yang baik ada kemudahan *vis an degi* yang dibina dalam perkampungan Olimpik di Osaka. Jadi saya tidak bermaksud untuk mengajak Dewan bersetuju dengan kaedah-kaedah ini tetapi ada keperluan untuk kita melihat teknologi-teknologi yang bagi mengatasi masalah pelupusan sampah di negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang maju yang terpaksa menanggung pungutan sampah yang begitu besar. Yang akhirnya yang saya amat bersetuju yang ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi termasuk daripada Ijok, Taman Medan dan juga Sekinchan. Sampah ini mesti ada orang membuangnya dia tidak turun daripada langit kalau banjir ya. Hujan lebat puting beliung tapi sampah ini ada tangan-tangan yang tidak bertanggungjawab yang membuangnya sama ada membuang di depan rumah di belakang rumah di mana-mana. Maka dalam usaha kita untuk memastikan kerja-kerja pembersihan ini berjalan dengan lebih efektif ia melibatkan semua pihak kerajaan Negeri di peringkat PBT, kontraktor dan juga pengguna serta rakyat itu sendiri. Mesti ada satu kempen kesedaran yang harus dijalankan secara besar-besaran untuk menukarkan budaya sikap rakyat kita supaya lebih bertanggungjawab. Kita tidak mahu sampah-sampah ini hanya dibebankan kepada kerajaan tempatan atau Kerajaan Negeri walaupun mereka membayar cukai perkhidmatan ataupun cukai pintu dan sebagainya tetapi *attitude* sikap itu juga penting untuk kita wujudkan supaya mereka memahami sampah-sampah ini menjadi tanggungjawab bersama. Kerana ia akan memberi kesan bukan sahaja kepada pihak PBT tetapi kepada keluarga itu sendiri dan juga masyarakat setempat. Sekarang isu denggi merupakan isu yang sangat serius di negeri Selangor dan salah satu punca masalah denggi ini ialah kerana sampah-sampah yang tidak dikutip tidak mengikut jadual dan tidak satu kaedah pelupusan lebih teratur. Kemudian saya hendak mengingatkan kita bahawa sampah ini bukan setakat sisa pepejal yang selalu kita lihat berada di sekeliling kita tetapi ada juga sampah-sampah kekal, sampah kebun industri *vis* yang perlu ada karisma yang mana kita boleh melupuskan sampah-sampah ini dengan cara yang lebih teratur. Jadi saya percaya Yang Berhormat EXCO yang bertanggungjawab akan memberikan penjelasan yang lebih terperinci *komprehensif* berdasarkan syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana mereka mengambil masa yang cukup lama dan juga meneliti cadangan ini dan perbahasan yang dikemukakan itu akan diambil kira kerana saya menjadikan agenda Selangor Bersih sebagai agenda utama saya. Sebenarnya dalam dua minggu ini saya telah menetapkan beberapa lokasi yang saya akan terjah tanpa notis saya adapun makluman mendasarkan SMS dan email yang saya terima kawasan-kawasan yang terlalu banyak aduan yang banyak saya terima beberapa PBT di negeri Selangor. Dan saya telah pun memilih 6 kawasan dalam 2 minggu ini untuk saya terjah dan saya akan maklumkan kepada YDP pada saat-saat akhir sahaja. Supaya saya dapat melihat sendiri kontraktor-kontraktor yang dilantik itu adakah kontraktor-kontraktor yang berwibawa atau ada hubungan tertentu dengan orang tertentu dan saya akan mengambil tindakan keras dan tegas kerana saya mahu

kerja-kerja pembersihan ini menjadi agenda utama yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Soal peruntukan yang diminta oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat itu bisa diurus tapi yang penting memberi kesan yang positif memberi kebaikan dan kesejahteraan kepada rakyat. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian adapun di hadapan Dewan ini adalah sesuatu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 7.6.5 Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima penyata kuasa pilihan mengenai pihak kuasa Tempatan JPBT bagi Dewan negeri Selangor berhubung pelupusan isu sampah pembersihan awam yang telah dibentang di dalam Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bil.41 Tahun 2015. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul No. 25 Tahun 2015. Usul di bawah peraturan Tetap 76 (5) oleh Y.B. Ijok.

Y.B. TUAN Dr. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ini membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut: bahawasanya mengikut peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Kuasa Tempatan JPBT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung amalan terbaik perancangan bandar susulan daripada lawatan dan Majlis Perbandaran Singapura yang telah bentang Dewan yang mulia ini sebagai kertas Bil.(42) Tahun 2015. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian pembentangan penyata ini adalah bertujuan untuk mengemukakan syor dalam membantu kerajaan negeri untuk menambah baik perancangan bandar di negeri Selangor selaras demi mengukuhkan kedudukan Selangor sebuah negeri yang maju. Fakta dan penemuan Jawatankuasa telah menemui pihak-pihak *Urban Development Authority* dan juga Majlis dan juga Ahli-ahli Majlis Perbandaran Ang Mo Kio yang saya nak tonjolkan ialah Pengerusi, Majlis Bandaran di Singapura ialah seorang ahli yang dilantik, yang dipilih oleh rakyat, itu yang penting sebab Pengerusi ialah seorang yang prihatin kepada masalah masyarakat. Di sini telah dilantik, di sana dipilih. Bermakna itu bezanya mengapa *Local Authority* atau Majlis Bandaran sana mereka, masalah-masalah telah diselesaikan dengan efisien dan apa yang dikehendaki oleh rakyat. Ini yang beza besar. Mungkin di Selangor kita cuba merubah begitu seorang Ahli Parlimen atau DUN dilantik sebagai Pengerusi PBT. Itu yang kami telah dapati, ini untuk menambahkan lagi *efficiency* di PBT. Yang kami tinjau ialah di sana mereka ada satu pelan, *Concept Plan*, untuk rancangan di bandar. *Concept Plan* ini ialah satu pelan, satu rancangan telah dirancang selama 40 - 50 tahun, bermakna mereka pandang ke hadapan dan tiap-tiap 10 tahun rancangan ini akan dikaji semula untuk menyesuaikan keadaan bandar kepada rakyat. Selain daripada *Concept Plan*, dia ada lagi satu pelan iaitu sebuah pelan yang lebih terperinci dinamakan *Master Plan*. Di sini pun ada satu *Master Plan* tetapi pelan-pelan yang ada sepatutnya mereka

janganlah ubah ikut suka hati, kadang-kadang kami dapati pelan-pelan ini sudah diubah untuk kepentingan sesuatu pihak. Jadi dan juga mereka di sana merancang satu kawasan lapang, hijau yang mencukupi. Maksudnya mereka prihatin tentang keadaan alam sekitar dan membuat satu rancangan, tiap-tiap pembangunan mereka ada kawasan hijau. Kawasan hijau tu boleh dihubungkan di antara satu dengan lain, menggalakkan mereka berjalan, berbasikal dan membuat aktiviti yang sihat. Jadi saranan Jawatankuasa Ahi-ahli Yang Berhormat ialah setiap PBT perlu mempunyai satu *Concept Plan* masing-masing yang menjadi objektif serta pelan strategik bagi PBT bagi merangka pembangunan kawasan pentadbiran mereka. Pelan tersebut perlu memperincikan sasaran bilangan penduduk, rancangan guna tanah, dan juga secara kasar jumlah kawasan lapang yang diperlukan. Jumlah kepadatan sesuatu kawasan, serta kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan.

Yang kedua, kerajaan negeri perlu boleh atau merangka garis panduan secara umum bagi PBT di Selangor secara mengadakan, mengehendkan jumlah penduduk di sesuatu kawasan PBT. Ini menggalakkan penduduk tertumpu di sesuatu kawasan dan dalam masa yang sama pembangunan boleh turut dirasai di kawasan-kawasan lain yang berpendapatan rendah. Saranan yang akhir ialah PBT di Selangor perlu mendapati model *Master Plan* ke dalam Rancangan Tempatan di mana definisi zon guna tanah dan kadar nisbah plot minimum dan maksimum bagi setiap plot adalah jelas. Itu saranan dari Jawatankuasa PBT untuk dibahaskan. Sekian.

TUAN SPEAKER: Ada penyokong? Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya buka untuk dibahaskan. Kalau tak ada saya minta pihak kerajaan. Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker saya ucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pilihan PBT yang telah membuat lawatan ke Singapura tetapi tak mengajak EXCO sekali. Tiga saranan yang telah dikemukakan kepada pihak kerajaan negeri dan juga Yang Berhormat Ijok ada bangkitkan tentang adakah kerajaan negeri akan mungkin ikut sistem yang ada di Singapura iaitu ni Ahli Parlimen atau pun ADUN akan dilantik di dalam PBT sebagai Pengerusi tapi saya lihat dalam 3 saranan ni tak ada saranan daripada Jawatankuasa, mungkin ini pendapat dari Yang Berhormat Ijok sendiri. Kerajaan negeri akan mengkaji semua saranan daripada Jawatankuasa dan akan mengemukakan maklum balas dalam sidang Dewan yang akan datang.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya ada soalan kepada EXCO.

TUAN SPEAKER: Boleh tanya.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih. Tadi salah satu saranan kalau tak silap saya ialah tentang *plot ratio*. Betul? Di dalam kertas kerja yang telah dibentangkan tadi. Saya nak minta EXCO ini tentang *plot ratio* ini mungkin *debate* di dalam negeri Selangor, khususnya di tempat-tempat macam Petaling Jaya, di Klang, dan beberapa tempat yang pembangunannya memang pesat. Adakah kerajaan negeri bersedia untuk teliti tentang *plot ratio* ini di beberapa tempat di dalam negeri Selangor sebab permintaan sekarang ialah untuk meningkat *plot ratio* mengikut kesesuaian di dalam sesuatu kawasan itu, *land availability* dan juga padatnya kawasan untuk dibina bangunan-bangunan baru, adakah kerajaan negeri sedia untuk berbincang dan kalau *there is a necessity* kerajaan negeri boleh bagi pandangan atas isu *plot ratio* di dalam negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Sri Andalas. Kerajaan negeri memang sedia lah, kita mengkaji balik. Ada satu cadangan yang baru adalah kerajaan negeri di peringkat Jawatankuasa Perancangan Bandar dan Desa telah pun kita putuskan bahawa di dalam kawasan berdekatan dengan *transport oriented* iaitu berdekatan dengan stesen seperti LRT dan sebagainya, kita boleh menaikkan *plot ratio* kepada yang berstatus komersial ke 1:8. Itu adalah keputusan yang terbaru oleh kerajaan negeri.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah satu Usul yang berbunyi bahawa se nya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) Negeri Selangor Berhubung Amalan Terbaik Perancang Bandar Susulan Daripada Kawasan Ke *Urban Redevelopment Authority* dan Majlis Perbandaran Ang Mo Kio, Singapura yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 42 Tahun 2015. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN: Usul nombor 26, Tahun 2015, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut; Bahawa sa nya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan,

Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competent, Accountability And Transparency*) SELCAT Dewan Negeri Selangor Berkenaan Penyenggaraan Dan Pemantauan Perumahan PPR Negeri Selangor yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 43 Tahun 2015.

Tuan Speaker, Jawatankuasa SELCAT telah mengadakan satu Pendengaran Terbuka pada 3hb Mac 2015 yang diketuai oleh Yang Berhormat Tuan Speaker bagi menyiasat kecekapan pengurusan dan perbelanjaan dana pembiayaan dan penyelenggaraan flat Program Perumahan Rakyat (PPR). Ini berkaitan dengan insiden susulan kematian 2 orang kanak-kanak di flat PPR Kota Damansara pada 21hb Jun 2013 dan 21hb Januari 2015. Susulan daripada itu Jawatankuasa SELCAT juga begitu prihatin telah membuat lawatan mengejut ke PPR Kota Damansara pada 26 Februari 2015 untuk mendapat gambaran yang tepat mengenai masalah penduduk di PPR Kota Damansara. Pada ketika itu juga kita jemput ada turut serta Yang Berhormat Kota Damansara juga berada bersama kita untuk sama-sama kita pantau apa sebenarnya yang berlaku dan susulan daripada itu daripada Pendengaran Terbuka oleh SELCAT, Jawatankuasa telah menemui beberapa perkara yang penting yang saya kira saya perlu huraikan. Ya Jawatankuasa mendapati bahawa kerajaan negeri hanya bertanggungjawab secara terus. Kita harap PPR Kampung Baru HICOM, PPR Kota Damansara, PPR Serendah, PPR yang dibina oleh kerajaan persekutuan dijual terus kepada pembeli melalui senarai nama yang dikendalikan oleh Lembaga Perumahan Hartanah Selangor. Jawatankuasa juga mendapati bahawa tiada sebarang penyelarasan dan kerjasama antara agensi dan badan kerajaan persekutuan serta kerajaan negeri. Seterusnya untuk PPR Kota Damansara, Jawatankuasa mendapati bahawa penduduk telah diberikan janji daripada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri untuk saluran peruntukan pembaikan kerosakan tetapi kerja dilaksanakan dengan lewat, seakan-akan peruntukan tidak diturunkan. Pada masa yang sama Jawatankuasa SELCAT juga PPR Kota Damansara, Jawatankuasa mendapati bahawa keadaan pengurusan sama ada daripada kutipan sewa, pendaftaran penduduk, pemindahan semula penduduk setelah tempoh transit selesai, penyenggaraan, penjagaan keselamatan penduduk adalah dalam keadaan yang sungguh mengecewakan semasa di bawah kawalan Majlis Bandar Raya Petaling Jaya (MBPJ). Sesetengah isu ini berpanjangan di bawah kawalan Perumahan dan Hartanah Selangor (PHSSB) walaupun kuasa milikan daripada segi undang-undang adalah masih di tangan MBPJ Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd dianggap sebagai tidak diurus langsung PPR Kota Damansara. Jawatankuasa juga mendapati bahawa kerosakan bangunan dan peralatan yang dihadapi PPR Kota Damansara adalah akibat kombinasi kegunaan berpanjangan, kecurian dan vandalisme. Masalah ini adalah masalah *universal* di semua pangsapuri kos rendah di negeri Selangor bukan sahaja di PPR Kota Damansara. Jawatankuasa SELCAT juga mendapati bahawa terdapat berbagai-bagai isu yang timbul akibat masalah milikan tanah di kesemua flat PPR di Negeri Selangor yang masih belum lagi diselesaikan oleh Kerajaan Negeri. Contoh PPR

Kota Damansara dibina di atas tanah PKNS dan masih belum diserahkan kepada Kerajaan Negeri kemudiannya melantik MPPJ untuk menguruskan PPR Kota Damansara dan kerja penyelenggaraan pula diserahkan kepada Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. Ini telah menyebabkan ke tidak jelaskan, kecelaruan bidang kuasa pihak-pihak terlibat dalam kerja pembaikan dan penaiktarafan PPR Kota Damansara. Jawatankuasa juga mendapati bahawa kutipan sewa dengan kadar, ada di mana sesetengah penduduk membayar RM250.00, RM124.00 yang dikutip oleh Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. PBR Kota Damansara tidak mencukupi. Tidak mencukupi untuk menampung operasi harian dan kerja-kerja pembaikan segala kerosakan. Kutipan ini di bawah pentadbiran MPPJ adalah hanya RM30.00 sebulan dengan kerugian, anggaran kerugian RM30,000 sebulan. Malah rugi tidak untung, oleh yang demikian Jawatankuasa *SELCAT* telah membuat beberapa saranan untuk diteliti oleh Kerajaan Negeri supaya diambil maklum dan diberi perhatian yang serius. Antaranya yang pertama Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif untuk menyelesaikan masalah milikan tanah flat PPR. Bidang kuasa, peruntukan pelaksanaan kerja-kerja, pembaikan pembangunan PPR, proses penyerahan tanah dan pemberimilikan semula hendaklah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk semua tanah PPR dengan segera. Ya kita tidak mahu masalah bidang kuasa yang tidak selaras, masing-masing tidak jelas dengan kuasa mereka. Jadi kita harap perkara ini tidak disoal isu pemilikan tanah dapat diselesaikan. Dan seterusnya cadangan dan saranan daripada Jawatankuasa kedua. Jawatankuasa berpendapat bahawa PBT hendaklah dihentikan daripada dijadikan badan pengurusan dan pembaikan flat PPR di Negeri Selangor. Sebaliknya PBT hendaklah fokus terhadap penyediaan perkhidmatan atas asas masyarakat setempat. Penubuhan agensi seperti Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd adalah langkah yang tepat untuk menyelesaikan masalah pengurusan flat PPR. Syor saranan yang ketiga adalah seperti berikut Jawatankuasa *SELCAT* menyarankan supaya Kerajaan Negeri memastikan supaya pemeriksaan berkala dilakukan secara proaktif dan bukan menunggu aduan untuk PPR di Negeri Selangor. Ini adalah untuk memastikan tahap keselamatan penduduk PPR terjaga menurut piawaian keselamatan antarabangsa untuk rumah pangsapuri. Jawatankuasa *SELCAT* juga berpendapat penghalang konkrit lebih sesuai digunakan untuk mengelakkan vandalisme dan kecurian penghalang besi yang sentiasa berlaku. Kita dapati banyak PPR penghalang besinya dicuri telah menyebabkan mendatangkan bahaya sehingga ada yang terjatuh dan sebagainya. Jadi oleh kerana pencuri besi itu ramai kita minta dicadangkan buat konkritlah dan seterusnya jawatankuasa juga yang keempat menemui bercadang menyarankan supaya kadar sewa di PPR di Negeri Selangor dinilai dari masa ke semasa dengan kadar yang berpatutan. Kerajaan Negeri hendaklah menampung kekurangan sehingga mencukupi untuk memastikan tahap keselamatan bangunan flat PPR terjaga. Saranan jawatankuasa seterusnya yang kelima supaya mencadangkan PDRM membuka pondok polis 24 jam di PBR untuk menangani masalah sosial yang telah dibangkitkan oleh persatuan penduduk dan NGO. Penduduk hendaklah diberikan latihan ataupun saranan mengenai hak-hak

mereka untuk dilindungi di bawah undang-undang. Kita tahu berbagai-bagai masalah sosial timbul berlaku di kawasan-kawasan flat PPR. Ramai daripada mereka yang berpendapat rendah, mereka berada di situ kadang-kadang sentiasa berlaku suatu gejala sosial di situ. Jadi untuk keselamatan penduduk di situ pondok polis perlu diadakan di situ. Saranan jawatankuasa yang ke enam menyarankan supaya pejabat pengurusan hendaklah dibuka di flat PPR untuk mengambil kira PBR rata-rata rakyat miskin bandar yang tidak mempunyai pilihan untuk mengambil cuti pada waktu bekerja dan menanggung kos pungutan hanya untuk membayar sewa bulanan pejabat pengurusan membayar sewa dan sebagainya hendaklah dibuka di luar waktu pejabat untuk kemudahan mereka. Seterusnya Jawatankuasa SELCAT yang ke tujuh saranannya menyarankan supaya Kerajaan Negeri memastikan badan pengurusan flat PPR menyediakan kemudahan awam seperti dewan untuk kegunaan awam. Fasaliti bangunan pengurusan jenazah, kenduri, program kanak-kanak seperti perpustakaan awam gerak untuk memastikan penduduk tidak terdedah kepada bahaya fizikal dan gejala sosial semasa ibu bapa mereka sibuk bekerja. Di samping itu hubungan antara kaum juga dapat dieratkan rata-ratanya penduduk flat PBR tidak mampu mengupah pengasuh atau menghantar anak kecil ke taska menyebabkan mereka terdedah kepada bahaya fizikal dan anasir-anasir yang tidak baik. Jadilah begitulah ada tujuh saranan oleh Jawatankuasa SELCAT untuk diteliti oleh Ahli Yang Berhormat tentang masalah program perumahan rakyat di Negeri Selangor ini. Saya minta Yang Berhormat semua dapat meneliti dan akan pentingnya Kerajaan Negeri meneliti dengan teliti tentang syor penemuan daripada pandangan terbuka daripada Jawatankuasa SELCAT dan saranan-saranan yang diberikan supaya PPR di Negeri Selangor ini kita dapat tadbir urus dengan berkesan dan secara tersusun dan lebih bersistematik memastikan hak rakyat golongan yang berpendapatan rendah dapat kita bela suara hati mereka, nasib mereka, kita sentiasa prihatin dan kita bela. Inilah untuk saya mohon cadangkan, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Penyokong.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Baiklah usul ini telah pun disokong, saya buka untuk dibahaskan. Kota Damansara.

Y.B PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih kepada Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi sedikit pandangan berkenaan apa yang telah dibentangkan. Pertamanya saya ingin mengesyorkan supaya mencadangkan Kota Damansara mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengusahakan satu konsep kepada penyewa-penyewa yang berkelayakan untuk sewa beli kepada rumah-rumah di Seksyen 8, Kota Damansara ini supaya kita dapat membantu rakyat yang mempunyai pendapatan rendah memiliki rumah sendiri dan mereka mempunyai *self belonging* di tempat tersebut supaya altitud sekarang ini apa

yang kita lihat persekitaran yang tidak berapa sesuai dan terbiar dan adalah salah satu daripadanya mereka ini tidak merasakan bahawa rumah yang mereka miliki itu rumah sendiri. Jadi kalau konsep ini boleh diusahakan oleh Kerajaan Negeri saya rasa kita dapat membantu mereka-mereka yang tidak berkelayakan dan saya yakin mereka juga akan berusaha sedaya upaya, saya bersetujulah bahawa sewa rumah yang dikenakan kalau dulu RM124.00 kepada RM250.00 dikenakan kepada mereka-mereka yang ini saya setuju. Dan baru-baru ini saya juga berasa amat terkejut dan sedih juga apabila ada di antara penyewa-penyewa ini datang ke pejabat pusat khidmat saya meminta bantuan sebab mereka ini diberi notis untuk mengosongkan premis sebab mereka mempunyai tunggakan yang banyak tetapi saya nak mintalah budi bicara Kerajaan Negeri untuk memaklumkan kepada PHSSB ini untuk mempunyai sedikit budi bicara dalam usaha mereka nak mereka mengeluarkan kepada penyewa-penyewa mungkin lewat membayar sewa. Saya difahamkan bahawa ada yang mempunyai tunggakan 2 bulan, 3 bulan ini supaya menggunakan budi bicara sebab saya difahamkan mereka nak bayar, mereka hanya mampu membayar mungkin RM300.00, mampu membayar mungkin RM500.00 daripada tunggakan RM2,000.00 atau RM3,000.00. Saya rasa terimalah sahaja bayaran itu sebab mereka tidak akan mampu menyewa rumah di kawasan yang lain. Sebab kalau di Kota Damansara itu serendah-rendah sewa rumah di apartmen yang lain contoh Apartmen Gugusan Kantan ataupun Gugusan Seroja itu sewanya adalah sebanyak RM600.00. *Defently* dengan izin mereka tidak akan mampu menyewa jadi saya difahamkan apabila mereka nak bayar dengan harga, dengan jumlah yang sedikit pihak *managment* tidak mahu terima. Ini satu perkara yang saya nak mintalah, keduanya saya juga difahamkan ada di antara penyewa-penyewa mempunyai tunggakan ini ingin memohon peruntukan daripada Pusat Zakat untuk membantu membayar sewa yang tertunggak tetapi saya difahamkan apabila mereka mendapat borang daripada Pusat Zakat pihak PHSSB kata mesti mendapat kelulusan daripada mereka. Apabila penyewa ini pergi memohon untuk mendapatkan sokongan bukan kelulusan, sokongan daripada pihak PHSSB ini mereka meminta bayaran setengah daripada penyewa ini baru mereka nak memberi sokongan. Jadi ini suatu perkara yang amat mengecewakan dan ini tidak akan membantu mereka-mereka yang miskin dan juga yang tidak berkemampuan tinggal di kawasan PBR ini. Jadi saya nak menyerulah kepada Kerajaan Negeri mengambil kira sesuatu tindakan yang kita nak lakukan ini kita kena ambil juga kira budi bicara sebab saya tahu YAB MB kata kita kena peduli rakyat. Tegak kepala kan YAB MB kata kita kena peduli rakyat, ini macam tidak peduli sahaja, tak peduli kan, samalah seperti contoh Kerajaan Negeri sepatutnya mesti mencari jalan penyelesaian contoh macam gerai di Seksyen 7 dirobohkan memberi notis yang singkat kepada peniaga-peniaga tanpa memikirkan untuk mencari penempatan semula peniaga-peniaga ini. Ini contoh yang saya bagilah dah larilah sikit tapi ini contoh sama juga kalau macam penyewa-penyewa ini kena cari jalan penyelesaian bagaimana kaedah yang terbaik untuk kita membantu mereka-mereka yang tidak berkemampuan ini. Jadi kalau ini boleh dilakukan YAB MB *short form* nya YAB Menteri Besar saya nak mohon carilah

kaedah bagaimana kita nak membantu mereka-mereka ini kalau betul-betullah slogan rakyat dipedulikan kita nak laksanakan. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ada lagi ADUN Yang Berhormat nak berbahas kalau tidak saya minta pihak kerajaan untuk memberi maklum balas.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian terutamanya kepada Sekinchan, Kota Damansara, Taman Medan dan juga yang telah membentangkan atau memberi pandangan-pandangan yang saya kira penting bagi Kerajaan Negeri. *Insyah-Allah* Kerajaan Negeri akan mengambil maklum dan akan melaksanakan perkara-perkara yang wajar dilaksanakan. Cuma ada beberapa perkara yang telah ataupun dalam proses dilaksanakan. Contohnya kerja-kerja membaik pulih ataupun isu tanah sekarang ini tengah diselesaikan supaya jelas siapa yang memiliki akan tanah PBR yang sedia ada itu. Dan seterusnya terdapat cadangan dan supaya diserahkan semua PBR kepada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor iaitu kepada anak syarikat LPHS iaitu PHSSB. Memang terbukti bila kita mengambil alih atau pun PHSSB mengambil alih 2 PPR atau 3 PPR iaitu di Kota Damansara, di Kampung Baru HICOM dan juga Serendah. Bahawa keadaan kesejahteraan di PBR tersebut meningkat. Kerajaan Negeri akan mengkaji sama ada ianya satu perkara yang baru *baibel* dengan izin untuk pihak PHSSB juga mengambil alih PBR Lembah Subang yang sekarang ini ditadbir oleh MBPJ. Walaupun Lembah Subang adalah di bawah MBPJ tapi Kerajaan Negeri sentiasa berusaha di dalam membantu untuk mendapatkan peruntukan. Untuk tahun hadapan pihak MBPJ sebenarnya telah memasukkan satu permohonan supaya di masukkan dalam Belanjawan Peruntukan untuk membaikkan pulih PPR Lembah Subang. Yang seterusnya tentang yang dibangkitkan tentang pengehadan konkrit, ingin saya memaklumkan di sini bahawa jeriji atau pun pengehadan yang digunakan di koridor dengan izin PPR Kota Damansara adalah dibuat daripada besi atau pun daripada metal dan untuk menukarnya kepada konkrit atau pun kepada batu bata atau pun *brick wall* ia akan memberikan atau pun satu memberikan satu bebanan tambahan kepada koridor tersebut. Bermakna bahawa koridor itu tak kan boleh tampung apabila kita bina *brick wall*, itu sebab sekarang ini apabila kita membaik pulih akan atau pun kita membaik pulih jadi kita jeriji di situ kita menggunakan *grill* atau pun metal bukannya *brick wall* sebab konkrit itu dia ada punya *loading* yang lebih daripada *brick wall* dia tak dapat tampung sebab ia jadi bermakna itu sebab kita masih menggunakan *brick wall* tapi masih menggunakan *metal grill*. Walau bagaimana pun ingin saya memberi keyakinan atau pun memberitahu Dewan bahawa melaksanakan kajian dan kita telah melakukan satu reka bentuk dan ianya cukup selamat daripada yang sebelumnya. Dan seterusnya dari segi keselamatan tentang usaha untuk meletakkan Pondok Polis buat masa ini pihak PHSB telah meletakkan Pengawal Keselamatan untuk menjaga di situ. Walau bagaimanapun selepas ini selain daripada Pengawal Keselamatan kita akan cuba melaksanakan satu lagi skim Kerajaan Negeri untuk Perumahan Berstrata iaitu skim-skim rondaan keselamatan

dan kejiranan, atau pun seroja. Yang ini *insya-Allah* kita akan cuba laksanakan untuk mempertingkatkan keselamatan, juga untuk memastikan bahawa penduduk mempunyai semangat kekitaan atau semangat ke masyarakatkan. Dari segi kemudahan-kemudahan juga terdapat banyak peningkatan-peningkatan dari segi kemudahan yang akan *insya-Allah* kita lakukan.

Seterusnya Kota Damansara telah bertanya tentang masalah mereka yang tidak membayar sewa, memang kita terpaksa menghantar notis kepada mereka tetapi mereka boleh datang dan membincang. Apa yang kita mahukan adalah mereka bincang dan kita ada satu pelan macam mana perancangan mereka nak bayar bukan kita nak keluarkan mereka terus, tetapi bincang dengan pihak PHSB, macam mana kita nak bayar. Masalah sewa di PPR ini memang daripada zaman dulu lagi zaman Barisan Nasional merupakan satu masalah sebab hutang contohnya berjuta-juta bukan saya beratus ribu, tetapi berjuta-juta tetapi dengan satu cara baru yang di lakukan oleh pihak PHSB walaupun kita kata ada keras, kita dapat *almost* hampir 100% kita dapat pungut sewa daripada penyewa-penyewa PPR Kota Damansara. Jadi bermakna bahawa kita terpaksa menghantar akan notis-notis tersebut tetapi ia bukan bermakna kita nak halau tetapi datang bincang dan macam mana mereka akan bayar dan juga tadi ada dinyatakan bahawa perlu ada pejabat di PPR, memang ada pejabat tetapi mungkin kita perlulah buka selepas waktu pejabat supaya mereka atau pun waktu malam supaya mereka yang bekerja dapat datang untuk berurusan di situ. *Insya-Allah* perkara-perkara lain akan kita kaji dan akan kita cuba melaksanakan selepas satu kajian yang dilakukan. Terima kasih saya ucapkan kepada Jawatankuasa pilihan khas mengenai keupayaan bertanggungjawab ketelusan atau pun SELCAT mengenai isu penyelenggaraan dan pemantauan perumahan PPR Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara minta penjelasan.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Penjelasan sedikit kepada Y.B. EXCO ini. Memanglah Y.B. EXCO ini saya tengok memang baik, dia kata boleh budibicara. Yang tak boleh budi bicara ialah pegawai yang duduk di Management itu. Kalau Y.B. EXCO boleh bagi sedikit penerangan atau pun membuat sedikit memorandum kepada pegawai ini sebab yang selalunya memanglah yang kita ini di atas ini memang ada budi bicara, yang tak budi bicaranya lebih-lebih sangat ini, lebih sudu dari Kuang kak bawah ini, kalau itu dia ambil kira itu saya nak mengucapkan terima kasihlah.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kota Damansara, saya rasa kalau ada masalah tiada masalah kalau dapat berjumpa dengan perkara-perkara demikian boleh terus *contact* saya, saya pernah bagi nombor telefon dalam Dewan. Ambil gambar *WhatsApp* gambar pegawai itu kepada saya, terus saya boleh ambil tindakan terus. Nombor tak hilang lagi kan?

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Dah tahulah. Ok saya nak buat sedikit lagi, nak sedikit lagi penjelasan. Okay Tuan Pengerusi, Speaker, saya tahu saya sering kali menghantar surat sokongan kepada mereka-mereka terutamanya ibu tunggal untuk memohon menyewa rumah di PPR ini, alhamdulillah saya tahu Y.B. EXCO memberi jawapan dan *c.c. copy* salinan surat itu kepada *management*. Tetapi Y.B. EXCO tahu tak? Bila *management* dapat surat itu dia letak tepi sahaja, kalau dengan Y.B. EXCO sendiri dia tak hormat apatah lagi dengan saya. Sebab itu saya kata mereka ini lebih sudu daripada Kuah, itulah maksud saya.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Bagi namalah mereka yang bermasalah itu kita bincang terus dengan pihak pengurusan *insya-Allah*, ok terima kasih.

TUAN SPEKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi:-

Bahawasanya Menurut Peraturan 76(5) Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency-SELCAT) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan “Penyelenggaraan dan Pemantauan Perumahan PPR Negeri Selangor” yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 43 Tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul nombor 27 Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya Menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah (JP-PADAT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Isu Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi Tujuan Papan Iklan yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 44 Tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Penyata ini disediakan oleh JP-PADAT kerana terdapat aduan berkenaan permohonan lesen pendudukan sementara atau lebih dikenali sebagai TOL Papan Iklan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Petaling yang dihadapi oleh Majlis Bandar raya Shah Alam MBSA dan Majlis Perbandaran Subang

Jaya MPSJ. Bagi Shah Alam bagi MBSA Majlis Bandar raya Shah Alam sebanyak 69 permohonan telah dikemukakan sejak tahun 2010 tetapi hingga kini tiada satu pun yang telah diluluskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Petaling. Dan bagi MPSJ pula sebanyak 21 buah tapak baru telah dipohon sejak November 2014. Namun demikian, ia masih belum dapat maklum balas daripada PDT Petaling juga. Selepas sesi pendengaran dengan semua pihak Jawatankuasa berpendapat salah satu sebab utama adalah bilangan kakitangan yang tidak mencukupi di Pejabat Daerah. Pegawai yang sama, pegawai yang sama di Pejabat Daerah Petaling dia perlu memproses jumlah permohonan TOL yang tinggi bagi tujuan papan tanda, papan iklan dan juga permohonan untuk pengawal keselamatan, pondok pengawal keselamatan untuk *gated and guarded committee*. Jadi PDT Petaling seharusnya menetapkan lebih ramai pegawai untuk permohonan TOL tersebut.

Saranan yang kedua adalah Jawatankuasa juga ingin menyarankan pihak Kerajaan Negeri supaya mengkaji semula polisi berkenaan papan iklan atau *billboard* dengan mengambil kira pandangan semua pihak. Di samping itu Jawatankuasa Tanah Daerah yang pernah di cadangkan oleh JP-PADAT sebelum ini masih ditunggu-tunggukan. Jawatankuasa PADAT mencadangkan Kerajaan Negeri dapatkan segerakan penubuhan Jawatankuasa Tanah Daerah, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Penyokong.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker saya berdiri dan menyokong Usul yang di bawa oleh Y.B. Kinrara.

TUAN SPEAKER: Usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. Kalau tak ada pembahas saya minta pihak Kerajaan jika ingin memberi sebarang maklum balas.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan akan mengambil maklum perkara yang dicadangkan dalam Penyata yang berkenaan dan seperti yang kita sedia maklum pada minggu hadapan kita ada Bengkel Khas dan salah satu topik perbincangan ialah masalah tanah dan pengurusan tanah di Negeri Selangor kerana Bengkel yang kita adakan ini adalah untuk mendapat maklum balas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tentang pengurusan tanah yang lebih efektif yang perlu kita perkenalkan dalam Belanjawan 2016 dan saya percaya perkara-perkara yang dicadangkan oleh Jawatankuasa ini akan dibentangkan dan akan dibincangkan secara terperinci dalam Bengkel yang berkenaan, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah satu Usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya Peraturan 76(5) Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah JP-PADAT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Isu Lesen Pendudukan Sementara bagi tujuan Papan Iklan yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 44 Tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul nombor 28 Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Bangi. Ada ke? Tiada

TUAN SPEAKER: Ya, Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-
“Bahawasanya Menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah (JP-PADAT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Masalah Kecurian Pasir di

TUAN SPEAKER: Gombak Setia nak bawa Penyata bagi pihak Bangi?

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Ya.

TUAN SPEAKER: Saya tak benarkan, pembawa Usul kena ada dalam Dewan. Kita teruskan kepada Agenda yang seterusnya. Kertas ini digugurkan ya? Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Usul nombor 29 Tahun 2015 Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa

TUAN SPEAKER: Sekinchan tolong duduk. Jam telah menunjukkan pukul 4.30 petang maka saya tangguhkan Dewan sehingga esok 19 Ogos 2015 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang)